

**KESANTUNAN BERBAHASA DALAM BUKU *PEMIMPIN*
DALAM UNGKAPAN MELAYU KARYA TENAS EFFENDY**

SITI NORAIEN BINTI RAZALI

AKADEMI PENGAJIAN MELAYU

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

2016

KESANTUNAN BERBAHASA DALAM BUKU *PEMIMPIN*
DALAM UNGKAPAN MELAYU KARYA TENAS EFFENDY

SITI NORAIEN BINTI RAZALI

DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN IJAZAH
SARJANA PENGAJIAN MELAYU

JABATAN BAHASA MELAYU
AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2016

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: SITI NORAIEN BINTI RAZALI

No.K.P/Pasport:

No. Pendaftaran/Matrik: JGA 130001

Nama Ijazah: Ijazah Sarjana Pengajian Melayu Secara Kursus dan Disertasi

Tajuk Tesis (“Hasil Kerja ini”):

KESANTUNAN BERBAHASA DALAM BUKU *PEMIMPIN DALAM UNGKAPAN MELAYU KARYA TENAS EFFENDY*

Bidang Penyelidikan: SOSIOLINGUISTIK

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh :

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh :

Nama :

Jawatan :

ABSTRAK

Disertasi ini membincangkan kesantunan berbahasa yang terdapat dalam buku *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu (2000)* karya Tenas Effendy. Kajian ini menyenaraikan sebanyak tiga objektif, iaitu mengenal pasti ciri-ciri kesantunan berbahasa yang terdapat dalam bahan kajian; menganalisis ciri-ciri kesantunan berbahasa dalam ungkapan Melayu; dan menghuraikan nilai dan pengajaran yang terdapat dalam bahan kajian. Prinsip Kesopanan Leech (1993) telah dipilih sebagai teori dalam menjalankan kajian ini. Leech (1993) telah menyenaraikan enam maksim yang terdapat dalam Prinsip Kesopanan ini, iaitu maksim santun, maksim kedermawanan, maksim sokongan, maksim kerendahan hati, maksim persetujuan, dan maksim simpati. Buku *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu (2000)* karya Tenas Effendy telah digunakan sebagai bahan kajian dalam menjalankan kajian ini. Kaedah kajian teks dan kepustakaan digunakan dalam proses pengumpulan data. Analisis data secara kualitatif digunakan bagi mendapatkan hasil dapatan yang berkesan. Kajian ini dapat memberi pendedahan kepada masyarakat, khususnya generasi muda tentang aspek kesantunan berbahasa yang terdapat dalam ungkapan Melayu. Hasil kajian ini mendapati buku *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu (2000)* karya Tenas Effendy mempunyai ciri-ciri kesantunan yang tinggi. Di samping itu juga, bahan kajian ini turut mengandungi nilai dan pengajaran yang berguna kepada pemimpin dan bakal pemimpin serta masyarakat.

ABSTRACT

This dissertation discusses the politeness of language contained in the book *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu (2000)* by Tenas Effendy. There are three objectives, namely to identify the characteristics of politeness of language contained in research material ; to analyze aspects of politeness of language in Malay expression; and to describe the values and lessons found in the research material. The politeness theory promoted by Leech (1993) was chosen as basis for research. Leech (1993) has listed six maxims, which are the tact maxim, the generosity maxim, the approvation maxim, the modesty maxim, the agreement maxim and the sympathy maxim. The book *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu (2000)* written by Tenas Effendy was used as research material, and qualitative data analysis was used to get an effective result. This research will provide readers, especially the younger generation with information of politeness contained in Malay expression. The results of this research found that the book *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu (2000)* by Tenas Effendy has a high level of characteristics of politeness. In addition, this research also provide example the values and lessons that will useful to the leaders and future leaders of the community.

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan rahmat-Nya penulis dapat menyempurnakan disertasi ini sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan bagi Ijazah Sarjana Pengajian Melayu.

Setinggi-tinggi jutaan terima kasih dirakamkan buat penyelia disertasi ini, Yang Berbahagia Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim atas segala nasihat, bimbingan, dan tunjuk ajar beliau disepanjang penulis menyiapkan disertasi ini.

Disertasi ini didedikasikan buat Allahyarham Pak Tenas Effendy yang telah banyak menyumbang bakti kepada dunia karya persuratan di Indonesia mahupun di Malaysia. Segala hasil karya beliau amat bernilai dan wajar diketengahkan agar dapat digunakan sebagai panduan untuk masa hadapan terutamanya buat generasi muda.

Tidak dilupakan juga sejuta penghargaan buat kakitangan Akademi Pengajian Melayu. Buat pensyarah-pensyarah di Jabatan Bahasa Melayu yang telah membimbing penulis, terutamanya Prof. Madya Dr. Ab. Razak, Dr. Rohaidah, Prof. Madya Dr. Puteri Roslina dan Prof. Nuwairi jutaan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan atas tunjuk ajar dan ilmu yang disampaikan secara langsung mahupun tidak langsung.

Teristimewa buat keluarga tercinta, terutamanya buat emak dan ayah, iaitu Puan Latipah Sahri dan Encik Razali Md. Derus atas doa, pengorbanan dan sokongan buat anakmu ini. Tidak ketinggalan untuk rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu, mencurahkan idea dan mendoakan kejayaan penulis.

Siti Noraien Bt Razali

JADUAL KANDUNGAN

ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
JADUAL KANDUNGAN	vi
SENARAI GAMBAR RAJAH	x
BAB 1: PENGENALAN	
1.0 Pendahuluan.....	1
1.1 Latar Belakang Kajian.....	1
1.1.1 Kesantunan dalam Masyarakat Melayu.....	4
1.1.2 Kesantunan dalam Agama Islam.....	10
1.1.3 Kesantunan dalam Karya Sastera.....	12
1.2 Sorotan Kajian.....	14
1.2.1 Kesantunan dalam Karya Sastera.....	15
1.2.2 Kesantunan dalam Masyarakat Melayu.....	18
1.2.3 Kesantunan dalam Filem dan Dialog.....	21
1.2.4 Kesantunan dalam Islam.....	22
1.2.5 Kesantunan dalam Pengurusan Pentadbiran.....	23
dan Media	
1.2.6 Kesantunan dalam Pendidikan.....	24
1.2.7 Kesantunan dalam Ceramah.....	25
1.3 Permasalahan Kajian.....	26
1.4 Objektif Kajian.....	28
1.5 Bidang Kajian.....	28
1.6 Bahan Kajian.....	29
1.7 Batasan Kajian.....	29
1.8 Kaedah Kajian.....	29
1.9 Kepentingan Kajian.....	30

1.10 Konsep Operasional.....	31
1.10.1 Kesantunan Berbahasa.....	31
1.10.2 Ungkapan Melayu.....	33
1.10.3 Pemimpin.....	35
1.11 Biodata Tenas Effendy.....	36
1.11.1 Ungkapan Melayu mengikut Perspektif Tenas Effendy.....	39
1.11.2 Ciri-ciri Kepengarangan Tenas Effendy dalam buku.....	44
<i>Pemimpin dalam Ungkapan Melayu (2000)</i>	
1.12 Rumusan.....	46

BAB 2: METODOLOGI KAJIAN DAN KERANGKA TEORETIS

2.0 Pendahuluan.....	47
2.1 Metodologi Kajian.....	47
2.1.1 Reka Bentuk Kajian.....	47
2.1.2 Analisis Data.....	48
2.1.3 Bahan Kajian.....	49
2.2 Tatacara Pengumpulan Data.....	49
2.3 Kerangka Teoretis.....	50
2.4 Prinsip Kesopanan Leech (1993).....	50
2.4.1 Maksim Santun.....	52
2.4.2 Maksim Kedermawanan.....	55
2.4.3 Maksim Sokongan.....	56
2.4.4 Maksim Kerendahan Hati.....	57
2.4.5 Maksim Persetujuan.....	58
2.4.6 Maksim Simpati.....	59
2.5 Pandangan Sarjana Tempatan.....	61
2.5.1 Berbudu dan berbahasa.....	63
2.5.2 Agama Islam.....	64
2.5.3 Nilai dan Pengajaran.....	65
2.6 Kerangka Konsepsi.....	67
2.7 Rumusan.....	68

BAB 3: KESANTUNAN BERBAHASA DALAM BUKU *PEMIMPIN DALAM UNGKAPAN MELAYU*

3.0	Pendahuluan.....	69
3.1	Aspek-aspek Kesantunan Berbahasa Berdasarkan Prinsip Kesopanan.....	69
	Leech (1993)	
3.2	Kesantunan Berbahasa Berdasarkan Prinsip Kesopanan.....	71
	Leech (1993)	
	3.2.1 Maksim Santun.....	71
	3.2.2 Maksim Kedermawanan.....	99
	3.2.3 Maksim Sokongan.....	110
	3.2.4 Maksim Kerendahan Hati.....	114
	3.2.5 Maksim Persetujuan.....	120
	3.2.6 Maksim Simpati.....	123
3.3	Rumusan.....	125

BAB 4: NILAI DAN PENGAJARAN DALAM BUKU *PEMIMPIN DALAM UNGKAPAN MELAYU*

4.0	Pendahuluan.....	127
4.1	Nilai dan Pengajaran.....	127
	4.1.1 Nilai Mulia Budi.....	128
	4.1.2 Nilai Rajin.....	130
	4.1.3 Nilai Bertanggungjawab.....	131
	4.1.4 Nilai Sabar.....	132
	4.1.5 Nilai Tahu Diri.....	134
	4.1.6 Nilai Merendah Diri.....	135
	4.1.7 Nilai Sopan santun.....	136
	4.1.8 Nilai Berhati-hati atau cermat.....	137
	4.1.9 Nilai Pemurah.....	138
	4.1.10 Nilai Mematuhi Adat.....	139
	4.1.11 Nilai Ikhlas.....	141
	4.1.12 Nilai Adil.....	141

4.1.13 Nilai Amanah.....	143
4.1.14 Nilai Berani.....	144
4.1.15 Nilai Jujur.....	145
4.1.16 Nilai Menyayangi dan Mengasihi Rakyat.....	146
4.1.17 Nilai Memegang Janji.....	147
4.1.18 Nilai Iman dan Taqwa kepada Allah.....	148
4.2 Rumusan.....	150

BAB 5: PENUTUP

5.0 Pendahuluan.....	151
5.1 Rumusan Kajian.....	151
5.1.1 Ciri-ciri Kesantunan Berbahasa.....	152
5.1.2 Kesantunan berbahasa dalam Ungkapan Melayu.....	153
5.1.3 Nilai dan Pengajaran.....	161
5.2 Implikasi Kajian.....	165
5.3 Cadangan.....	165
5.3.1 Pihak Kerajaan.....	166
5.3.2 Pihak Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pihak Penerbitan.....	166
5.3.3 Pihak Pengajian Tinggi dan Sekolah.....	166
5.3.4 Penyelidik.....	167
5.4 Cadangan Kajian Lanjutan.....	167
RUJUKAN.....	168

SENARAI GAMBAR RAJAH

Rajah 2.1: Kerangka Konsepsi.....	67-68
Rajah 3.1: Maksim Kesopanan Leech.....	70
Carta 3.2: Kekерapan Maksim Santun.....	72
Carta 3.3: Kekерapan Maksim Kedermawanan.....	99
Carta 3.4: Kekерapan Maksim Kerendahan hati.....	114

University of Malaya

BAB 1: PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Bab ini membincangkan latar belakang kajian, sorotan kajian, permasalahan kajian, objektif, bidang kajian, bahan kajian, batasan kajian, kaedah kajian, kepentingan, konsep operasional, biodata Tenas Effendy dan rumusan. Kajian ini merupakan kajian dalam bidang kesantunan berbahasa yang meneliti ungkapan Melayu yang terdapat dalam buku *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu (2000)*. Buku *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu (2000)* karya Tenas Effendy digunakan sebagai bahan kajian. Dua kaedah digunakan dalam menjalankan kajian ini, iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah kajian teks. Kajian ini dapat memberi pendedahan kepada masyarakat, khususnya generasi muda, tentang aspek kesantunan berbahasa yang terdapat dalam ungkapan Melayu.

1.1 Latar Belakang Kajian

Bahasa ialah cerminan budaya sesuatu bangsa. Ungkapan seperti '*Bahasa menunjukkan bangsa*' sering meniti bibir-bibir masyarakat yang menggambarkan peri pentingnya bahasa kepada sesuatu bangsa. Penggunaan bahasa yang baik dan sopan amat dititikberatkan dalam masyarakat, khususnya masyarakat Melayu. Bahasa yang kesat dan kasar menggambarkan penutur yang kurang akal budi dan dhamirinya, manakala bahasa yang sopan dan halus pula menggambarkan watak dan peribadi mulia sesuatu kaum, bangsa atau individu tersebut (Kamal Shukri Abdullah Sani 2007, p.196).

Kesantunan atau kesopanan berbahasa dan kehalusan budi bahasa dalam masyarakat Melayu telah dipupuk sejak kecil lagi. Orang Melayu amat mementingkan nilai budi bahasa dan kesopanan dalam kehidupan mereka. Awang Sariyan (2007) menyatakan

perkataan “santun” diberi makna oleh *Kamus Dewan* sebagai halus, iaitu merangkumi budi bahasa atau budi pekerti, beradab, dan sopan. Oleh itu, perkataan “kesantunan” berkait dengan sifat kehalusan budi bahasa atau budi pekerti dan kesopanan. Tambah beliau, kesantunan berbahasa secara umumnya merujuk kepada penggunaan bahasa yang baik, sopan, beradab, memancarkan peribadi mulia dan menunjukkan penghormatan kepada pihak yang menjadi teman bicaranya.

Ab. Razak Ab. Karim (2006) pula mendefinisikan kesopanan berbahasa sebagai peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh budaya dalam sesebuah masyarakat apabila berlakunya sesuatu komunikasi antara anggota masyarakat. Sekiranya pemeran melanggar norma berbahasa yang telah ditetapkan, ia dikatakan tidak tahu berbahasa. Tambah beliau lagi, kesopanan berbahasa boleh dilihat daripada aspek tingkah laku masyarakat penutur bahasa melalui bahasa badan ataupun aspek-aspek bahasa yang dituturkan, iaitu pemilihan kata atau ayat yang akan menggambarkan sama ada seseorang itu memenuhi norma budaya bahasa tersebut.

A. Aziz Deraman et al. (2010) berpendapat bahawa kesantunan berbahasa ialah tatacara atau peraturan yang wujud dan dapat dilihat dalam interaksi komunikasi antara individu atau masyarakat. Kesantunan berbahasa sesuatu masyarakat itu dipengaruhi oleh nilai dan norma budaya masyarakat yang terlibat. Beliau telah membahagikan kesantunan berbahasa kepada tiga aspek, iaitu aspek bahasa, aspek sastera dan aspek budaya. Kesantunan berbahasa dari aspek bahasa dapat dilihat seperti dalam cara sapaan lisan atau bertulis, kehalusan budi bahasa dalam menggunakan bahasa atau kesopanan ketika menggunakan bahasa dan sistem sapaan dan panggilan yang tersendiri. Dari aspek sastera, beliau menyatakan kesantunan berbahasa dapat dilihat dalam kaitannya dengan kebijaksanaan Melayu yang terdapat pada simpulan bahasa atau ungkapan, peribahasa, bidalan dan perumpamaan, bahasa kiasan, bahasa sindiran, pantun, syair dan nazam. Kesantunan berbahasa dari aspek budaya pula dapat dikenal

pasti dalam pantun atau mana-mana karya persuratan yang menggambarkan pentingnya penggunaan bahasa bagi menggambarkan nilai-nilai budaya budi seseorang.

Berdasarkan pentakrifan makna kesantunan berbahasa yang diberikan oleh beberapa orang pengkaji, dapatlah disimpulkan bahawa kesantunan berbahasa merupakan penggunaan bahasa yang baik, sopan, terpuji dan tidak memberi kesan negatif kepada pendengar semasa berkomunikasi agar mesej atau maklumat dapat disampaikan dengan tepat, berkesan dan difahami oleh pendengar. Kesantunan berbahasa juga tidak terhad kepada aspek tutur kata, bahkan meliputi aspek tingkah laku dan air muka yang ditunjukkan oleh individu.

Setiap masyarakat atau bangsa mempunyai peraturan bahasa masing-masing. Kepatuhan terhadap peraturan yang terdapat pada sesuatu bahasa merupakan kayu ukur kepada aspek kesantunan. Ringkasnya, pengguna bahasa dianggap mempunyai nilai kesantunan yang tinggi apabila mengikuti segala peraturan dalam berbahasa. Hal ini turut diperakui oleh Awang Sariyan (2007) yang menurut beliau kesantunan berbahasa diukur berdasarkan kepatuhan pengguna bahasa kepada peraturan yang terdapat dalam bahasa sesuatu masyarakat.

Asmah Haji. Omar (2002) membahagikan peraturan penggunaan bahasa kepada tiga jenis, iaitu peraturan linguistik, peraturan sosiolinguistik dan peraturan pragmatik. Peraturan linguistik berkaitan dengan peraturan penggunaan bahasa yang menitikberatkan ketepatan bentuk dan binaan bahasa. Aspek utama yang mewakili bentuk dan binaan sesuatu bahasa ialah sebutan, intonasi dan tatabahasa. Peraturan sosiolinguistik pula berkaitan dengan penggunaan bahasa yang menitikberatkan hubungan sosial antara pembicara dengan pendengar, iaitu dalam konteks komunikasi lisan dan antara penulis dengan pembaca, iaitu dalam konteks komunikasi bukan lisan. Contohnya, penggunaan kata sapaan yang betul, sama ada kata ganti diri mahupun kata

panggilan hormat, yang ditentukan menurut sistem dalam masyarakat. Penekanan penggunaan bahasa yang perlu disesuaikan dengan tujuan komunikasi merupakan aspek yang perlu ada dalam peraturan pragmatik. Peraturan ini berkaitan dengan penggunaan bahasa yang sopan dan berkesan. Maka itu, perundingan, jual beli, ceramah, dan dialog memerlukan penguasaan peraturan pragmatik supaya tujuan atau hajat tercapai dan pada masa yang masa kesopanan bahasa terpelihara.

1.1.1 Kesantunan dalam Masyarakat Melayu

Awang Sariyan (2007) menyatakan kesantunan berbahasa secara umumnya merujuk kepada penggunaan bahasa yang baik, sopan, beradab, memancarkan peribadi mulia dan menunjukkan penghormatan kepada pihak yang menjadi teman bicaranya. Kesantunan berbahasa dalam masyarakat Melayu yang menjadi penghuni teras di Kepulauan Melayu sejak dua alaf yang lalu merupakan salah satu warisan yang penting dalam pembentukan keperibadian bangsa hingga kini. Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang dirumuskan pada tahun 1971 meletakkan kebudayaan asal rantau ini, iaitu kebudayaan Melayu, sebagai asas yang pertama. Tambah beliau, salah satu aspek kebudayaan Melayu yang menjadi asas kebudayaan kebangsaan negara ini ialah kesantunan berbahasa yang menggambarkan kehalusan budi, pemikiran, falsafah, sistem nilai, sistem masyarakat dan seluruh aspek kebudayaan.

Hashim Musa dan Halimah Pondo (2012) menyatakan kesantunan dalam pengertian orang Melayu seharusnya dikaitkan dengan tiga komponen keperibadian atau sahsiah seorang manusia, iaitu fi' il perangai dan budi pekertinya yang membawa kepada tindak tanduk perbuatan dan aksinya, budi bahasa dan tutur katanya yang membawa kepada budi bicara dan percakapannya, hati budi, iaitu kalbu dan akalnya. Ketiga-tiga komponen ini boleh dihuraikan seperti yang berikut:

- a. Budi pekerti dan adab sopan yang mulia merujuk kepada keperibadian, fi'il perangai, tindak tanduk dan tingkah laku yang baik, sopan santun, sesuai, wajar, pemurah, penyayang dan bermanfaat kepada masyarakat dan komunitinya;
- b. Budi bahasa dan budi bicara yang mulia pula merujuk kepada pertuturan yang manis, sopan, positif, bijaksana, bernas dan penuh pengajaran serta sumbangan kepada khalayak dan pendengar;
- c. Hati budi dan akal yang tinggi pula merujuk kepada akal fikiran dan hati kalbu yang sarat dengan ilmu, kebijaksanaan, ketenangan, kewarasan, kemuliaan, kebaktian, kebaikan, kekhusyukan dan keikhlasan. Dari sudut kesantunan berbahasa dalam Islam, hati budi dan akal yang tinggi merujuk kepada kalbu yang salim yang tertumpu kepada Khaliknya, dan akal yang sarat dengan ilmu yang benar hidayat daripada Khaliknya jua.

(Hashim Musa dan Halimah Pondo, 2012)

Mengikut pandangan dunia masyarakat Melayu, sebenarnya konsep santun mempunyai kaitan rapat dengan budi atau berbudi bahasa. Hal ini dikatakan demikian kerana budi itu sendiri sudah tersirat pekerti yang baik, seperti akhlak yang mulia. Akhlak yang mulia pula terangkum di dalamnya tutur kata atau budi bahasa yang baik, ikhlas, jujur, pemurah, belas kasihan, suka tolong-menolong, berbakti dan sebagainya (Mohammad Idris 2000, p.37-38).

Menurut Mohammad Idris (2000) lagi, antara ciri individu yang mengamalkan amalan kesantunan dalam kehidupan harian mereka ialah:

- a. Berbudi pekerti mulia
- b. Pertuturan yang sopan
- c. Tidak meninggi diri atau bersifat angkuh
- d. Lemah lembut dan berbudi bahasa

- e. Membantu golongan yang memerlukan
- f. Menjaga nama baik diri, agama, bangsa dan negara

(Mohammad Idris 2000, p.35)

Kesantunan berbahasa dalam masyarakat Melayu menurut Asmah Haji. Omar (2000) berkait rapat dengan sifat kehalusan budi bahasa atau budi pekerti dan keikhlasan yang tercermin dalam tatacara komunikasi sehari-hari yang tidak menimbulkan kegusaran, kemarahan dan rasa tersinggung daripada pihak pendengar untuk mengekalkan komunikasi yang harmoni tanpa menimbulkan sebarang konflik. Kesantunan berbahasa bagi masyarakat Melayu juga berkait rapat dengan penggunaan timbang rasa yang diberikan kepada pendengar oleh penutur melalui penggunaan bahasa yang halus untuk menyampaikan sesuatu mesej atau pesanan kepada seseorang serta mengandungi ciri bahasa yang menghormati seseorang (Asmah Haji Omar, 2000).

Asmah Haji. Omar (2007) telah membahagikan ciri-ciri kesantunan berbahasa dalam masyarakat Melayu kepada beberapa aspek, iaitu budi bahasa, budi pekerti, sopan santun, etika dan etiket, konsep muka dan konsep nilai. Seterusnya akan dihuraikan secara ringkas konsep-konsep ini.

(a) Budi bahasa

Asmah Haji Omar (2007) menyatakan ungkapan budi bahasa membawa makna perilaku atau tingkah laku yang baik dari segi gerak-geri, tutur kata dan sikap. Unsur sikap dalam budi bahasa itu bergantung pada keadaan mental. Tambahan pula, budi bahasa itu tidak lain daripada peraturan adab tertib dalam hubungan antara manusia yang mempunyai tiga dimensi, iaitu gerak laku, penggunaan bahasa dan keadaan mental. Menurut beliau lagi, ketiga-tiga dimensi tersebut berkait dengan menunjangi satu sama lain dalam mewujudkan budi bahasa seseorang. Gerak laku seseorang apabila berjalan

di hadapan orang atau mengambil bahagian dalam masyarakat atau temu duga merupakan pencerminan keadaan mental. Demikian juga apabila berbual dengan rakan atau dengan orang lain melalui telefon.

Merujuk Asmah lagi, tutur kata yang keluar dari mulut yang disertai dengan gaya suara tertentu ialah gambaran keadaan mental yang ada di dalam kepala dan penggunaan bahasa kehidupan meliputi juga penggunaan bahasa dalam bentuk tulisan. Bukan sahaja apa yang ditulis tetapi juga cara penulisan itu mencerminkan sikap seseorang dalam menghadapi sesuatu keadaan atau juga terhadap orang yang menjadi sasaran penulisan.

Hashim Musa (2008) menyatakan hati budi Melayu boleh dilihat dalam diri seorang Melayu secara individu dan dalam masyarakatnya secara kolektif apabila sifat keperibadian itu dilihat sebagai milik sepunya oleh orang-orang Melayu sebagai keperibadian sosial mereka. Istilah hati budi mencantumkan dua elemen, iaitu akal dan kalbu yang akan bertindak secara berintegrasi dalam diri seseorang sehingga terjelmalah ke dalam tingkah lakunya, budi bahasanya, nilai dan normanya, pemikiran dan pengetahuan, yang dengan jelasnya akan melahirkan sifat dan keperibadian secara individu ataupun masyarakat secara kolektif.

Mustafa Haji. Daud (1995) pula menyatakan berbudi bahasa merupakan percakapan yang baik, elok dalam tutur kata, halus tutur kata, hormat, bijaksana, tinggi budi bicara, pemurah, belas kasihan, beradab, bersopan santun, bertatatertib, berbudi pekerti mulia, tingkah laku yang baik dan akhlak yang mulia. Tambah beliau, antara nilai budi bahasa dalam masyarakat Melayu ialah berhati-hati, merendah diri, sabar, pemurah, tekun dan rajin, cintakan kebenaran, menunaikan janji, muafakat, tolong-menolong, menghormati ibu bapa, mematuhi adat dan menghormati raja.

(b) Budi Pekerti

Menurut Asmah Haji. Omar (2007), kedua-dua perkataan dalam ungkapan budi pekerti berasal daripada bahasa Sanskrit. Jika *budi* merujuk kepada alam mental, maka *pekerti* merujuk kepada alam jasmani. Dalam ungkapan ini juga tersirat peraturan mulia yang dikehendaki dari segi tingkah laku.

Menurut Asmad (1990), dasar budi ialah kasih mesra di antara manusia dengan manusia yang merujuk kepada perbuatan yang dilakukan dan kasih mesra yang diberikan adalah dengan tulus ikhlas, tidak pula mengkehendaki balasan atau keuntungan. Pada hakikatnya, masyarakat Melayu yang beragama Islam memandang tinggi masyarakat atau individu yang berbudi tinggi, atau sekurang-kurangnya menjauhkan diri daripada sifat-sifat kerendahan budi.

(c) Sopan santun

Asmah Haji. Omar (2007) menyatakan kata ‘santun’ berasal daripada bahasa Melayu yang wujud dalam konteks ‘sopan santun’ merujuk kepada tingkah laku manusia. Tingkah laku di sini dilihat dari segi perilaku atau perbuatan yang lembut, bertertib dan senang dipandang orang. Ringkasnya, sopan santun merupakan perilaku atau tingkah laku seseorang yang beradab, lembut, dan disenangi oleh orang lain.

(d) Etika dan Etiket

Perkataan *etika* bermakna prinsip moral atau akhlak dalam hubungan sesama manusia. Prinsip-prinsip yang seperti ini mempunyai kaitan dengan falsafah hidup yang bersandarkan sistem kepercayaan atau keagamaan. *Etiket* pula bermakna peraturan

adab tertib dalam pergaulan sosial yang lebih menunjukkan tingkah laku yang sopan santun semasa menampilkan diri dalam hubungan kita dengan orang lain (Asmah Haji Omar 2007, p.4-5).

(e) Konsep muka dan air muka

Menurut Asmah Haji Omar (2007), peradaban-peradaban di dunia menggunakan konsep muka dalam peraturan bersopan santun dan pengertian di sebalik konsep muka berbeza berdasarkan budaya masing-masing. Konsep *face* dalam budaya Barat mempunyai peranan semasa, yakni semasa komunikasi sedang berlaku. Konsep ini dikaitkan dengan ada tiadanya sekatan atau kendala dalam hubungan antara orang yang berperanan dalam sesuatu peristiwa komunikasi itu. Jika tiada apa-apa kendala dalam hubungan yang seperti itu, dan setiap pihak dapat menyatakan maksudnya dengan bebas, maka orang yang berperanan berkenaan dikatakan mempunyai muka positif (*positive face*). Jika dalam hubungan yang serupa itu terdapat kendala sosial tertentu, misalnya wujudnya perbezaan taraf antara orang yang berkomunikasi, maka orang yang berperanan berkenaan dikatakan mempunyai muka negatif (*negative face*) disebabkan tidak bebas menyatakan maksud mereka.

Berlainan pula konsep air muka bagi orang Melayu yang mempunyai peranan bukan setakat masa berlangsungnya komunikasi, tetapi menjangkau ruang lingkup yang lebih daripada itu. Dalam masyarakat Melayu, air muka seseorang membawa pengertian yang lebih jauh dan mendalam, bukan setakat nama baik orang yang berkenaan sahaja, tetapi meliputi juga didikan yang diperoleh daripada ibu bapa, guru dan kaum keluarga. Oleh itu, dalam sesuatu komunikasi, baik secara bersemuka atau secara bertulis, seseorang itu hendaklah berhati-hati supaya tidak menjatuhkan air muka pihak yang diajak berkomunikasi ataupun yang dijadikan subjek komunikasi. Jika jatuhnya air

muka sesuatu pihak, maka akan timbul perselisihan yang hebat antara pihak berkenaan yang tentu sahaja akan melibatkan kaum keluarga dan handai taulan (Asmah Haji Omar 2007, p.8).

(f) Konsep Nilai

Nilai dalam masyarakat Melayu mempunyai hubungan tiga penjuru, iaitu hubungan manusia dengan Tuhan, manusia dengan manusia dan manusia dengan alam. Maka, nilai yang paling utama pastinya berpandukan hubungan antara manusia dengan Tuhan, apa yang ditegah oleh Tuhan menjadi perkara yang mesti dielakkan oleh manusia. Nilai-nilai yang dinyatakan-Nya itu berhubung dengan kehidupan sosial, ekonomi, politik dan budaya (Noriati A. Rashid 2005, p.20).

Dalam kehidupan masyarakat Melayu, nilai berbahasa juga turut dipandang serius. Noriati A. Rashid (2005) menyatakan nilai terhadap bahasa melahirkan jenis-jenis bahasa seperti bahasa halus, bahasa kesat, bahasa kasar dan bahasa biadab. Tambah beliau lagi, selain nilai berbahasa, nilai menghormati orang lain juga turut diberi perhatian. Nilai menghormati orang lain kerap dikaitkan dengan sistem panggilan dan penggunaan ganti nama diri.

1.1.2 Kesantunan dalam Agama Islam

Agama Islam dan masyarakat Melayu mempunyai hubungan yang rapat kerana aspek kesantunan berbahasa yang terdapat pada masyarakat Melayu berlandaskan ciri-ciri kesantunan berbahasa dalam agama Islam. Kesantunan berbahasa yang ditunjukkan oleh masyarakat Melayu menggambarkan adab orang Melayu yang halus dan sesuai

dengan ajaran Islam yang menekankan keharmonian dan saling menghormati antara sesama manusia.

Noriati A. Rashid (2005) berpendapat bahawa kesantunan orang Melayu berasaskan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah kepada manusia. Hal ini terbukti apabila kajian yang dilakukan oleh beliau mengenai kesantunan dalam masyarakat Melayu menemui banyak strategi kesantunan yang berlandaskan agama Islam.

Awang Sariyan (2007) menyatakan kesantunan berbahasa dari sudut Islam dapat dilihat melalui kemuliaan akhlak yang dimilikinya. Bahasa, menurut huraian ulama Islam, berkait rapat dengan akal. Manusia disebut haiwan natiq atau *rational animal* disebabkan adanya dua unsur itu pada dirinya. Sifat natiq dan *rational* dikaitkan dengan ciri manusia sebagai haiwan yang berakal dan berbahasa. Kedua-dua sifat itu menjadikan manusia makhluk yang paling istimewa dan mulia; manusia wajib menjaga kemuliaan akhlak dan salah satu tanda kemuliaan akhlak manusia ialah kesantunan berbahasa.

Prinsip utama Islam dalam kaitannya dengan kesantunan berbahasa berhubung secara langsung dengan dua peranan utama manusia di muka bumi, iaitu menyeru kebaikan (*amar ma'ruf*) dan mencegah kemungkaran (*nahi mungkar*). Dalam melaksanakan kedua-dua peranan itu, kesantunan berbahasa diperlukan agar mesej, iaitu ajaran, nasihat, teguran, dan sebagainya yang disampaikan dapat diterima dengan baik dan meninggalkan kesan yang diharapkan serta tidak menyebabkan kemarahan, kebencian dan permusuhan (Awang Sariyan, 2007).

Agama Islam menyediakan peraturan tentang dinamika bahasa, seperti bentuk hormat, bentuk panggilan, bentuk sapaan, ucap selamat dan sebagainya. Dinamika bahasa seumpama ini perlu dipelajari bersama-sama dengan pembelajaran mekanika

bahasa seperti tatabahasa, morfologi, sintaksis, dan retorik supaya dapat menghasilkan penggunaan bahasa yang tepat (Abdullah Hassan, 2004).

1.1.3 Kesantunan dalam Karya Sastera

Kesantunan berbahasa orang Melayu dapat dikesan pada keintelektualan Melayu yang dapat dilihat pada hasil kesusasteraan lisan dan tulisan. Antara unsur yang menggambarkan wujudnya kesantunan berbahasa telah dirakamkan dalam pelbagai karya persuratan seperti hikayat, syair, pantun, gurindam dan seloka dan tradisi lisan seperti penglipur lara, wayang kulit dan menora. Salah satu bentuk bahasa yang banyak mengungkapkan kesantunan berbahasa ialah peribahasa, sama ada dalam bentuk yang dikenal sebagai simpulan bahasa, bidalan, perumpamaan, pepatah, perbilangan, ungkapan mahupun kata hikmat. Jika dinilai dengan berasaskan tiga jenis peraturan bahasa yang telah disebut sebagai asas kesantunan berbahasa, iaitu peraturan linguistik, peraturan sosiolinguistik mahupun peraturan pragmatik, semua karya persuratan, termasuklah peribahasa telah disusun dalam bahasa yang berperaturan (Awang Sariyan, 2007).

Hal ini turut dipersetujui oleh Kamal Shukri Abdullah Sani (2007) yang menurut beliau, akal budi dan keintelektualan bahasa Melayu, misalnya, tergambar daripada warisan bahasa Melayu yang terdiri daripada pepatah-petitih, peribahasa, pantun, seloka, gurindam, syair dan segala karya lama yang berupa hikayat, karya undang-undang dan sebagainya.

Menurut Mustafa Haji Daud (1995), masyarakat Melayu memiliki perbendaharaan nilai dan amalan budi bahasa yang mulia dan terpuji seperti yang tersurat dan tersirat dalam pantun dan peribahasa. Mereka menyanjung tinggi, memuji, menggalakkan dan

menghargai budi bahasa yang mulia seperti berhati-hati, rendah diri dan sabar. Semua nilai dan amalan ini bersesuaian dengan Islam.

Selain itu, Asmah Haji Omar (2008) menyatakan karya sastera, baik prosa mahupun puisi, mempunyai ciri bahasa yang tinggi dan indah, dan keindahan ini telah dipupuk dan dipelihara dari awal lagi sejak dalam bentuk lisan lagi. Hakikat ini dengan sendirinya menyatakan tradisi budaya Melayu, iaitu sastera mendapat tempat yang tinggi sebagai penunjang didikan anggota masyarakat dan pada masa yang sama merupakan warisan budaya tinggi yang sangat dihargai oleh masyarakat. Tambah beliau, pantun dan cerita jenaka ialah contoh karya lisan yang mementingkan ketinggian dan kehalusan bahasa.

Pantun dan ungkapan Melayu ialah satu hasil nukilan ikhlas masyarakat yang secara langsung menggambarkan kebudayaan Melayu yang sarat dengan nilai kemanusiaan dan falsafah bangsanya. Dua khazanah Melayu ini kaya dengan himpunan nilai rasa orang Melayu yang diucapkan secara tersirat tetapi ringkas dan padat dari segi maksudnya. Keringkasan dan kepadatan maksud pantun dan ungkapan Melayu ini memperlihatkan keperibadian orang Melayu yang halus tutur katanya, beradab, tertib dan beradab (Zuraidah Abdullah et al., 2012).

Tenas Effendy (2010) menyatakan ungkapan merupakan salah satu kepiawaian dan kearifan orang Melayu dalam menyampaikan fikiran, gagasan, perasaan dan tunjuk ajar Melayu. Kata-kata yang indah, singkat, padat mengandung falsafah dan sarat makna serta mempunyai nilai-nilai asas atau nilai-nilai luhur budaya Melayu telah digunakan dalam membina ungkapan Melayu yang dianuti oleh masyarakat. Tunjuk ajar Melayu ada mengatakan "*di dalam ungkapan semua makna dipadukan*, dan "*di dalam ungkapan, terkandung pelajaran*". Selain itu, ungkapan Melayu digambarkan seperti

“pendeknya tidak bersekat, panjangnya tidak terbatas” dan “kecil sebesar biji bayam, mengandung bumi dengan langit”.

Antara nilai asas budaya Melayu yang dapat dilihat dalam ungkapan Melayu ialah nilai kesantunan. Daripada ungkapan Melayu ini, dapatlah dilihat bahawa masyarakat Melayu amat mementingkan nilai kesantunan yang menjadi asas dalam kehidupan seharian mereka.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti aspek kesantunan berbahasa dalam ungkapan Melayu yang terdapat dalam buku karya Tenas Effendy berjudul *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu (2000)*. Aspek kesantunan berbahasa yang terdapat dalam buku ini dianalisis dengan berpandukan Prinsip Kesopanan Leech (1993). Selain itu, nilai dan pengajaran yang terdapat dalam buku ini juga dikupas dan dibincangkan agar dapat digunakan sebagai pengajaran dan tunjuk ajar kepada masyarakat, khususnya pemimpin mahupun bakal pemimpin. Kajian yang dijalankan ini melibatkan komunikasi bukanlah secara bersemuka, iaitu melibatkan antara penutur dengan pendengar, tetapi komunikasi yang berlaku ialah secara umum dan tidak bersemuka, yakni melibatkan komunikasi antara penulis dengan pembaca. Penulis merujuk kepada pengarang, iaitu Tenas Effendy, manakala pembaca pula merupakan pengkaji.

1.2 Sorotan Kajian

Kajian mengenai kesantunan telah banyak dilakukan oleh sarjana Barat, baik sarjana di Amerika Syarikat mahupun di negara-negara Eropah. Di Malaysia, kajian mengenai kesantunan semakin rancak dijalankan oleh pengkaji tempatan. Antaranya oleh Asmah Haji Omar (2007), Noriati Abdul Rashid (2005), Awang Sariyan (2007) dan Nor Hashimah Jalaluddin (2012). Tinjauan seterusnya berupa kajian-kajian tentang kesantunan dalam pelbagai aspek.

1.2.1 Kesantunan dalam Karya Sastera

Kajian mengenai kesantunan berbahasa dalam karya sastera telah dijalankan oleh Mohd Azmi Sidik (1997) dalam disertasi sarjana beliau yang bertajuk “Kesantunan di dalam Pantun”. Kajian yang dijalankan oleh beliau bertujuan meneliti aspek kesantunan berbahasa yang terdapat dalam pantun Melayu. Kajian ini telah meneliti ungkapan dan kata-kata yang terdapat dalam pantun Melayu yang telah mencerminkan cara hidup masyarakat Melayu yang penuh dengan kehalusan bahasa dan budi pekerti. Beliau telah mengaplikasikan beberapa prinsip kesopanan yang diutarakan oleh sarjana Barat, namun tumpuan lebih diberikan kepada Prinsip Kesopanan Grice dan Leech bagi melihat kesesuaian prinsip-prinsip kesopanan tersebut dalam pantun Melayu. Secara kesimpulannya, hasil kajian beliau mendapati pantun Melayu melalui kajian terhadap kesantunan berbahasa telah berjaya memprojeksi masyarakat Melayu pada zaman lampau. Menurut beliau lagi, kesantunan berbahasa yang terdapat dalam pantun sebenarnya menepati pendapat yang diutarakan oleh beberapa orang sarjana Barat, terutamanya Grice dan Leech.

Abdullah Yassin (1998), menerusi disertasi sarjananya, telah menyelidik kewujudan kesopanan dalam bentuk prinsip dan maksim yang terdapat dalam teks *Lembaga Budi* karya Hamka. Teks ini merupakan sebuah teks rujukan kesopanan berlandaskan dakwah Islamiah. Beliau telah menggunakan Prinsip Kesopanan Leech (1983) sebagai kerangka teori dalam menjalankan kajian tersebut. Menurut beliau, Prinsip Kesopanan Leech sesuai dijadikan kerangka teori kerana kedua-dua konsep asas kajiannya, iaitu ambivalens dan prinsip-prinsip pragmatik, sememangnya wujud dalam teks yang bercorak keagamaan. Tambahan pula, menurut beliau, Hamka merupakan seorang pengarang terkenal dengan keindahan bahasa dalam karyanya yang sudah semestinya mengandungi konsep ambivalens dan prinsip pragmatik. Hasil dapatan beliau

mendapati teks *Lembaga Budi* merupakan sebuah teks keagamaan yang dipersembahkan dengan bercirikan kesopanan yang tinggi.

Di samping itu juga, Norazlina Mohammad (2002) dalam kertas penyelidikannya yang bertajuk “Analisis Kesopanan Berbahasa dalam *Novel Salina*” membincangkan aspek-aspek kesopanan berbahasa yang ditemui dalam novel *Salina*. Prinsip Kesopanan Leech (1993) dan Prinsip Kesopanan Brown dan Levinson (1978) yang turut diperluas oleh Asmah Haji Omar (1996) diaplikasikan dalam kajian ini. Secara kesimpulannya, hasil dapatan kajian beliau menunjukkan novel *Salina* sememangnya kaya dengan budi bahasa dan memiliki khazanah seni berbahasa yang begitu unik. Di samping itu, kajian ini memperlihatkan betapa kesopanan menjadi tunjang kepada perhubungan antara anggota masyarakat dengan pengukuhan yang dapat dipamerkan melalui Teori Kesopanan oleh Brown dan Levinson yang terdiri daripada kesopanan positif dan kesopanan negatif. Hal ini semakin terserlah apabila kesopanan itu dikaitkan pula dengan aspek penonjolan kesopanan yang merangkumi penggunaan kata sapaan dan rujukan yang sesuai.

Nor Azian Aziz (2005), menerusi disertasi sarjananya, telah menjalankan kajian yang bertajuk “Analisis Kesantunan Berbahasa: Satu Kajian Kes”. Kajian ini bertujuan untuk mengesan kewujudan kesantunan berbahasa dan nilai-nilai murni yang terdapat dalam novel *Seteguh Karang* di samping memaparkan ujaran-ujaran yang boleh dijadikan model sebagai ungkapan berhemah, mulia dan terpuji. Kajian yang dijalankan oleh beliau telah mengambil beberapa pandangan sarjana tentang konsep kesantunan seperti Leech (1983), Brown dan Levinson (1982) dan juga Teori Etnografi Komunikasi oleh Dell Hymes (1976). Semua sampel perbualan telah dianalisis berdasarkan Maksim Kesopanan Leech (1983). Hasil dapatan beliau menunjukkan taburan maksim adalah tidak sekata dan pemilihan nilai-nilai murni pula tidak seimbang kerana hanya nilai-nilai murni yang popular sahaja sering kali ditemui dalam novel ini. Namun begitu,

kajian tersebut telah mengenal pasti novel *Seteguh Karang* telah berjaya mencakupi kesemua 16 nilai murni seperti yang digariskan oleh Falsafah Pendidikan Negara.

Kajian mengenai kesantunan dalam novel *Seteguh Karang* turut dijalankan oleh Jamaliah Mansor (2005). Kajian yang dijalankan oleh beliau dalam kertas penyelidikan bertujuan mengkaji kesantunan berbahasa dalam bahasa Melayu dan kesantunan bahasa yang dikaitkan dengan kategori strategi komunikasi yang terdapat dalam teks sastera. Kajian ini menggunakan model kesantunan berasaskan input Islam, iaitu kerangka teoritis kesantunan yang dibina berdasarkan Model Kesantunan Paling Luas yang disesuaikan dengan model-model kesantunan Brown dan Levinson dan pengkaji-pengkaji lain termasuk Asmah. Dapatan kajian beliau menunjukkan Kategori Strategi Berhemah merupakan kategori yang tertinggi, iaitu sebanyak 452 (50%), manakala strategi terendah ialah Kategori Ungkapan Rabbani, iaitu sebanyak 5 (0.55%). Dapatan kajian ini telah mencapai tujuan kajian, iaitu terdapat kesantunan berbahasa dalam novel *Seteguh Karang* yang dianalisis dengan menggunakan Kategori Strategi kesantunan berasaskan input Islam.

Ab. Razak Ab. Karim (2006), dalam satu prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu, telah menjalankan kajian bertajuk 'Strategi Komunikasi dan Kesopanan Berbahasa dalam Kalangan Masyarakat Melayu Tradisional: Kajian Berdasarkan Warkah-warkah Melayu Lama'. Kajian ini membincangkan bentuk-bentuk strategi komunikasi dan jenis-jenis kesopanan yang diamalkan oleh masyarakat zaman lampau apabila mereka mengadakan komunikasi sesama mereka. Beliau telah menggunakan warkah-warkah Melayu Lama sebagai bahan kajian dalam kajian ini dan menggunakan pendekatan Asmah Haji Omar (1995) tentang konsep strategi komunikasi yang berkaitan dengan masyarakat Melayu. Hasil dapatan beliau mengesan kewujudan dua bentuk strategi komunikasi yang digunakan dalam warkah Melayu, iaitu kaedah langsung dan tidak langsung. Kaedah-kaedah ini terpapar dalam bahagian tertentu

warkah, iaitu di bahagian kata puji-pujian, kandungan warkah dan bahagian prapenutup warkah.

Nor Hashimah Jalaluddin (2012) yang dipetik dalam buku yang ditulis oleh Marylna Maros et al. telah menjalankan kajian yang bertajuk “Kesantunan Berbahasa: Meneroka Minda Melayu”. Menurut beliau, terdapat beberapa jenis ungkapan Melayu yang boleh dikaitkan dengan aspek kesantunan, iaitu peribahasa, bahasa klasik dan implikatur. Beliau menganggap ketiga-tiga ungkapan Melayu ini sebagai satu strategi berbahasa bagi orang Melayu ketika berkomunikasi. Hasil kajian beliau mendapati pemilihan objek dan lambang tertentu sebagai strategi “berlapik” dalam berbahasa memperlihatkan kebijaksanaan orang Melayu menyampaikan mesej secara halus dan tersirat. Malah, penggunaan strategi berbahasa dapat ditanggapi dan difahami oleh pendengar. Beliau menganggap ungkapan-ungkapan indah ini merupakan satu strategi yang bertujuan untuk mengekalkan aspek kesantunan dan kesopanan ketika berbicara.

1.2.2 Kesantunan dalam Masyarakat Melayu

Satu daripada kajian mengenai kesantunan berbahasa dalam masyarakat Melayu telah dijalankan oleh Mohammad Fadzeli Jaafar (1997). Kajian beliau membincangkan aspek permintaan (*request*) dalam kalangan pelajar di Malaysia yang tertumpu pada dua aspek, iaitu strategi permintaan dan penanda permintaan. Beliau telah menerapkan kategori permintaan yang pernah dicadangkan oleh Blum Kulka (1989), misalnya aspek pencetus, sokongan, lakuan permintaan, cadangan dan penangguhan dari segi strategi permintaan. Bagi analisis permintaan pula, beliau mengaplikasikan cara analisis permintaan oleh Hassal (2003), yang tertumpu pada strategi permintaan langsung dan tidak langsung. Hasil kajian beliau menunjukkan pelajar telah memperlihatkan pelbagai bentuk permintaan yang ditandai oleh bentuk linguistik yang tertentu seperti yang

ditandai oleh kata kerja bantu. Selain itu juga, berdasarkan penelitian, beliau mendapati kata bantu *sudah* dan *boleh* lebih santun berbanding dengan kata bantu yang lain kerana penutur bertanyakan keadaan pendengar dan meminta izin.

Mohammad Idris (2000), dalam disertasi sarjananya yang bertajuk “Kesantunan berbahasa dalam Perbualan Keluarga Melayu”, telah meneliti unsur kesantunan yang terdapat dalam perbualan, khususnya dalam keluarga Melayu, dengan melihat unsur-unsur kehalusan bahasa, nilai budi pekerti yang mulia, berhemah tinggi dan kesantunan menerusi ungkapan kata-kata yang diujarkan dalam perbualan. Beliau telah menggunakan Prinsip Kesantunan Leech (1983) dalam menganalisis data. Hasil dapatan kajian menunjukkan maksim santun merupakan maksim yang paling popular, diikuti oleh maksim kerendahan hati dan maksim persetujuan. Selain itu juga, beliau mendapati faktor asuhan dan pengaruh dalam sesebuah keluarga tersebut merupakan antara faktor yang mempengaruhi lahir atau wujudnya unsur kesantunan berbahasa. Secara keseluruhan, dapatlah dirumuskan bahawa aspek kesantunan dalam berbahasa masih utuh diamalkan dalam keluarga Melayu terutama sekali ketika mereka berkomunikasi dengan orang yang lebih tua, berpangkat dan sebagainya.

Selain itu, Noriati A. Rashid (2005), telah membuat kajian mengenai kesantunan orang Melayu dalam majlis pertunangan. Kajian yang dijalankan oleh beliau memaparkan strategi dan ciri-ciri kesantunan orang Melayu di samping menjelaskan sejauh mana Islam mempengaruhi perlakuan orang Melayu sama ada dalam perlakuan berbahasa atau bukan bahasa dalam majlis pertunangan. Kajian tersebut melihat kesantunan serta air muka daripada dua perspektif utama, iaitu Barat dan Melayu. Daripada perspektif Barat, beliau merincikan model Kesantunan Grice (1975), Lakoff (1975), Leech (1983), dan Brown dan Levinson (1978, 1987). Daripada perspektif Melayu pula, beliau melandaskan perbincangan pada penulisan Asmah Haji Omar (1992, 2000), Jamaliah Ali (1991) serta Noriati (2004). Beliau mengaplikasikan Model

Kesantunan Grice (1975) dan Leech (1983) beserta konsep Kesantunan Melayu oleh Asmah Haji Omar (1992) dan Jamaliah (1991), serta Konsep Kesantunan Islam oleh Noriati (2004, 2007). Daripada kajian beliau, dapatlah disimpulkan bahawa kesantunan orang Melayu dalam majlis pertunangan dikuasai oleh dua bentuk perlakuan, iaitu perlakuan bahasa dan perlakuan bukan bahasa.

Awang Sariyan (2007), dalam bukunya yang bertajuk *Santun Berbahasa*, memberi penekanan khusus pada aspek kesantunan bahasa. Menurut beliau, asas kesantunan bahasa ialah kepatuhan pada sistem bahasa, yang meliputi sistem atau aturan linguistik dan kemudian sistem sosial dan akhirnya aspek pragmatik. Dari segi peraturan linguistik, bahasa yang digunakan hendaklah bahasa yang bertatabahasa. Di samping itu, menurut beliau lagi, peraturan sociolinguistik memerlukan pengguna bahasa menepati adab sopan yang berkaitan dengan sistem sosial. Peraturan pragmatik pula memerlukan pengguna bahasa menggunakan bahasa yang sesuai untuk tujuan sesuatu agar tujuan dan hajat tercapai dan dalam masa yang sama kesantunan berbahasa dapat dipelihara. Penggunaan bahasa dalam aspek kesantunan secara umumnya dapat dibahagikan kepada dua suasana dan urusan, iaitu rasmi dan tidak rasmi. Tambah beliau, kesantunan berbahasa tetap dititikberatkan dalam kedua-dua suasana tersebut walaupun ragam dan gaya bahasa dalam kedua-dua konteks itu berlainan.

Nurhidayah A. Halim (2009), dalam kertas penyelidikan beliau bertajuk “Kesantunan Bahasa dalam Urusan Jual Beli: Aspek Sistem Panggilan”, menjalankan kajian yang bertujuan untuk mengenal pasti kesalahan penggunaan sistem panggilan dalam urusan jual beli, menganalisis kesantunan berbahasa dalam urusan jual beli dengan menggunakan maksim-maksim Geoffrey Leech dan membandingkan penggunaan sistem panggilan dalam urusan rasmi dan tidak rasmi. Hasil kajian beliau mendapati maksim santun mencatat peratusan yang tinggi, iaitu sebanyak 100%, diikuti dengan maksim budiman dan maksim simpati dengan masing-masing mencatat peratusan

sebanyak 20%, manakala maksim sokongan mencatat peratusan yang terendah, iaitu sebanyak 7%. Hasil kajian ini ternyata menunjukkan maksim-maksim Leech dapat mentafsir dapatan kajian yang diperoleh dan maksim-maksim ini dianggap serasi dengan Islam memandangkan pembinaan maksimnya berkaitan dengan keluhuran hati budi.

Tenas Effendy (2010), yang pernah menulis mengenai kesantunan Melayu, menyatakan budaya Melayu sangat menjunjung tinggi nilai kesopan santunan yang menjadi satu daripada asas jati diri kemelayuan yang terpuji. Orang Melayu bukan sahaja ternama kerana kekayaan alamnya yang melimpah, tetapi juga dikenal dan dihormati kerana kesopan santunan, keterbukaan, dan keramah-ramahannya. Itulah sebabnya nilai-nilai kesantunan diajarkan dan ditanamkan sejak kecil dalam diri anak-anak mereka supaya apabila besar mereka menjadi manusia yang santun dan berbudi serta berakhlak mulia. Beliau telah membahagikan kesantunan kepada beberapa aspek kajian, iaitu kesantunan dalam berbahasa, kesantunan dalam seni, kesantunan dalam menuntut ilmu dan kesantunan dalam pergaulan.

1.2.3 Kesantunan dalam Filem dan Dialog

Kajian mengenai kesantunan juga turut diperluas lagi apabila munculnya kajian mengenai kesantunan yang terdapat dalam filem dan dialog. Kesantunan berbahasa dalam filem telah dijalankan oleh Siti Sarizah Ismail (2012), dalam kertas penyelidikan yang mengkaji kesantunan berbahasa dalam filem animasi bertajuk *Upin&Ipin: Geng Pengembaraan Bermula*. Kajian yang dijalankan oleh beliau memberi penekanan kepada aspek kesantunan dan sistem sapaan bahasa Melayu yang terdapat pada dialog filem animasi *Upin&Ipin: Geng Pengembaraan Bermula*. Teori Kesopanan Leech telah dipilih sebagai kerangka konsep dalam menjalankan penyelidikan tersebut. Hasil

dapatan beliau membuktikan elemen-elemen kesantunan dan nilai murni berjaya diterapkan dalam filem animasi tersebut. Dapatan kajian bagi analisis sistem panggilan dan sapaan pula menemui beberapa jenis bentuk panggilan dan sapaan yang terdapat dalam filem animasi tersebut, iaitu sapaan keluarga warisan dan keturunan, manakala bagi bentuk kata ganti nama diri pula, terdapat empat jenis, iaitu kata ganti nama diri pertama, kata ganti nama diri kedua, kata ganti nama diri ketiga dan kata ganti nama diri tanya.

Selain itu, Rahimah Jusoh (2012), dalam kertas penyelidikannya, telah mengkaji kesantunan bahasa dalam filem *Labu-Labi* oleh P. Ramlee. Beliau telah menggunakan Teori Kesopanan Leech sebagai kerangka teori dalam menjalankan penyelidikan tersebut. Hasil dapatan beliau membuktikan keenam-enam maksim yang diutarakan dalam Teori Kesopanan Leech memainkan peranan yang amat penting dalam proses analisis yang dilakukan. Analisis yang dilakukan oleh beliau dipecahkan kepada dua bahagian, iaitu positif dan negatif. Kesimpulan bagi analisis pada bahagian pertama jelas menunjukkan filem *Labu-Labi* oleh P. Ramlee dapat menonjolkan nilai kesantunan dalam alam Melayu dari sudut positif. Dari sudut negatif pula, dapat dilihat P. Ramlee selaku pengarang filem, jelas memperlihatkan sisi dan tampak negatif yang akan diterima oleh beliau sekiranya tiada nilai kesantunan yang ditonjolkan dalam karya-karya beliau.

1.2.4 Kesantunan dalam Agama Islam

Munif Zariruddin Fikri bin Nordin (2012) yang dipetik dalam buku yang dihasilkan oleh Marylna Maros et al. dalam kajian beliau yang bertajuk “Analisis Wacana Prinsip Kesantunan Berbahasa dalam al-Quran dan Hadis”, membincangkan prinsip kesopanan berbahasa dalam al-Quran dan hadis berdasarkan analisis wacana. Menurutnya, agama

menyediakan peraturan bukan sahaja dari segi dinamika bahasa, iaitu bentuk hormat, panggilan, seruan dan ucap selamat, malah agama juga menyediakan peraturan tentang mekanika bahasa yang merangkumi aspek tatabahasa, morfologi, sintaksis dan retorik. Analisis wacana dalam kajian ini berdasarkan pendekatan “ahsan al-qawal” yang terdiri daripada tiga komponen, iaitu keimanan (amalan tauhidiah), amal soleh (leksikal dan amalan wacana) dan pegangan agama (proses sosial). Aspek kesantunan berbahasa dalam kajian ini telah dianalisis berdasarkan matlamat, bentuk, dan cara kesantunan, yang disertai oleh ayat al-Quran dan hadis sebagai pengukuhan. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan al-Quran dan hadis wajar dijadikan sumber untuk mempelajari kesantunan berbahasa.

1.2.5 Kesantunan dalam Pengurusan Pentadbiran dan Media

Asmah Haji Omar (2007) telah menjalankan kajian mengenai “Kesantunan Bahasa dalam Pengurusan Pentadbiran dan Media”. Penyelidikan ini memperkatakan kesantunan atau kesopanan dalam bahasa tulisan dengan tumpuan kepada surat-menyurat, iklan serta berbagai-bagai jenis laporan dan mesej ringkas yang biasanya terdapat dalam pengurusan, pentadbiran dan media. Dalam membicarakan kesantunan mesyuarat, tiap-tiap langkah dalam proses bermesyuarat mempunyai peraturan tersendiri, khususnya peraturan kesantunan. Selain itu juga, kesantunan pemberitaan institusi turut dibicarakan oleh beliau, iaitu pemberitaan institusi ialah cerita mengenai sesuatu program dalam sesuatu institusi, atau juga bahagian atau jawatan dalam sesuatu institusi untuk tujuan tertentu yang mempunyai ciri-ciri tersendiri, dari segi format dan laras bahasa dan semuanya itu berasaskan peraturan sopan santun. Beliau juga telah menerangkan kesantunan berbahasa dalam laporan akhbar dan iklan yang memerlukan

pihak penerbit menyebarkan maklumat kepada khalayak ramai dengan cara atau kaedah yang santun.

1.2.6 Kesantunan dalam Pendidikan

Zainol Abidin Kasim (2003), dalam disertasi sarjananya yang bertajuk “Kesantunan Berbahasa: Kajian Kes dalam Interaksi Verbal di Kalangan Pengajar-pengajar Jepun”, menjalankan satu kajian pragmatik dengan memberi tumpuan kepada penganalisan ungkapan-ungkapan kesantunan berbahasa di dalam interaksi verbal dalam kalangan orang-orang Jepun. Pengguna-pengguna bahasa Jepun dalam kajian ini difokuskan kepada tenaga-tenaga pengajar di Jepun yang mengajar di Ambang Asuhan Jepun, Pusat Asasi Sains, Universiti Malaya. Konsep yang diterapkan dalam kajian yang dilakukan oleh beliau berdasarkan Prinsip Kesopanan Leech (1983). Beliau telah menggunakan kaedah kualitatif dan tumpuan utama diberikan kepada strategi kesopanan berdasarkan petunjuk maksim Leech. Hasil dapatan kajian beliau memperlihatkan penutur-penutur Jepun banyak menggunakan unsur-unsur kesopanan dalam interaksi mereka yang dapat dikenal pasti melalui strategi kesopanan yang digunakan.

Kajian mengenai kesantunan dalam pendidikan juga telah dijalankan oleh Abdul Hamid Mahmood (2007), iaitu membuat kajian mengenai kesantunan bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Menurut beliau, kesantunan bahasa menunjukkan ketinggian mutu pemikiran Melayu dalam kebijaksanaan menyusun kata yang halus dan bersopan melalui luahan perasaan dalam pergaulan seharian mereka. Aspek pemilihan kata dalam pergaulan seharian dan pemilihan kata ketika berkomunikasi menjadikan tingginya nilai kesantunan masyarakat Melayu. Tambah beliau lagi, penggunaan bahasa tinggi juga termaktub dalam kesantunan berbahasa yang merupakan bahasa yang lengkap dari segi nahunya, imbuhan, dan membawa makna

yang lengkap, dan biasanya penggunaan bahasa tinggi ini dituntut semasa dalam situasi rasmi. Hasil dapatan beliau mendapati pengajaran kesantunan bahasa di sekolah boleh dilakukan oleh semua guru. Hal ini dikatakan demikian kerana aspek kesantunan ini merupakan sistem nilai yang dianuti oleh semua orang dan ciri-cirinya hampir sama.

1.2.7 Kesantunan dalam Ceramah

Selain itu, kajian mengenai kesantunan dalam ceramah telah dijalankan oleh Abd Ganing Laengkang (2010), dalam tesis sarjananya yang menganalisis kesantunan bahasa dalam ceramah motivasi yang disampaikan oleh Mohd. Fadzilah Kamsah. Kajian yang dijalankan oleh beliau mempunyai dua objektif, iaitu pertama, menganalisis kategori kesantunan dan strategi kesantunan dalam struktur ceramah motivasi dengan menggunakan model kesantunan Pindaan dan Tambahan. Kedua, mengklasifikasikan kategori kesantunan dan strategi kesantunan yang digunakan dalam ceramah motivasi. Untuk menghuraikan kesantunan bahasa, kajian ini mengaplikasikan Kesantunan Pindaan dan Tambahan (KPT) yang dibina berdasarkan tiga kerangka model, iaitu Prinsip Kerjasama Grice, Model Kesantunan Paling Luas yang diperkenal oleh Sanat Md. Nasir (2000) dan Model Kesantunan Noriati A.Rashid (2005). Secara kesimpulan, kajian yang dilakukan oleh beliau mencapai objektif. Ceramah motivasi yang disampaikan didapati santun kerana telah menggunakan pelbagai strategi kesantunan.

Sorotan kajian di atas telah memperlihatkan beberapa hasil kajian para pengkaji tentang kesantunan berbahasa. Daripada sorotan kajian tersebut, dilihat masih kurang pengkajian mengenai kesantunan berbahasa dalam karya persuratan, seperti pantun, gurindam mahupun ungkapan, walhal kesantunan berbahasa juga boleh dilihat dalam karya-karya persuratan seperti ungkapan-ungkapan. Tambahan pula, aspek nilai dan

pengajaran yang terdapat dalam ungkapan Melayu dapat menjadi panduan dan tunjuk ajar kepada masyarakat, khususnya generasi muda.

1.3 Permasalahan Kajian

Dewasa kini, kesantunan berbahasa dalam kehidupan harian semakin dipandang enteng oleh masyarakat, khususnya golongan remaja. Tidak hairanlah kes-kes yang dipaparkan di media cetak mahupun media elektronik mengenai pelanggaran etika kesantunan berbahasa semakin menjadi-jadi “bak cendawan tumbuh selepas hujan”. Sikap sambil lewa dan menganggap perkara ini sebagai sesuatu yang tidak penting menjadikan masalah ini tidak memberi kesan dalam kehidupan masyarakat. Anggota masyarakat tidak lagi mementingkan untuk mengamalkan amalan kesantunan, seperti pertuturan yang manis, sopan, hormat-menghormati dan berbudi bahasa antara satu sama lain.

Program-program hiburan yang sekarang ini semakin menjadi kegilaaan anggota masyarakat, khususnya golongan remaja yang melibatkan hiburan daripada artis dalam negara mahupun luar negara, menjadi satu daripada faktor penyumbang kepada terhakisnya nilai kesantunan dalam diri mereka. Penggunaan bahasa yang bercampur aduk antara bahasa Melayu dengan Inggeris, di samping penggunaan bahasa yang tidak sopan yang ditunjukkan dalam program hiburan ini, menjadikan masyarakat, khususnya golongan remaja yang masih mencari identiti, mudah terikut-ikut dengan penggunaan bahasa dan perlakuan artis kegemaran mereka.

Selain itu, ada juga program hiburan yang memperlihatkan penggunaan bahasa yang kadang-kadang agak melampau. Bahasa yang dituturkan bukan sahaja kasar, bahkan kadang-kadang dalam bentuk terjerit-jerit. Sedangkan dalam aspek kesantunan berbahasa, penutur haruslah bertutur dalam pertuturan yang sopan, lemah lembut, manis, beradab dan menggambarkan fikiran yang bijaksana.

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan untuk menanam kembali nilai-nilai kesantunan dalam diri masyarakat, khususnya golongan remaja. Antaranya, kempen Budi Bahasa dan Nilai Murni yang dilancarkan oleh YAB Mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 11 Januari 2005. Kempen ini dilancarkan agar nilai murni dan budi bahasa dapat diterapkan dan didedahkan kepada masyarakat.

Selain itu, pihak Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan tiga buah buku siri kesantunan yang memaparkan dan memberi tunjuk ajar dalam penggunaan bahasa yang penuh dengan sopan santun. Buku-buku tersebut ialah *Kesantunan Bahasa dalam Pengurusan Pentadbiran dan Media (2007)* yang ditulis oleh Asmah Haji Omar, *Kesantunan Lisan* yang ditulis oleh Abdullah Hassan dan terakhir buku yang ditulis oleh Awang Sariyan bertajuk *Santun Berbahasa (2007)*. Penerbitan buku-buku siri kesantunan berbahasa ini dapat membantu menyampaikan mesej kepada khalayak ramai bahawa kesopanan mereka dalam tingkah laku hendaklah diiringi oleh penggunaan bahasa yang bersopan santun (Asmah Haji Omar, 2007).

Selain itu juga, karya-karya persuratan seperti hikayat, gurindam, pantun dan ungkapan dianggap sebagai sesuatu yang membosankan bagi sesetengah masyarakat, khususnya golongan remaja. Karya-karya ini dianggap tidak lagi relevan dipelajari dan dihayati oleh golongan remaja kerana mereka menganggap karya persuratan ini menjadikan mereka ketinggalan zaman, walhal anggota masyarakat, khususnya golongan remaja, tidak mengetahui bahawa karya persuratan seperti hikayat, gurindam, pantun dan ungkapan mempunyai nilai kesantunan yang tinggi. Nilai-nilai murni dan pengajaran yang terdapat dalam karya persuratan memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada masyarakat supaya menjadi manusia yang berbudi bahasa dan mempunyai moral yang tinggi.

Oleh itu, kajian ini menelusuri aspek-aspek kesantunan berbahasa yang terdapat dalam buku *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu (2000)* karya Tenas Effendy. Di samping dapat melihat aspek kesantunan berbahasa, kajian ini juga dapat memperlihatkan nilai dan pengajaran yang terdapat dalam buku tersebut yang boleh dijadikan panduan dan pedoman kepada masyarakat, khususnya golongan remaja.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini menggariskan tiga objektif kajian berikut:

- a. Menenal pasti ciri-ciri kesantunan berbahasa dalam bahan kajian dengan menggunakan Prinsip Kesopanan Leech (1993).
- b. Menganalisis ciri-ciri kesantunan berbahasa dalam bahan kajian dengan menggunakan Prinsip Kesopanan Leech (1993).
- c. Menghuraikan nilai dan pengajaran yang terdapat dalam buku *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu (2000)* karya Tenas Effendy.

1.5 Bidang Kajian

Kajian yang dilakukan ini adalah dalam bidang sosiolinguistik. Menurut Nik Safiah Karim (1981), sosiolinguistik ialah bidang yang menumpukan perhatian kepada bahasa dalam konteks sosial dan kebudayaan. Tambah beliau, bahasa merupakan keupayaan manusia yang melaluinya, manusia berhubung, menyampaikan buah fikiran dan perasaan serta dengan bahasa mereka mengeratkan hubungan di antara satu sama lain sebagai anggota satu masyarakat. Aspek yang menjadi tumpuan dalam kajian ini ialah kesantunan berbahasa yang terdapat dalam buku *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu (2000)* karya Tenas Effendy dengan menggunakan Prinsip Kesopanan Leech (1993).

1.6 Bahan Kajian

Pengkaji menggunakan sebuah buku karya Tenas Effendy yang bertajuk *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu (2000)* yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai bahan kajian dalam menjalankan kajian ini. Buku ini ialah hasil daripada projek Karyawan Tamu Dewan Bahasa dan Pustaka. Tenas Effendy yang merupakan seorang tokoh persuratan dari Pekanbaru, Riau, Indonesia telah diberi kesempatan menjadi Karyawan Tamu Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1996. Melalui buku ini, Tenas Effendy telah menganalisis sebanyak 194 jenis pemimpin berdasarkan koleksi ungkapan tradisional Melayu Riau. Buku *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu (2000)* telah menghuraikan maksud pemimpin, kedudukan, fungsi dan tanggungjawab pemimpin, sifat atau keperibadian pemimpin dan sifat yang dipantangkan, iaitu sifat buruk yang bertentangan dengan nilai-nilai agama, adat istiadat serta norma sosial masyarakat.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada sebuah buku karya Tenas Effendy yang bertajuk *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu (2000)*. Selain itu, pengkaji menumpukan pengkajian pada aspek kesantunan berbahasa dengan menggunakan Prinsip Kesopanan Leech (1993). Kajian yang dilakukan pengkaji hanya dalam lingkungan bidang kesantunan berbahasa.

1.8 Kaedah Kajian

Terdapat dua kaedah yang digunakan dalam menjalankan kajian ini, iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah kajian teks. Bagi mendapatkan data tambahan, pengkaji telah mengumpul dan menggunakan bahan-bahan sekunder seperti buku, tesis, disertasi, dan jurnal yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Kesemua bahan-bahan ini

diperoleh di Perpustakaan Utama, Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya dan Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia. Selain itu, buku *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu (2000)* karya Tenas Effendy telah digunakan sebagai teks kajian untuk melihat aspek-aspek kesantunan berbahasa.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan kepada masyarakat dan pengkaji-pengkaji masa depan. Antara kepentingan kajian ini ialah dapat memberi kesedaran dan pendedahan kepada masyarakat, khususnya generasi muda, tentang kepentingan kesantunan berbahasa yang sekarang dilihat semakin kurang dipraktikkan dalam kehidupan harian, sama ada dalam situasi rasmi mahupun tidak rasmi.

Selain itu, kajian ini juga dapat memberi pengajaran dan nilai-nilai murni kepada masyarakat, khususnya pemimpin dan bakal pemimpin, supaya menjadi pemimpin yang baik, bersopan santun serta dapat memberi sumbangan kepada masyarakat. Generasi muda yang bakal menjadi pemimpin dapat menjadikan nilai-nilai murni dan pengajaran yang terdapat dalam ungkapan sebagai pedoman supaya menjadi pemimpin yang lebih baik.

Selain itu juga, kajian yang dijalankan ini dapat memaparkan keistimewaan dan keunikan ungkapan Melayu. Hal ini dapat membuktikan bahasa Melayu merupakan bahasa yang kaya dengan kosa kata yang indah dan cara pengungkapan yang menarik. Oleh itu, secara tidak langsung kajian ini dapat meningkatkan rasa bangga dalam kalangan masyarakat Melayu, khususnya generasi muda, untuk terus memartabatkan bahasa Melayu dan menggunakan bahasa Melayu tanpa ada rasa malu.

Di samping itu, kajian ini secara tidak langsung dapat mengetengahkan hasil karya Tenas Effendy, serta memperlihatkan keunikan dan keindahan bahasa yang digunakan oleh beliau. Aspek-aspek kesantunan berbahasa yang digunakan oleh beliau dalam penulisan karyanya memperlihatkan kebijaksanaan dan keputisan beliau dalam menggunakan bahasa.

Tambahan lagi, kajian yang dijalankan ini dapat mempertahankan khazanah warisan budaya Melayu. Ungkapan yang sarat dengan falsafah dan makna serta nilai asas budaya Melayu yang terkandung dalam ungkapan merupakan satu daripada khazanah warisan budaya Melayu yang berharga. Oleh itu, ungkapan harus dipertahankan dan diwariskan dari generasi ke generasi yang lain.

1.10 Konsep Operasional

Yang berikut merupakan konsep operasional yang digunakan bagi kesantunan berbahasa, ungkapan Melayu dan pemimpin.

1.10.1 Kesantunan Berbahasa

Menurut *Kamus Dewan (2007)*, perkataan “santun” merujuk kepada aspek halus, iaitu merangkumi budi bahasa atau budi pekerti, beradab dan sopan. Oleh itu, perkataan “kesantunan” didefinisikan oleh *Kamus Dewan* sebagai sifat kehalusan budi bahasa atau budi pekerti dan kesopanan. Dilihat pula daripada takrif bahasa yang menurut Lutfi Abas (1975) bahasa ialah data yang dianalisa dalam linguistik sebagai simbol-simbol yang terdiri daripada bunyi-bunyi yang diucapkan dalam atau melalui mulut manusia, dipersetujui bersama oleh sekelompok manusia, yang dipelajari oleh sekelompok manusia itu, dan dengan simbol-simbol untuk sekelompok manusia itu berkomunikasi.

Terdapat banyak takrif yang diberikan oleh pengkaji-pengkaji mengenai kesantunan berbahasa. Antaranya, Hashim Musa dan Halimah Pondo (2012) mendefinisikan sifat santun dan kesantunan dalam berbahasa sebagai halus budi bahasa dan pekerti dalam kelakuan berinteraksi dan berkomunikasi supaya terhindar konflik dan persengketaan dengan pendengarnya dan sentiasa menjaga air muka mereka. Menurut mereka lagi, konsep kesantunan bagi orang Melayu tidak boleh dipisahkan daripada agama, iaitu Islam. Kesantunan ialah sebahagian daripada akhlakunya bukan setakat etika dan moral sahaja. Sememangnya perlakuan dan tindak tanduk yang beretika dan bermoral dianggap baik dan murni kerana menyumbang dan memberi manfaat kepada manusia dan makhluk lain. Namun, dalam pengajaran agama Islam, segala tindak tanduk, perlakuan dan pertuturan yang baik itu mestilah disertai niat yang ikhlas, iaitu hanya untuk mendapatkan keredhaan Allah semata-mata.

Selain itu, Teo Kok Seong (2003) pula mendefinisikan kesantunan berbahasa sebagai strategi yang digunakan untuk menyesuaikan bentuk bahasa dengan status sosial demi mengurangkan pergeseran dalam sesuatu interaksi melalui pemilihan kata, frasa atau ayat yang digunakan ketika bertegur sapa, nada, gerak laku dan gaya yang digunakan ketika berkomunikasi dan melibatkan penggunaan bahasa berkias atau bercakap secara tidak berterus terang yang bermaksud untuk menunjukkan penghormatan dan berlaku sopan kepada pihak yang menjadi teman bicara.

Kesopanan atau kesantunan ialah penggunaan bahasa sehari-hari yang tidak menimbulkan kemarahan, kegusaran atau kecil hati daripada pihak yang lain. Secara amnya, terdapat dua jenis kesopanan, iaitu kesopanan asas dan kesopanan berkendala (Asmah Haji Omar, 2000). Menurut Asmah Haji Omar (2000), kesopanan asas ialah kesopanan yang sedia ada yang merupakan pedoman bagi ahli-ahli masyarakat berhubung satu sama lain dengan cara menunjukkan adanya sikap berbaik-baik antara satu sama lain. Kesopanan berkendala pula ialah kesopanan yang menggambarkan

usaha yang dilakukan oleh ahli-ahli masyarakat dalam perhubungan satu sama lain dengan memberi perhatian pada kendala-kendala tertentu. Tambah beliau, kesopanan bukanlah strategi semata-mata, tetapi yang lebih asas daripada itu ialah kesopanan merupakan ciri budaya yang menghendaki ahli-ahli masyarakat bersopan santun terhadap satu sama lain dan menghormati satu sama lain.

Selain itu juga, Zaitul Azma Zainon Hamzah (2012) berpandangan kesantunan sering dikaitkan dengan penggunaan bahasa yang halus dan santun. Menurut beliau, kesantunan melambangkan nilai sosial dan budaya sesebuah masyarakat. Dalam perkataan lain, aspek kesantunan ini juga diklasifikasikan sebagai etika sosial, iaitu sesuatu yang asas yang perlu diamalkan untuk mewujudkan keramahan dan penghormatan kepada tetamu. Menurutnya lagi, kesantunan berbahasa dalam bahasa Melayu diukur melalui penggunaan kata panggilan, kata gelaran, rujukan hormat dan pemilihan perkataan yang tidak menyinggung perasaan seseorang ketika berkomunikasi.

Kesantunan atau kesopanan juga menjurus kepada adab sopan, halus pekerti atau budi bahasa yang luhur dalam aspek tutur kata, perbuatan atau kelakuan dan sebagainya. Dengan kata lain, kesopanan merupakan pertuturan dan tingkah laku yang baik, beradab, tidak meninggi diri, tidak membangga diri sendiri, bersopan santun, berbudi pekerti yang tinggi dan tidak sombong kepada orang lain (Abdul Aziz Shamsuddin 1999, p.24).

1.10.2 Ungkapan Melayu

Zainal Abidin Ahmad (2002) mentakrifkan ungkapan sebagai simpulan bahasa yang terdiri daripada rangkaian-rangkaian perkataan yang telah tetap tersimpul atau terbeku dengan susunan yang khas dan dipakai dengan erti yang khas berlainan daripada asalnya.

Zuraidah Abdullah et al. (2012) berpandangan ungkapan Melayu dan pantun merupakan sastera rakyat yang telah diguna pakai dengan begitu meluas dalam masyarakat Melayu tradisi sehingga kini. Tambah mereka lagi, ketinggian budaya Melayu boleh dilihat melalui keindahan penciptaan ungkapan Melayu dan pantun yang menghasilkan susunan kata-kata yang indah, bermakna dan menarik sehingga menggambarkan jiwa, seni, kebijaksanaan dan budi bahasa Melayu.

Menurut Tenas Effendy (2010) ungkapan merupakan sesuatu yang dirajut dan dijalinakan menjadi karya sastera tradisi yang disebut sebagai perumpamaan, bidalan, pepatah, petitih, perbilang adat, kiasan dan ibarat. Ungkapan tradisional merupakan warisan budaya Melayu yang amat tinggi nilainya yang melalui ungkapan akan terpancul dan tercermin nilai-nilai masyarakat serta refleksi nilai budaya yang berpijak dari agama dan kepercayaan yang mereka warisi turun-temurun. Lambang-lambang dalam seni bangunan tradisional, tataberpakaian, upacara, peralatan muzik dan perangkat alat pengobatan, hampir semuanya dijalinakan ke dalam ungkapan yang beraneka ragam yang mengandungi makna dan pengertian yang amat dalam (Tenas Effendy, 2005).

Kamus Dewan (2007), mentakrifkan ungkapan sebagai susunan kata yang digunakan dalam percakapan dan tulisan, frasa atau rangkai kata yang tertentu mengikut susunan katanya. Selain itu juga, ungkapan merujuk kepada gabungan atau kelompok kata yang khusus atau tertentu untuk menyatakan sesuatu maksud. Ungkapan juga dikenal sebagai simpulan bahasa.

Ungkapan merupakan gabungan kata yang maknanya sudah menyatu dan tidak ditafsirkan dengan makna unsur yang membentuknya. Idiom atau disebut juga dengan ungkapan ialah gabungan kata yang membentuk erti baharu dan tidak berhubung dengan kata pembentuk dasarnya. Yang lebih tepat lagi, ungkapan ialah gabungan dua

kata atau lebih yang digunakan seseorang dalam situasi tertentu untuk mengkiaskan suatu hal. Gabungan kata ini juga tidak ada konteks yang menyertainya dan memiliki dua kemungkinan makna, iaitu makna denotasi dan makna konotasi (https://id.wikibooks.org/wiki/Bahasa_Indonesia/Ungkapan).

1.10.3 Pemimpin

Mohamad Mokhtar (2007) menjelaskan konsep pemimpin atau kepemimpinan bukan sahaja individu yang mengetuai sesuatu kumpulan, malah individu yang berupaya mempengaruhi pengikutnya ke arah pencapaian matlamat sesuatu kumpulan atau organisasi, di samping berada di hadapan pengikut bukan sahaja sebagai jurubicara tetapi yang mendahului sesuatu pergerakan atau kegiatan kumpulan, dan tidak berdiri di belakang pengikut.

Pandangan ini turut disokong oleh Husin@Ibrahim Mamat (2007) yang menurut beliau pemimpin merupakan seseorang individu dalam sesuatu kumpulan yang diberi tanggungjawab menentukan kelancaran perjalanan aktiviti orang bawahannya untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

Tenas Effendy (2000) pula mendefinisikan pemimpin atau yang lazimnya disebut orang yang dituakan sebagai seorang tokoh terpilih yang dipilih dan diangkat oleh masyarakat, iaitu puak, kaum, suku atau bangsanya untuk memegang teraju pemerintahan, atau menjadi pucuk atau induk dalam kehidupan bermasyarakat, berbangsa dan bernegara.

Di samping itu juga, Tenas Effendy (2000) menggambarkan seorang pemimpin sebagai orang yang diberi kepercayaan dan kekuasaan penuh oleh umatnya agar beliau mampu melaksanakan tugas berat untuk menyejahterakan masyarakat. Hal ini dibuktikan seperti ungkapan pemimpin di bawah:

*Yang diberikan kepercayaan
Yang diberikan kekuasaan
Yang diberikan beban umat
Yang diberikan tanggungjawab
Yang diikat janji dan sumpah
Yang disimpai petua amanah.*

(Tenas Effendy 2000, p.2)

Tambah beliau lagi, dalam masyarakat Melayu, pemimpin amatlah pelbagai, mulai daripada pemimpin rumah tangga, dusun dan kampung sehinggalah kepada pemimpin bangsa dan negara. Orang Melayu amat berhati-hati, hemat dan cermat dalam memilih dan menilai seseorang untuk dijadikan pemimpin. Seorang pemimpin juga dituntut untuk memiliki keperibadian terpuji, memenuhi syarat yang ditetapkan sebagai acuan dasar, sesuai menurut ketentuan yang berlaku, baik formal mahupun tidak.

Pemimpin ditakrifkan sebagai individu yang boleh memberi pengaruh kepada individu yang lain di dalam suatu pertubuhan. Selain itu, pemimpin merupakan seseorang yang akan menentukan hala tuju dan jatuh bangun masyarakat yang bukan sahaja bertanggungjawab untuk memastikan setiap anggota masyarakat mendapat gambaran yang jelas terhadap setiap polisi, arahan dan tugas tetapi juga turut memastikan setiap arahan dan tugas berkenaan dipatuhi dan diikuti oleh anak buahnya ([https://ms.wikipedia.org/wiki.Kepimpinan](https://ms.wikipedia.org/wiki/Kepimpinan)).

1.11 Biodata Tenas Effendy



Nama penuh beliau ialah Tengku Nasaruddin Said Effendy. Beliau dilahirkan di Dusun Tanjung Malim, Desa Kuala Panduk, Pelalawan. Ayahnya bernama Tengku Said Umar Muhammad dan ibunya pula bernama Tengku Sarifah Azamah. Tenas Effendy mendapat pendidikan rasmi di Sekolah Rakyat di Pelalawan, seterusnya di Sekolah Guru B di Bengkalis dan akhir sekali di Sekolah Guru A di Padang.

Ayah Tenas Effendy bekerja sebagai setiausaha peribadi kepada Sultan Said Hasyim, iaitu Sultan Pelalawan yang ke-8 pada masa itu. Ayahnya bergiat aktif dalam bidang penulisan dengan menulis semua salasilah Kerajaan Pelalawan, adat istiadat, dan peristiwa penting dalam sebuah buku yang bertajuk *Buku Gajah*.

Sewaktu kecil, Tenas Effendy sering mengikut ayahnya berladang padi sehinggakan beliau amat memahami kegiatan berladang yang dilakukan oleh ayah dan masyarakat desanya. Antara aktiviti kebudayaan yang dilakukan oleh masyarakat di sekitarnya yang dapat disaksikan oleh beliau adalah seperti upacara pertabalan Sultan Said Hasyim, upacara menuba ikan, iaitu sebuah ritual yang sarat dengan adat, serta upacara mengambil madu yang sarat dengan magis dan kuat dengan ritual kebudayaan. Kebiasaan dalam mendengar, melihat dan mengamati berbagai-bagai khazanah budaya ini secara tidak langsung membuatkan Tenas Effendy mampu menyerap dan memahami berbagai-bagai unsur kebudayaan.

Pada tahun 1968, Tenas Effendy memulakan aktiviti penelitiannya dengan melakukan pelbagai jenis penyelidikan. Antaranya, beliau membuat penelitian terhadap masyarakat suku asli Petalangan. Selain itu, beliau juga melakukan kajian terhadap kebudayaan lain yang mengkehendaki beliau menghabiskan waktunya dalam melakukan kajian di hampir seluruh pelosok Riau dan Kepulauan Riau. Di samping itu, Tenas Effendy berjaya menghimpunkan pantun, ungkapan, peribahasa, perumpamaan, gurindam, bidal, ibarat, nyanyian panjang, serta seni bina bangunan tradisional.

Hasilnya, beliau dapat mengumpulkan lebih kurang 20 000 ungkapan, 10 000 pantun dan tulisan-tulisan lain mengenai kebudayaan Melayu. Antara hasil karya beliau ialah *Lintasan Sejarah Kerajaan Siak, Seni Ukir Daerah Riau, Datuk Pawang Perkasa, Tenunan Siak Sri Indrapura, dan Lancang Kuning*.

Kehebatan Tenas Effendy dalam menulis di samping pengetahuannya yang mendalam tentang kebudayaan telah menarik minat banyak institusi untuk berkongsi pemikiran dalam pelbagai seminar, simposium, dan lokakarya mulai dari Malaysia, Singapura, Brunei dan sampailah ke Belanda.

Selain aktif dalam bidang penulisan, Tenas Effendy juga turut memegang beberapa jawatan. Antara jawatan yang disandang oleh beliau, ialah:

- a. Ketua Umum Lembaga Adat Melayu Riau (2000-2005)
- b. Ketua Dewan Pembina Lembaga Adat Pelalawan (2000-2015)
- c. Pembina Lembaga Adat Petalangan (1982-2015)

Tenas Effendy mendapat banyak penghargaan bagi mengenang jasa beliau. Antara penghargaan yang diperoleh beliau, ialah:

- a. Gelaran adat Sri Budaya Junjungan Negeri oleh Sri Mahkota Setia Negeri Bengkalis (Bupati Bengkalis, H. Syamsurizal) di Balai Adat Melayu Bengkali.
- b. Anugerah Sagang 1997 dalam kategori Budayawan Terbaik.
- c. Anugerah Ijazah Terhormat Doktor Persuratan Melayu oleh Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Antara buku yang dihasilkan oleh Tenas Effendy ialah:

- a. *Ragam Pantun Melayu (1985)*.
- b. *Nyanyian Budak dalam Kehidupan Orang Melayu (1986)*.
- c. *Ungkapan Tradisional Melayu Riau (1989)*.

- d. *Tunjuk Ajar dalam Pantun Melayu (1990).*
- e. *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu (2000).*
- f. *Ungkapan Tradisional Melayu Riau (2005).*
- g. *Khazanah Pantun Melayu Riau (2007).*
- h. *Ungkapan Melayu: Pemahaman dan Masalahnya (2010).*

Tenas Effendy telah menghembuskan nafas terakhir di Pekanbaru, Riau Indonesia pada 28 Februari 2015 pada usia 78 tahun.

1.11.1 Ungkapan Melayu Mengikuti Perspektif Tenas Effendy

Menurut Tenas Effendy (2010) ungkapan merupakan satu daripada kepiawaian dan kearifan orang Melayu dalam menyampaikan fikiran, gagasan, perasaan dan tunjuk ajar Melayu. Kata-kata yang indah, singkat, padat, mengandungi falsafah dan sarat dengan makna serta mempunyai nilai-nilai asas atau nilai-nilai luhur budaya Melayu telah digunakan dalam membina ungkapan Melayu yang dianuti oleh masyarakat.

Menurutnya lagi, ungkapan Melayu dirajut dan dijalinan menjadi karya sastera tradisi yang disebut sebagai perumpamaan, bidalan, pepatah, petitih, perbilangan adat, kiasan, ibarat dan sebagainya. Orang-orang tua ada menyatakan “*di dalam bidal terdapat akal, di dalam pepatah terdapat petuah, di dalam ibarat terkandung nasihat, di dalam perumpamaan terkandung teladan, di dalam kiasan terkandung pelajaran, di dalam ibarat terkandung hikmat*”. Dalam kajian ini, pengkaji telah membahagikan ungkapan Melayu mengikut perspektif Tenas Effendy kepada tiga aspek seperti yang berikut:

- a. Alam dalam ungkapan Melayu.
- b. Kesantunan dalam ungkapan Melayu.

c. Budaya Melayu dalam ungkapan Melayu.

(a) Alam dalam Ungkapan Melayu

Keindahan dan kesantunan bahasa yang terdapat dalam ungkapan Melayu menggunakan simbol-simbol tertentu dari latar alam sekitar seperti tumbuh-tumbuhan, haiwan, manusia, musim, iklim, benda-benda angkasa, alat dan kelengkapan hidup dan sebagainya (Tenas Effendy 2010, p.2).

Merujuk Tenas Effendy (2010) dunia Melayu mengenal ungkapan "*alam terbentang dijadikan guru*" yang mencerminkan eratnya hubungan manusia dengan alam, serta kesedaran mereka untuk memanfaatkan alam sebagai sumber nilai dan falsafah. Tambahan pula, masyarakat adat Melayu memanfaatkan alam sekitar sebagai cerminan maruah dan sumber nilai di samping dijadikan sebagai sumber rezeki. Antara contoh ungkapan yang menggunakan alam, seperti "*di dalam hutan ada teladan, di dalam rimba ada petua, di dalam laut banyak yang patut, di dalam tanah banyak faedah*".

Kearifan yang dimiliki manusia dalam memelihara alam sekitar, serta memiliki keunggulan dalam pengamatan, penghayatan dan pemahaman tentang sifat-sifat alam, perilaku alam, wujud alam, dan sebagainya disebabkan oleh kesebatian antara manusia dengan alam. Kelebihan ini memberi peluang bagi orang-orang Melayu untuk menjadikan alam sebagai latar simbol yang sarat dengan makna. Itulah sebabnya ungkapan Melayu amat kaya dengan latar alam, mulai dari alam dirinya, alam yang paling kecil, sampai kepada alam semesta yang tiada batas (Tenas Effendy 2010, p.2).

Tambah Tenas Effendy (2010) lagi, ungkapan-ungkapan Melayu menjadi semakin bernas dan sarat dengan nilai kerana ditempa dan dicanai melalui proses penghayatan dan pemahaman yang mendalam tentang hakikat diri melalui unsur alam yang dijadikan latar, kemudiannya dipadukan dengan nilai-nilai budaya Melayu yang Islami.

Menurutnya, perpaduan yang serasi antara nilai asas dan sifat-sifat alam semula jadi inilah yang melahirkan pelbagai ungkapan, sehingga ungkapan pendek dapat mengandungi makna yang teramat luas, dari perkataan singkat terkandung nilai-nilai luhur yang beraneka ragam, dan dari latar simbol yang sederhana tersimpan aneka keteladanan dan tunjuk ajar agung. Sebagai contoh, orang-orang tua mengatakan “*bila digulung selebar kuku, bila dibentang selebar alam*” dan “*kecil sebesar biji bayam, mengandung bumi dengan alam*”.

(b) Kesantunan dalam Ungkapan Melayu

Tenas Effendy (2010) menyatakan budaya Melayu dikenal sebagai budaya yang menjunjung tinggi kesantunan sehingga apa-apa yang dilakukan dan dihasilkan oleh mereka tetap mencerminkan nilai-nilai kesantunan, termasuk ungkapan-ungkapan Melayu. Pemilihan kata-kata yang halus dan indah, kata-kata yang bernas dan sarat dengan makna, yang dipadukan dengan simbol yang sesuai mencerminkan kesantunan yang mewarnai ungkapan Melayu. Hal ini dapat dilihat dalam tunjuk ajar Melayu yang mengatakan, “*yang disebut ibarat dan perumpamaan, bahasanya halus berisi teladan, perkataannya indah mengandungi kemuliaan, contohnya senonoh untuk ikutan*” dan “*yang disebut pepatah petitih, perkataannya elok contohnya terpilih*”.

Bagi orang Melayu, ungkapan yang sarat makna dan kaya nilai ini dijadikan satu daripada alat utama dalam menyampaikan pesan-pesan moral dan tunjuk ajar Melayu. Bagi memudahkan proses penyebaran ungkapan kepada masyarakat, ungkapan disulam dan dipadukan ke dalam berbagai-bagai jenis sastera Melayu, seperti pantun, syair, gurindam, nazam, cerita-cerita rakyat, hikayat, teromba atau tombo, khabar, nyanyian panjang, dan lagu-lagu rakyat (Tenas Effendy 2010, p.4).

Menurut Tenas Effendy (2010), kesantunan yang terdapat dalam tunjuk ajar Melayu mengajarkan orang Melayu untuk menyampaikan fikiran, saran dan pendapat, petua dan nasihat, santun dalam mengemukakan suara hati nurani dan hajatnya, dengan menggunakan bahasa yang bernas dan terpilih serta sarat dengan makna kerana ungkapan ialah cara yang dianggap paling sesuai dengan arahan tunjuk ajar Melayu. Melalui ungkapan, petua, amanah, nasihat, fikiran dan kritikan serta saranan dapat diketengahkan dan disalurkan secara santun. Itulah sebabnya orang-orang tua dahulu selalu mengatakan *“bercakap dengan ungkapan, lebih mengena daripada berbual panjang yang kadangkala kehilangan akal dan hilang tujuan awalnya”*.

Menurutnya lagi, percakapan yang banyak menggunakan bahasa ungkapan, dianggap sebagai cerminan kearifan seseorang serta pemahamannya terhadap nilai-nilai asas budaya dan norma-norma sosial yang dianuti oleh masyarakatnya. Orang-orang yang menguasai ungkapan, memahaminya secara mendalam dan fasih dalam penuturannya, dianggap “orang berisi”, dijadikan tempat rujukan, tempat meminta petua dan amanah, serta tempat meminta nasihat dalam berbagai-bagai permasalahan.

(c) Budaya Melayu dalam Ungkapan Melayu

Budaya Melayu yang penuh kesantunan, lemah lembut dan rendah hati, amatlah menjunjung tinggi nilai-nilai Islam yang menjadi anutan mereka. Nilai-nilai inilah yang menjadi jati dirinya, sehingga Melayu bersehati dengan Islam. Satu daripada asas kemelayuan yang Islam itu adalah perilaku terpuji yang selalu menyampaikan tunjuk ajar, petua amanah, nasihat, pendapat dan pemikiran bernas, dan sebagainya melalui cara-cara yang halus dan santun dengan menggunakan bahasa terpilih serta contoh-contoh yang senonoh. Asas ini diwujudkan antara lain melalui ungkapan yang menggunakan simbol-simbol tertentu (Tenas Effendy 2010, p.15).

Tenas Effendy (2010) menyatakan perilaku oleh sebahagian orang yang kurang memahami budaya Melayu dianggap sebagai perilaku yang “kurang baik” kerana dapat menimbulkan kesan seakan-akan orang Melayu tidak suka berbicara berterus terang, tetapi selalu menggunakan ungkapan atau kiasan yang kadangkala terlalu berlebihan, sehingga sukar difahami orang. Padahal, bagi orang Melayu, melalui ungkapan itulah semua fikiran dan perasaan dapat disampaikan dengan santun dan halus, agar tidak menyinggung perasaan atau menyebabkan orang lain berasa direndahkan. Tambah beliau, pada masa silam, ungkapan sudah menjadi “darah daging” dalam kehidupan orang Melayu. Keserasian itu menyebabkan ungkapan dapat hidup dan berkembang dalam berbagai-bagai karya sastera, yang diwariskan turun-temurun. Ungkapan dijadikan media untuk menyampaikan pesan-pesan moral yang disebut “Tunjuk Ajar Melayu”, pantang larang dan sebagainya. Ungkapan yang sarat dengan makna, santun dan indah itu menjadi pertuturan sehari-hari, sehingga semakin mengakar dan nyaris tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan seharian orang Melayu.

Tenas Effendy (2010) berpendapat bahawa budaya Melayu telah mengajar masyarakat supaya menghormati orang-orang tua, para pemimpin, cerdik pandai dan alim ulama. Hal ini menyebabkan orang Melayu menghormati para tertuanya dan terbiasa meminta nasihat dan pandangan daripada mereka. Perilaku ini, secara langsung mahupun tidak langsung, mendorong para tertua untuk menguasai dan memahami ungkapan dan adat Melayu agar mereka dapat memenuhi harapan masyarakat. Tambah beliau lagi, dalam budaya Melayu penggunaan ungkapan dapat dilihat dalam setiap upacara adat dan tradisi terutamanya dalam perbilang adat. Ketika itulah para tertua adat akan menunjukkan kemahiran dan kepiawaian dalam menyampaikan ungkapan-ungkapan adat yang dijadikan acuan oleh mereka. Contohnya, dalam upacara-upacara adat dan tradisi, ungkapan adat selalu disampaikan, baik dalam menyambut dan menghormati tetamu, mahupun semasa upacara berlangsung. Pada upacara

perkahwinan, ungkapan sudah dituturkan semasa merisik lagi, sehingga ke upacara meminang, hantar tanda dan hantar belanja, berinai hingga ke majlis akad nikah. Antara contoh ungkapan pada malam berinai ialah:

*Malam berinai disebut orang
Membuang sial muka belakang
Memagar diri dari jembalang
Supaya hajat tidak terhalang
Supaya niat tidak tergalang
Supaya sejuk mata memandang
Muka bagai muka mengembang
Serinya naik tuah pun datang.*

(Tenas Effendy, 2010)

1.11.2 Ciri-ciri Kepengarangan Tenas Effendy dalam buku *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu (2000)*

Buku *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu* merupakan antara buku nukilan Tenas Effendy yang diterbitkan oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada tahun 2000. Buku ini merupakan hasil daripada projek Karyawan Tamu Dewan Bahasa dan Pustaka. Buku *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu* ini mengandungi 6 bab, iaitu bab 1 membicarakan pemimpin dalam ungkapan Melayu. Dalam bab ini, Tenas Effendy membincangkan siapakah pemimpin, pakaian pemimpin, iaitu merujuk kepada sifat dan keperibadian mulia yang dimiliki oleh seorang pemimpin dan kedudukan, fungsi serta tanggungjawab pemimpin. Bab 2 dibincangkan mengenai keperibadian pemimpin. Tenas Effendy telah menyenaraikan sifat-sifat mulia yang perlu ada dalam diri pemimpin seperti sifat cerdik, mulia budi dan ikhlas.

Selain itu, beliau juga memperkatakan kepantangan pemimpin dalam bab 3. Kepantangan pemimpin dalam bab ini merujuk kepada sifat-sifat buruk yang perlu dihindari oleh pemimpin. Dalam bab 4 pula, beliau membincangkan jenis pemimpin yang telah menyenaraikan sebanyak 194 jenis pemimpin. Antaranya, pemimpin abdi,

pemimpin adil, pemimpin badak, pemimpin baik, pemimpin cergas, pemimpin iman, pemimpin pilihan dan pemimpin zuhud, manakala pada bab 5 dalam buku ini, Tenas Effendy membicarakan gelar pelengkap. Gelar pelengkap merupakan gelaran tambahan yang diberikan kepada pemimpin. Bagi pemimpin yang disukai oleh rakyat, gelar pelengkap ini merupakan suatu pujian, namun bagi pemimpin yang tidak disenangi oleh rakyat, gelar pelengkap ini merupakan sindiran yang ditujukan kepada pemimpin. Bab terakhir dalam buku ini merupakan bab penutup. Kesimpulan mengenai pemimpin yang telah dibincangkan dalam bab 1 hingga 5 terkandung dalam bab ini.

Buku ini merupakan sebuah naskah yang membicarakan ungkapan tradisional Melayu Riau mengenai pemimpin yang merangkumi pelbagai aspek. Antaranya, tugas dan tanggungjawab seorang pemimpin, sifat mulia yang perlu dimiliki oleh pemimpin dan sifat-sifat yang perlu dihindari oleh pemimpin. Susunan ungkapan dalam buku ini tidak sekata, iaitu kadangkala terdiri daripada 2 baris, 6 baris dan kadangkala 8 baris. Ungkapan di bawah merupakan contoh ungkapan yang terdiri daripada 2, 4 dan 6 baris:

Pemimpin Amuk

*Menjadi pemimpin suka mengamuk
Negeri kacau rakyat pun teruk
Akalnya singkat fikiran suntuk
Budi rendah hati pun busuk
Diberi ingat ia mengaruk
Diberi petua ia mengutuk.*

*Dijadikan pemimpin rakyat terpuruk
Sengketa tumbuh bala mengaruk
Negeri yang kuat menjadi serbuk
Rakyat yang damai mati terpuruk.*

*Dijadikan tua amatlah buruk
Memimpin umat orang beramuk.*

*Pantang pula dijadikan induk
Kerana membawa bala dan kutuk.*

(Tenas Effendy 2000, p.46)

Bahasa yang digunakan oleh Tenas Effendy mudah difahami dan mempunyai nilai keindahan yang tinggi dengan mengetengahkan istilah-istilah yang digunakan oleh masyarakat Melayu Riau.

1.12 Rumusan

Dalam Bab 1 ini, telah dibincangkan latar belakang kajian, sorotan kajian, permasalahan kajian, objektif, bidang kajian, bahan kajian, batasan kajian, kaedah kajian, kepentingan, konsep operasional, dan biodata Tenas Effendy. Kajian ini dilakukan ekoran masih kurang pengkajian mengenai kesantunan berbahasa dalam karya persuratan, seperti pantun, gurindam mahupun ungkapan. Kesantunan berbahasa juga boleh dilihat dalam karya-karya persuratan seperti ungkapan yang terbukti daripada sorotan kajian yang telah diperkatakan. Tambahan pula, aspek nilai dan pengajaran yang terdapat dalam ungkapan Melayu dapat menjadi panduan dan tunjuk ajar kepada masyarakat, khususnya generasi muda.

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti aspek kesantunan berbahasa dalam ungkapan Melayu dalam buku karya Tenas Effendy berjudul *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu (2000)*. Aspek kesantunan berbahasa yang terdapat dalam buku ini dianalisis berasaskan Prinsip Kesopanan Leech (1993). Selain itu, nilai dan pengajaran yang terdapat dalam buku ini juga dikupas dan dibincangkan agar dapat digunakan sebagai pengajaran dan tunjuk ajar kepada masyarakat, khususnya pemimpin mahupun bakal pemimpin. Kajian yang dijalankan ini dilihat dalam konteks secara umum, iaitu hubungan sosial antara penulis dengan pembaca dalam konteks komunikasi bukan lisan. Buku *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu (2000)* telah digunakan sebagai bahan kajian dan tumpuan kajian ini hanya dalam bidang kesantunan berbahasa sahaja.

BAB 2: METODOLOGI KAJIAN DAN KERANGKA TEORETIS

2.0 Pendahuluan

Bab 2 ini, akan dibicarakan metodologi kajian dan kerangka teoretis. Pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan dan kajian teks bagi proses pengumpulan data, manakala pada bahagian penganalisan data, kaedah kualitatif digunakan bagi proses menganalisis data yang telah dikumpulkan. Sebagai tambahan, data juga dianalisis menggunakan kaedah kuantitatif yang memaparkan peratusan data yang diperoleh secara keseluruhan. Dalam menjalankan kajian ini, pendekatan yang diambil adalah dengan menggunakan Prinsip Kesopanan Leech (1993), iaitu seorang pengkaji barat dan ditambah dengan pandangan beberapa orang pengkaji tempatan sebagai mengimbangi huraian.

2.1 Metodologi Kajian

Bahagian ini menghuraikan reka bentuk kajian, analisis data dan bahan kajian yang digunakan dalam kajian ini.

2.1.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan dua kaedah, iaitu:

- a. Kaedah kajian kepustakaan
- b. Kaedah kajian teks

(a) Kaedah Kajian Kepustakaan

Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan data dan maklumat tertentu bagi kajian ini. Pengkaji telah mengumpulkan dan menggunakan bahan-bahan sekunder seperti buku, tesis, disertasi, majalah, jurnal dan artikel yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Antara perpustakaan yang dijadikan tempat untuk mencari data ialah Perpustakaan Utama, Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya dan Perpustakaan Sultan Abdul Samad di Universiti Putra Malaysia.

(b) Kaedah Kajian Teks

Kajian ini merupakan analisis teks untuk melihat aspek kesantunan berbahasa dalam buku *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu (2000)* karya Tenas Effendy. Aspek-aspek kesantunan berbahasa yang terdapat dalam buku ini dianalisis dengan menggunakan Prinsip Kesopanan Leech (1993).

2.1.2 Analisis Data

Data dianalisis dengan menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan maksim Kesopanan Leech (1993) untuk menerang dan menghuraikan aspek kesantunan berbahasa yang terdapat dalam buku *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu*. Sebagai tambahan, data juga dianalisis menggunakan kaedah kuantitatif dengan memaparkan peratusan data yang diperoleh secara keseluruhan. Cara analisis dilakukan adalah dengan meneliti ungkapan-ungkapan yang digunakan dan mengenal pasti perkataan dan frasa yang ada kaitan dengan maksim yang sedang diperhatikan. Setelah perkataan dan frasa yang

berkaitan dengan ciri-ciri maksim dikenal pasti, perkataan dan frasa tersebut digaris bawah dan sumber dinyatakan, kemudian diulas.

2.1.3 Bahan Kajian

Buku nukilan Tenas Effendy yang bertajuk *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu (2000)* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur dipilih sebagai bahan kajian dalam menjalankan kajian ini. Buku ini mempunyai sebanyak 200 halaman yang mengandungi 6 bab. Bab 1 membicarakan pemimpin dalam ungkapan Melayu, Bab 2 mengenai keperibadian pemimpin dan Bab 3 membincangkan kepentingan pemimpin. Bagi Bab 4 pula, Tenas Effendy membincangkan jenis pemimpin, manakala Bab 5 dalam buku ini merupakan bab mengenai gelar pelengkap. Bab terakhir, iaitu Bab 6 merupakan bab penutup. Sebanyak 153 ungkapan pemimpin telah dianalisis bagi menjawab objektif kajian ini.

2.2 Tatacara Pengumpulan Data

Tatacara kajian merupakan langkah-langkah yang diambil untuk menjalankan kajian yang bertujuan untuk memudahkan kajian supaya dapat dijalankan secara sistematik.

Berikut merupakan tatacara kajian yang digunakan:

Langkah 1: Memilih sebuah buku karya Tenas Effendy yang bertajuk *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu (2000)* untuk dijadikan bahan kajian.

Langkah 2: Mengenal pasti ciri-ciri kesantunan berbahasa yang terdapat dalam bahan kajian.

Langkah 3: Menganalisis ciri-ciri kesantunan berbahasa yang terdapat dalam bahan kajian dengan menggunakan maksim-maksim yang terdapat dalam Prinsip Kesopanan Leech (1993).

Langkah 4: Menghuraikan nilai dan pengajaran yang terdapat dalam bahan kajian.

2.3 Kerangka Teoretis

Prinsip Kesopanan Leech (1993) telah dijadikan panduan untuk menganalisis ungkapan Melayu yang terdapat dalam buku *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu (2000)* dengan menggunakan maksim-maksim yang terkandung dalam analisis tersebut. Sebagai mengimbangi huraian, pandangan beberapa orang pengkaji tempatan turut dibincangkan.

2.4 Prinsip Kesopanan Leech (1993)

Geoffrey Leech (1993) dalam buku beliau yang diterjemah oleh Azhar Simin berjudul *Prinsip Pragmatik* memperkenalkan prinsip yang dikenali sebagai Prinsip Kesopanan yang dikemukakan hasil kritikan beliau terhadap Prinsip Kerjasama yang dicadangkan oleh Grice (1975). Leech menjelaskan teori Grice hanya menekankan Prinsip Kerjasama untuk memerihalkan hubungan antara kuasa dengan maksud. Namun bagi Leech, sesuatu perbualan memerlukan unsur seperti kesantunan bahasa untuk memahami maksud sesuatu ujaran.

Oleh itu, Prinsip Kesopanan yang diutarakan oleh Leech merupakan prinsip untuk mengurangkan ujaran pendapat yang tidak beradab dan dalam masa yang sama cuba memaksimumkan ujaran beradab. Prinsip ini juga menerangkan faktor budaya masyarakat dan psikologi penutur-penutur dalam menyampaikan maksud yang berkesan (Leech, 1993).

Aspek kesopanan yang ditekankan oleh Leech meliputi semua jenis konsep sopan dalam perhubungan sesama manusia dalam semua bahasa. Aspek utama yang

ditekankan oleh Leech ialah maksud yang hendak disampaikan oleh penutur dan keberkesanan makna yang difahami oleh penerima. Dalam mengutarakan maksim-maksim kesopanan, Leech menekankan dua perkara penting yang dijadikan rujukan utama, iaitu fungsi ilokusi dan kategori lakuan ilokusi (Mohammad Idris 2000, p.43). Fungsi ilokusi merujuk kepada peranan makna kata dari segi matlamat, manakala lakuan ilokusi ialah tatatingkat bentuk lakuan yang dizahirkan melalui makna kata dari segi matlamat. Menurut Leech (1993) fungsi ilokusi dan lakuan ilokusi dapat menjelaskan hubungan antara maksud dengan kuasa dalam sesuatu ujaran.

Terdapat dua konsep penting yang berhubung dengan Prinsip Kesopanan, iaitu ambivalen dan prinsip-prinsip pragmatik (Leech,1993). Ambivalen ialah ujaran yang mempunyai lebih daripada satu kuasa pragmatik yang berpotensi dan berupaya menyampaikan mesej atau maklumat dalam dua keadaan, iaitu kemungkinan pendengar tidak senang tetapi tidak pula tersinggung perasaannya. Prinsip-prinsip pragmatik dalam Prinsip Kesopanan pula ialah perlakuan ilokusi yang dalam keadaan cuba meminimumkan penyataan kepercayaan yang tidak sopan dan memaksimumkan kepercayaan yang sopan (Mohammad Idris 2000, p.44). Oleh itu, Leech (1993) telah mengemukakan enam maksim bagi menjelaskan Prinsip Kesopanan dalam komunikasi yang berhubung dengan tingkah laku beradab.

Enam maksim yang diutarakan oleh Leech (1993) ialah:

- a. Maksim Santun
- b. Maksim Kedermawanan
- c. Maksim Sokongan
- d. Maksim Kerendahan hati
- e. Maksim Persetujuan
- f. Maksim Simpati

Empat maksim pertama yang terdapat dalam Prinsip Kesopanan berpasangan kerana setiap maksim tersebut mengendalikan skala yang bersifat dwikutub, iaitu skala kos manfaat dan skala pujian cacian, manakala dua lagi maksim bersifat skala ekakutub, iaitu skala persetujuan dan skala simpati (Leech 1993, p.159).

2.4.1 Maksim Santun

Minimumkan beban bagi *orang lain*

Maksimumkan manfaat bagi *orang lain*

Maksim santun merupakan maksim yang menggalakkan ungkapan pendapat yang beradab, sopan santun dan bukannya pendapat yang biadab. Maksim ini boleh dilihat dari dua sudut, iaitu kesopanan positif dan kesopanan negatif (Leech 1993, p.130). Kesopanan positif ialah cubaan untuk memaksimumkan manfaat kepada pendengar. Oleh itu, penutur akan memenuhi kehendak atau mendedahkan terus pendapat yang membawa manfaat kepada pendengar. Penggunaan maksim atau petunjuk diperlukan sebagai pengukur atau piawaian terhadap setiap tutur kata yang dilafazkan semasa berlangsungnya interaksi agar tidak ada pihak yang akan kecewa atau berkecil hati.

Kesopanan negatif pula merupakan ujaran pendapat yang mengimplikasikan beban yang minimum kepada pendengar, manakala kesopanan positif pula memberikan manfaat yang maksimum kepada pendengar. Dengan meminimumkan beban kepada pendengar, penutur perlulah mengambil beberapa langkah yang menyisihkan, mengurangkan atau memendamkan terus pendapat yang berkos tinggi yang agak sukar diterima oleh pendengar. Dengan itu, penutur sedaya upaya akan cuba mengujarkan pendapat yang bersifat minimum kosnya bagi mengelakkan berlakunya konflik dan salah faham dengan pasangan komunikasinya (Leech, 1993).

Sehubungan itu, Leech (1993) telah menumpukan perhatian kepada strategi analisis alat tujuan yang produktif dan strategi mentafsir secara heuristik dengan melihat kesopanan dari segi pandangan pihak yang dilawan sapa, iaitu pendengar dan bukannya pandangan penutur. Terdapat empat kategori fungsi ilokusi untuk melihat darjah kesopanan dalam sesuatu perbualan, iaitu:

- a. **Bersaingan**, iaitu matlamat ilokusi bersaing dengan matlamat sosial, misalnya, memerintah, meminta, mendesak dan merayu.
- b. **Beramah tamah**, iaitu matlamat ilokusi sama dengan matlamat sosial, misalnya, mempelawa, menjemput, menyapa, mengucapkan terima kasih dan tahniah.
- c. **Kolaboratif**, iaitu matlamat ilokusi tidak peka terhadap matlamat sosial, misalnya menyatakan, melaporkan, mengumumkan dan mengarahkan.
- d. **Berkonflik**, iaitu matlamat ilokusi berkonflik dengan matlamat sosial, misalnya, mengancam, menuduh, menyumpah dan mencela.

(Leech 1993, p.124-125)

Empat jenis fungsi lakuan ilokusi yang disenaraikan oleh Leech pula ialah:

- a. **Penegasan**, iaitu mengakibatkan diri sendiri bertanggungjawab terhadap kebenaran proposisi yang diungkapkan, misalnya, menyatakan, menyarankan, bercakap besar, mengadu, mendakwa dan melapor. Ilokusi seperti ini biasanya, dari segi kesopanan, ialah ilokusi yang neutral, iaitu ilokusi yang tergolong dalam kategori kolaboratif. Tetapi terdapat beberapa kekecualian, misalnya, bercakap besar pada umumnya dianggap biadab.
- b. **Arahan**, iaitu digunakan untuk menghasilkan kesan tertentu melalui lakuan yang dibuat oleh pendengar seperti menyuruh, memerintah, memohon, menasihati dan mengesyorkan. Arahan selalunya tergolong dalam kategori

bersaingan, dan oleh itu merupakan kategori ilokusi yang mementingkan kesopanan negatif. Sebaliknya, ada juga arahan yang sememangnya beradab. Untuk mengelakkan daripada terkacau apabila menggunakan kata 'terus' seperti yang terdapat dalam 'ilokusi terus dan tak terus', maka digunakan kata IMPOSITIF untuk menamakan ilokusi bersaing yang terdapat dalam kelas ini.

- c. **Komisif**, yang mengakibatkan diri sendiri melakukan sesuatu pada masa muka, misalnya, berjanji, bersumpah dan mempelawa. Lakuan ini biasanya lakuan jenis beramah-tamah dan bukannya lakuan bersaing oleh sebab dilakukan bagi pihak seseorang selain penutur.
- d. **Ekspresif**, yang digunakan untuk mengungkapkan atau menyerlahkan sikap psikologi penutur terhadap sesuatu keadaan tertentu yang diperandaikan oleh ilokusi, misalnya, mengucapkan terima kasih, tahniah, mengampunkan, menuduh, memuji, mengucap takziah dan sebagainya. Seperti juga komisif, ilokusi ini selalunya bersifat beramah-tamah, dan oleh yang demikian, memang beradab.
- e. **Pengisytiharan** ialah ilokusi yang 'kejayaan melakukan...' akan mengakibatkan adanya kesejajaran antara isi proposisi dengan realiti, misalnya, meletak jawatan, menamakan perkhidmatan seseorang dan sebagainya. Kategori lakuan ini merupakan tuturan yang amat istimewa dan biasanya dilakukan oleh seseorang yang ditauliahkan.

(Leech 1993, p.126-127)

Maksim santun boleh diterapkan pada kategori ilokusi impositif dan komisif. Impositif atau memberi arahan merujuk kepada isi proposisi yang digunakan untuk menghasilkan kesan tertentu yang dilakukan oleh pendengar atau penerima, misalnya dalam konteks menyuruh, menasihati, mengesyorkan sesuatu, dan sebagainya. Kategori komisif pula merujuk kepada akibat yang dilakukan oleh penutur kepada penerima pada masa

hadapan sama ada secara bersungguh-sungguh atau kurang seperti berjanji, bersumpah, mempelawa, dan lain-lain (Mohammad bin Idris 2000, p.49).

2.4.2 Maksim Kedermawanan

Minimumkan manfaat bagi *diri sendiri*

Maksimumkan beban bagi *diri sendiri*

Maksim ini memperihalkan pengujaran yang memberi keuntungan minimum bagi diri sendiri. Maksim ini berbeza dengan maksim santun kerana lebih menumpukan perhatian kepada manfaat atau keuntungan dan juga beban bagi diri sendiri. Maksim ini merujuk kepada cara dalam melahirkan kesopanan dengan melihat maksud ujaran penutur dan seterusnya melahirkan lakuan bahasa yang bersesuaian dan memenuhi ciri-ciri kesantunan. Sesuatu ujaran ini akan dilihat lebih beradab jika penuturnya meminimumkan keuntungan kepada dirinya. Oleh itu, penutur akan sentiasa menilai dan menapis ujarannya untuk menjaga kebaikan bahasanya supaya dilihat sebagai orang yang beradab dan bersopan (Leech, 1993).

Penggunaan maksim kedermawanan boleh dilihat seperti ayat (a) dan (b):

(a) *I can lead you my car.*

(b) *You must come and have dinner with me.*

(Leech 1993, p.161)

Menurut Leech (1993), tawaran dalam (a) dan jemputan dalam (b) diandaikan beradab kerana dua sebab, iaitu pertama, kedua-duanya memanfaatkan *d*, iaitu orang lain, dan kedua, kedua-duanya mengimplikasikan kos terhadap *t*, iaitu diri sendiri.

Leech (1993) menyatakan penggunaan maksim kedermawanan ini membuat penutur sanggup mengurangkan hak dan keuntungan diri sendiri demi mengelakkan daripada pendengar menanggung kos yang tinggi. Seterusnya, hubungan antara maksud dengan kuasa dalam komunikasi dapat diperjelas dan penutur boleh menyatakan maksud ujarannya dengan sopan. Ini dikatakan demikian kerana ujaran atau ungkapan yang sopan mampu menghasilkan lakuan bahasa yang harmoni dan menyenangkan.

2.4.3 Maksim Sokongan

Minimumkan cacian terhadap *orang lain*

Maksimumkan pujian terhadap *orang lain*

Setiap ujaran dikira sebagai bersopan dan memenuhi maksim ini berdasarkan nilai tara cacian dan pujian yang ditujukan kepada pendengar. Penutur haruslah menggunakan kata-kata yang berunsur pujian dan perkataan yang digemari oleh pendengar. Oleh itu, penutur mestilah mengelakkan diri daripada mengujarkan perkataan yang tidak sopan dalam perbualan. Contohnya, seperti ayat *what a marvellous meal you cooked!* mempunyai nilai tinggi mengikut maksim sokongan (Leech 1993, p.162). Cacian dan pujian ialah dua bentuk perlakuan yang bersifat kontra. Cacian boleh membawa kesan yang buruk kerana boleh menimbulkan perasaan benci dan sakit hati kepada orang mencaci. Sebaliknya pujian ialah sebarang ungkapan kata manis yang sedap didengar dan dapat mewujudkan perasaan sayang kepada penuturnya. Malah, pendengar akan berasa lebih selesa dalam keadaan sebegini (Mohammad Idris, 2000).

Leech (1993) menyatakan konsep ketidakterusan berbahasa boleh digunakan untuk mengukur cacian dan pujian ini. Sesuatu ujaran ini dikira semakin sopan sekiranya semakin tinggi kadar tidak terus terang digunakan untuk mencaci orang. Oleh itu,

penutur akan mengawal diri daripada mengeluarkan cacian atau ungkapan yang kurang sopan. Tetapi sekiranya semakin kurang kadar ketidakterusan untuk mengujarkan cacian kepada orang lain, penutur tersebut dianggap telah melanggar maksim ini dan dikategorikan sebagai biadab.

2.4.4 Maksim Kerendahan Hati

Minimumkan pujian terhadap *diri sendiri*

Maksimumkan cacian terhadap *diri sendiri*

Merujuk Leech (1993), maksim ini berbeza daripada maksim sokongan kerana lebih memusatkan perhatian kepada diri sendiri dalam usaha melahirkan ujaran yang bersopan. Kebanyakan masyarakat atau budaya menganggap perbuatan ini boleh melahirkan penilaian yang positif dan bersopan oleh pendengar. Biasanya penutur akan dianggap sebagai merendah diri, tidak sombong dan baik hati. Contoh yang paling mudah ialah perbuatan meminta maaf dianggap sebagai satu cara untuk memaksimumkan cacian terhadap diri sendiri kerana merendah diri dengan mengaku akan kesilapannya.

Contoh penggunaan maksim kerendahan hati boleh dilihat dalam ayat (c):

(c) A: *They were so kind to us.*

B: *Yes there were, weren't they.*

(Leech 1993, p.163)

Menurut Leech (1993), ayat (c) merupakan ayat yang menyenangkan jika kita bersetuju dengan pujian orang lain asalkan pujian itu tidak ditujukan kepada diri kita sendiri. Tambah beliau lagi, penggunaan konsep ini dapat mendekatkan lagi jarak dan ruang hubungan antara pendengar dengan penutur dan seterusnya matlamat untuk

menjelaskan maksud dan kuasa dalam komunikasi akan tercapai. Sebaliknya, jika penutur mengambil sikap yang berlawanan dengan pernyataan maksim ini, dia akan dianggap sebagai sombong, bongkak dan meninggi diri yang akhirnya menyebabkan hubungan kedua-duanya semakin jauh dan renggang.

2.4.5 Maksim Persetujuan

Minimumkan perbalahan antara *diri sendiri* dengan *orang lain*

Maksimumkan persetujuan antara *diri sendiri* dengan *orang lain*

Sebarang pernyataan tidak setuju atau pernyataan yang boleh membawa kepada perbalahan diminimumkan oleh penutur sama ada secara langsung atau memendamkannya walaupun pada hakikat sebenarnya dia tidak bersetuju. Sebaliknya, ungkapan setuju disampaikan dengan jelas dan cuba dimaksimumkan. Ini dikatakan demikian kerana maksim ini mengambil nilai tara pernyataan setuju antara diri sendiri dengan orang lain (Leech, 1993).

Contoh ayat (d) dan (e) menunjukkan penggunaan maksim persetujuan:

(d) *A: English is a difficult language to learn.*

B: True, but the grammar is quite easy.

(e) *A: The book is tremendously well written.*

B: Yes, well written as a whole, but there are some rather boring patches, don't you think?

(Leech 1993, p.166)

Bagi ayat (d) dan (e) menurut Leech (1993), tidak bersetuju secara separa lebih disukai atau dianggap sopan berbanding tidak bersetuju secara keseluruhan.

Mohammad Idris (2000) berpendapat konsep ketidakterusan dapat dilihat dalam maksim ini untuk melahirkan ujaran yang bersopan dan berhati-hati. Darjat kesantunan akan semakin tinggi sekiranya konsep ketidakterusan pengujaran yang membawa kepada perbalahan semakin digunakan. Semakin jelas pendapat setuju maka semakin tinggilah darjat kesantunannya. Namun begitu, pelanggaran maksim boleh berlaku apabila penutur mengujarkan pernyataan yang boleh menimbulkan kesan negatif terhadap pendengar. Seseorang penutur akan dinilai sebagai tidak sopan atau dianggap biadab apabila terus mengeluarkan pernyataan yang boleh membawa kepada perbalahan. Maksim ini amat diperlukan dalam sesebuah perbualan demi menjaga keharmonian berinteraksi. Maksim persetujuan ini seakan menyerupai maksim sokongan tetapi maksim ini lebih kepada konsep setuju dan tidak setuju, manakala maksim sokongan berdasarkan nilai tara cacian dan pujian.

2.4.6 Maksim Simpati

Minimumkan antipati antara *diri sendiri* dengan *orang lain*

Maksimumkan simpati antara *diri sendiri* dengan *orang lain*

Maksim ini akan dipatuhi apabila penutur meminimumkan pendapat yang mengakibatkan antipati, iaitu rasa benci dan memaksimumkan rasa belas kasihan dan simpati antara diri sendiri dengan orang lain (Leech, 1993). Sebagai contoh, boleh dilihat pada ayat (f):

(f) *I'm terribly sorry to hear that your cat died.*

Ayat (f) ini merupakan ucapan takziah yang menunjukkan simpati kepada seseorang yang ditimpa musibah atau kesusahan.

Sekali lagi konsep ketidakterusan digunakan bagi mengukur sama ada penutur itu telah mematuhi atau melanggar maksim ini. Untuk meminimumkan pendapat yang mengakibatkan antipati, penutur perlu menggunakan konsep ketidakterusan ini kerana semakin tinggi darjat ketidakterusan digunakan semakin beradablah seseorang itu. Usaha untuk memaksimumkan simpati antara diri sendiri dengan orang lain juga dilihat sebagai langkah untuk memenuhi maksim simpati ini. Kesantunan dalam berbahasa tidak akan dapat dipatuhi sekiranya penutur bertindak melanggar ciri-ciri dalam maksim ini.

Menurut Leech (1993), walaupun beliau telah memperkenalkan maksim-maksim di atas sebagai pengawal dalam situasi perbualan, namun beliau berpendapat bahawa maksim-maksim tersebut bukanlah sesuatu rumus yang perlu dipatuhi secara mutlak. Sebagai contoh, penambahan cacian ke atas diri sendiri semata-mata untuk menunjukkan kesantunan kita. Sebagai penutur, kita tidak perlu mencaci diri sendiri hanya untuk memberi keselesaan kepada orang lain kecuali kepada ibu bapa kita. Manusia tidak perlu memperlekeh diri sendiri semata-mata untuk menambahkan pujian dan sanjungan terhadap pihak lain. Maksim tersebut mungkin mewujudkan sangkaan orang lain bahawa kita bersikap tidak jujur dan menimbulkan keraguan orang lain terhadap kita. Hakikatnya, manusia tidak perlu mengurangkan sesuatu kebaikan terhadap diri sendiri semata-mata untuk kebaikan pihak lain, seperti yang dituntut dalam maksim kedermawaan dan maksim santun.

Prinsip Kesopanan Leech (1993) ini dianggap sesuai digunakan kerana maksim-maksim yang diperkenalkan oleh Leech boleh dianggap serasi dengan agama Islam dan budaya Melayu, memandangkan pembinaan maksimnya berkait dengan keluhuran hati dan budi. Apa yang dikemukakan oleh Leech, seperti maksim santun, maksim kedermawanan dan maksim kerendahan hati, merupakan peribadi yang santun seperti yang dituntut dalam Islam (Noriati A.Rashid 2005, p.44). Tambahan pula, hal ini

bersesuaian dengan wacana ungkapan Melayu yang dikarang oleh Tenas Effendy, terutamanya dalam buku *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu (2000)* yang berdasarkan budaya Melayu dan agama Islam itu sendiri.

2.5 Pandangan Pengkaji Tempatan

Selain pendekatan Leech (1993) yang merupakan sarjana Barat, ciri-ciri kesantunan berbahasa dalam buku *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu (2000)* juga dianalisis dengan mengambil beberapa pandangan pengkaji tempatan mengenai kesantunan berbahasa bagi orang Melayu. Antaranya, Asmah Haji Omar, Awang Sariyan, Tenas Effendy, Mohd Rashid Md. Idris, Harun Mat. Piah, A. Aziz Deraman, Mustafa Haji. Daud, Mohammad Idris dan Zainal Abidin Borhan.

Asmah Haji. Omar (2000) menyatakan pengertian kesantunan berbahasa bagi masyarakat Melayu bukan sahaja merangkumi penggunaan bahasa yang tidak membangkitkan kemarahan, kegusaran, rasa kecil hati dan perasaan tersinggung, malah merangkumi tingkah laku terpuji yang ditunjukkan oleh individu. Beliau telah membahagikan kesopanan atau kesantunan kepada dua jenis, iaitu kesopanan asas dan kesopanan berkendala. Kesopanan asas ialah kesopanan yang sedia ada yang merupakan pedoman bagi ahli-ahli masyarakat berhubung satu sama lain. Kesopanan berkendala pula merupakan kesopanan yang menggambarkan usaha yang dilakukan oleh ahli-ahli masyarakat dalam berhubungan satu sama lain dengan memberi perhatian pada kendala-kendala tertentu, iaitu:

- a. Taraf dan peranan orang yang bercakap dengan kita
- b. Di mana atau dalam keadaan yang bagaimana percakapan itu berlaku
- c. Apa yang dipercakapkan
- d. Mengapa percakapan itu berlaku

e. Cara percakapan itu disampaikan

(Asmah Haji. Omar 2000, p.90)

Selain daripada aspek penggunaan bahasa yang baik dan tingkah laku terpuji, masyarakat Melayu juga turut mementingkan aspek air muka dalam kesantunan. Asmah Haji. Omar (2000) berpendapat bahawa konsep air muka dalam budaya Melayu mempunyai pengertian yang lebih luas dan mendalam, iaitu berperanan bukan setakat masa berlangsungnya komunikasi, tetapi menjangkau ruang lingkup yang lebih daripada itu. Air muka pada asasnya membawa pengertian yang mendalam meliputi didikan individu yang terlibat daripada ibu bapa, guru dan kaum keluarga, serta melibatkan maruahnya dan maruah keluarga.

Tenas Effendy (2010) turut memberi pandangan beliau mengenai kesantunan dalam masyarakat Melayu yang menurut beliau, penggunaan bahasa yang santun akan menyebabkan komunikasi atau perbincangan dapat disampaikan dengan baik, benar dan disenangi oleh pihak pendengar. Tambah beliau lagi, orang-orang tua ada mengingatkan kesantunan dalam berbahasa bukan hanya ditentukan dari cara seseorang berbahasa tetapi juga ditentukan oleh kemampuan memilih kata, kearifannya merungkai kata, dan kepriawaian menggunakan bahasa dengan tepat.

Tambah Tenas Effendy (2010), budaya Melayu dikenal sebagai budaya yang menjunjung tinggi kesantunan sehingga apa-apa yang dilakukan dan dihasilkan tetap mencerminkan nilai-nilai kesantunan, termasuk ungkapan-ungkapan Melayu. Pemilihan kata-kata yang halus dan indah, kata-kata yang bernas dan sarat dengan makna, yang dipadukan dengan simbol yang sesuai mencerminkan kesantunan yang mewarnai ungkapan Melayu. Hal ini dapat dilihat dalam tunjuk ajar Melayu yang mengatakan "*yang disebut ibarat dan perumpamaan, bahasanya halus berisi teladan,*

perkataannya indah mengandung kemuliaan, contohnya senonoh untuk ikutan” dan “yang disebut pepatah petitih, perkataannya elok contohnya terpilih”.

Oleh itu, berdasarkan pandangan beberapa pengkaji tempatan, pengkaji telah merumuskan ciri-ciri kesantunan berbahasa kepada beberapa aspek, iaitu:

- a. Berbudi dan berbahasa
- a. Agama Islam
- b. Nilai dan pengajaran

2.5.1 Berbudi dan berbahasa

Asmah Haji. Omar (2007) menyatakan ungkapan budi bahasa membawa makna perilaku atau tingkah laku yang baik dari segi gerak-geri, tutur kata dan sikap. Unsur sikap dalam budi bahasa itu bergantung pada keadaan mental. Tambahan pula, budi bahasa itu tidak lain daripada peraturan adab tertib dalam hubungan antara manusia yang mempunyai tiga dimensi, iaitu gerak laku, penggunaan bahasa dan keadaan mental. Menurut beliau lagi, ketiga-tiga dimensi tersebut berkaitan dengan menunjangi satu sama lain dalam mewujudkan budi bahasa seseorang.

Menurut A. Aziz Deraman et al. (2010) budi bahasa lazimnya merujuk kepada tutur kata, kehalusan, sopan santun, tatatertib, akal, kebijaksanaan, perbuatan dan kebajikan yang tercantum dalam kata-kata yang baik lagi mulia. Tambah beliau, setiap gerak laku, tutur kata, pemikiran dan perasaan baik terhadap orang lain sebagai peribadi mahupun pergaulan masyarakat terangkum dalam konsep budi bahasa.

Pendapat ini turut disokong oleh Mustafa Haji Daud (1995) yang menurut beliau, konsep berbudi dan berbahasa didefinisikan sebagai percakapan yang baik, elok dalam tutur kata, halus tutur kata, hormat, bijaksana, tinggi budi bicara, pemurah, belas

kasihan, beradab, bersopan santun, bertatertib, berbudi pekerti mulia, tingkah laku yang baik dan akhlak yang mulia.

Masyarakat Melayu amat mementingkan aspek berbudi dan berbahasa dalam kehidupan. Bagi masyarakat Melayu, berbudi dan berbahasa merupakan asas yang penting yang perlu ada dalam diri setiap individu. Apabila individu itu berbudi dan berbahasa, individu itu dianggap sebagai seseorang yang mempunyai peribadi yang terpuji dan mulia.

2.5.2 Agama Islam

Selain daripada mementingkan aspek penggunaan bahasa yang baik dan tingkah laku terpuji, masyarakat Melayu juga berpegang kuat kepada sistem nilai yang ditentukan oleh dua faktor utama, iaitu agama dan adat. Ini bermakna masyarakat Melayu berpegang teguh kepada ajaran Islam di samping adat turun temurun. Kesantunan berbahasa dalam agama Islam dapat dikesan daripada salah satu tuntutan agama, iaitu lemah lembut, halus budi bahasa dan bersederhana dalam apa juga yang dilakukan (Mohammad Idris, 2000).

Agama Islam dan masyarakat Melayu mempunyai hubungan yang rapat kerana aspek kesantunan berbahasa yang terdapat dalam masyarakat Melayu berlandaskan ciri-ciri kesantunan berbahasa dalam agama Islam. Kesantunan berbahasa yang ditunjukkan oleh masyarakat Melayu menggambarkan adab orang Melayu yang halus dan sesuai dengan ajaran Islam yang menekankan keharmonian dan saling menghormati antara sesama manusia.

A. Aziz Deraman et. al (2010) menyatakan Islam menganjurkan penganutnya agar bertutur dengan baik dan tidak menggunakan perkataan-perkataan yang keji atau

biadap. Rasulullah S.A.W. menggalakkan umatnya agar mengetahui selok-belok ilmu bahasa kerana melalui bahasalah ilmu-ilmu dapat diperoleh dengan mudah. Bukan itu sahaja, bahkan Rasulullah juga dikenali sebagai seorang yang jujur dan menjaga tutur katanya. Baginda digelar Al-Amin kerana kejujuran dan kesantunan Baginda itu.

Budaya Melayu yang penuh kesantunan, lemah lembut dan rendah hati amatlah menjunjung tinggi nilai-nilai Islam yang menjadi anutan mereka. Nilai-nilai inilah yang menjadi jati dirinya, sehingga Melayu bersehati dengan Islam. Satu daripada asas kemelayuan Islam itu ialah perilaku terpuji yang selalu menyampaikan tunjuk ajar, petua amanah, nasihat, pendapat dan pemikiran bernas, dan sebagainya, melalui cara-cara yang halus dan santun dengan menggunakan bahasa terpilih serta contoh-contoh yang senonoh. Asas ini diwujudkan, antara lain, melalui ungkapan yang menggunakan simbol-simbol tertentu (Tenas Effendy 2010, p.15).

2.5.3 Nilai dan Pengajaran

Menurut Mohd. Rashid Md Idris (2011) perkara-perkara yang berkait rapat dengan kehidupan, keagamaan, budaya dan adat merupakan sebahagian unsur yang membina identiti masyarakat Melayu seluruh Nusantara. Sastera Melayu, sama ada genre puisi mahupun prosa, dikatakan menjadi gambaran atau cerminan masyarakat Melayu sejak zaman dahulu lagi. Tambah beliau lagi, setiap perkara yang terkandung dalam sastera Melayu sangat berkait rapat dengan masyarakat Melayu itu sendiri dan mengandungi unsur nilai dan etika yang menjadi cerminan masyarakat Melayu dalam pelbagai aspek kehidupan. Tidak hairanlah masyarakat Melayu amat mementingkan aspek nilai dalam kehidupan untuk menjamin kesejahteraan masyarakat dan nilai yang disampaikan itu bersifat beradab, muafakat dan penuh dengan kesusilaan yang murni.

Bagi orang Melayu, ungkapan yang sarat makna dan nilai dijadikan salah satu alat utama dalam menyampaikan pesan-pesan moral dan tunjuk ajar Melayu. Kandungan isi ungkapan yang amat luas dan sarat nilai-nilai luhur budaya Melayu dijadikan salah satu pedoman hidup orang Melayu. Bahkan, melalui ungkapan yang sarat makna itu pelbagai nilai asas budaya Melayu disebar luaskan sehingga memperkayakan khazanah rumpun Melayu (Tenas Effendy, 2010).

Antara nilai asas budaya Melayu yang terkandung dalam ungkapan ialah:

- a. Nilai mentaati pemimpin
- b. Nilai rajin
- c. Nilai bertanggungjawab
- d. Nilai sabar dan lapang dada
- e. Nilai malu
- f. Nilai tahu diri
- g. Nilai rendah hati
- h. Nilai sopan santun
- i. Nilai membalas budi

(Tenas Effendy, 2010)

Harun Mat Piah (2004) membahagikan pengajaran kepada beberapa aspek, iaitu pengajaran melalui jenaka dan sindiran, pengajaran tentang adat dan etika, pengajaran tentang aspek budi dan bahasa dan pengajaran melalui pendidikan dan agama. Menurut beliau lagi, dapat dikatakan skop pengajaran dan nasihat yang disampaikan melalui puisi amat luas dan pelbagai sekali. Hal ini bersesuaian dengan konsep dan matlamat sastera tradisional yang mementingkan objektif pengajaran dan bimbingan kepada khalayak umum, iaitu anggota masyarakat.

2.6 Kerangka Konsepsi

Kerangka konsepsi dibina bertujuan untuk memudahkan pemahaman terhadap kajian ini. Ungkapan Melayu yang terdapat dalam buku *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu (2000)* dijadikan sebagai bahan kajian, manakala Prinsip Kesopanan Leech (1993) telah dipilih sebagai teori dalam menjalankan kajian ini. Dua kaedah yang digunakan dalam proses pengumpulan data, iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah kajian teks bagi menjawab tiga objektif yang telah disenaraikan. Rajah 2.1 merupakan kerangka konsepsi dalam menjalankan kajian ini:



Objektif Kajian:	Dapatan Kajian:
<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengenal pasti ciri-ciri kesantunan berbahasa dalam bahan kajian menggunakan Prinsip Kesopanan Leech (1993); 2. Menganalisis ciri-ciri kesantunan berbahasa dalam bahan kajian menggunakan Prinsip Kesopanan Leech (1993); 3. Menghuraikan nilai dan pengajaran yang terdapat dalam buku <i>Pemimpin dalam Ungkapan Melayu (2000)</i> karya Tenas Effendy. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kesemua maksim kesopanan yang telah diperkenalkan oleh Leech (1993) dikenal pasti terdapat dalam bahan kajian. 2. Ungkapan Melayu yang terdapat dalam bahan kajian mempunyai nilai kesantunan yang tinggi. 3. Buku <i>Pemimpin dalam Ungkapan Melayu (2000)</i> mempunyai nilai dan pengajaran yang berguna.

Rajah 2.1: Kerangka Konsepsi

2.7 Rumusan

Bab 2 ini, telah dijelaskan metodologi kajian dan kerangka teoretis yang digunakan dalam menjalankan kajian ini. Bagi proses pengumpulan data, pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan dan kajian teks. Bahan-bahan sekunder seperti buku, tesis dan jurnal telah dikumpulkan bagi mendapatkan data tambahan. Buku *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu (2000)* karya Tenas Effendy telah dipilih sebagai teks dalam proses pengumpulan data. Kaedah kualitatif dipilih oleh pengkaji bagi proses penganalisan data yang telah dikumpulkan. Dalam menjalankan kajian ini, pendekatan yang diambil adalah dengan menggunakan Prinsip Kesopanan Leech (1993), iaitu seorang pengkaji barat dan ditambah dengan pandangan beberapa orang pengkaji tempatan sebagai mengimbangi huraian. Kerangka konsepsi telah dibina bagi memudahkan pemahaman terhadap kajian ini.

BAB 3: KESANTUNAN BERBAHASA DALAM BUKU *PEMIMPIN DALAM UNGKAPAN MELAYU*


3.0 Pendahuluan

Bab 3 ini mengenal pasti analisis kesantunan berbahasa yang terdapat dalam buku *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu (2000)* berdasarkan Prinsip Kesopanan Leech (1993). Analisis data dalam bab ini memberi tumpuan kepada ungkapan Melayu mengenai pemimpin yang terdapat dalam bahan kajian berdasarkan maksim-maksim kesopanan yang telah dikemukakan oleh Leech (1993). Maksim-maksim kesopanan Leech dikenal pasti dan dihuraikan serta beberapa contoh ungkapan disertakan.

3.1 Aspek-aspek Kesantunan Berbahasa Berdasarkan Prinsip Kesopanan Leech (1993)

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan ke atas data, didapati kesemua maksim kesopanan yang telah diperkenalkan oleh Leech terdapat dalam bahan kajian, iaitu maksim santun, maksim kedermawanan, maksim sokongan, maksim kerendahan hati, maksim persetujuan dan maksim simpati. Secara keseluruhannya, taburan maksim Leech ini didapati tidak sekata.

Daripada 194 ungkapan yang dikaji, sebanyak 130 kekerapan yang terdiri daripada enam maksim kesopanan ditemui dalam bahan kajian. Daripada nilai kekerapan yang dimiliki, peratusan bagi setiap maksim dapat diperoleh apabila nilai kekerapan bagi setiap maksim didarabkan dengan seratus dan seterusnya dibahagikan dengan jumlah kekerapan yang dimiliki daripada semua maksim, iaitu sebanyak 130. Rajah 3.1 memaparkan jenis-jenis maksim kesopanan Leech dan peratusan bagi setiap maksim:



Rajah 3.1: Maksim Kesopanan Leech

Melalui Rajah 3.1 didapati maksim yang paling banyak ditemui dalam bahan kajian ialah maksim santun, iaitu sebanyak 44 kali kekerapan dengan peratusan 33.8%. Maksim yang paling sedikit ditemui pula ialah maksim simpati dengan peratusan sebanyak 3.1%, iaitu sebanyak empat kali kekerapan. Maksim kedermawanan mencatat peratusan sebanyak 24.6%, iaitu 32 kali kekerapan, diikuti dengan maksim kerendahan hati, iaitu sebanyak 20 kali kekerapan dengan nilai peratusan 15.4%, maksim persetujuan sebanyak 17 kali kekerapan, iaitu nilai peratusan 13.1% dan maksim sokongan mencatat nilai peratusan sebanyak 10%, iaitu sebanyak 13 kali kekerapan.

Maksim santun, maksim kedermawanan dan maksim kerendahan hati telah dibahagikan kepada beberapa aspek mengikut ciri-ciri tersendiri bagi setiap maksim. Bagi memudahkan pemahaman, aspek-aspek ini telah dipersembahkan dalam bentuk carta. Dalam kajian ini, konteks komunikasi yang berlangsung bukanlah secara bersemuka, iaitu melibatkan antara penutur dengan pendengar, tetapi komunikasi yang berlaku ialah secara umum dan tidak bersemuka, yakni melibatkan komunikasi antara


penulis dengan pembaca. Penulis merujuk kepada pengarang, iaitu Tenas Effendy, manakala pembaca pula merupakan pengkaji. Oleh itu, dalam kajian ini, pengkaji menjalankan kajian dalam konteks antara penulis dengan pembaca.

3.2 Kesantunan Berbahasa Berdasarkan Prinsip Kesopanan Leech (1993)

Seperti yang telah dinyatakan, Prinsip Kesopanan Leech (1993) telah menyenaraikan sebanyak enam maksim, iaitu maksim santun, maksim kedermawanan, maksim sokongan, maksim kerendahan hati, maksim persetujuan dan maksim simpati. Telah dikenal pasti contoh maksim-maksim ini dalam buku *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu (2000)*. Maksim-maksim ini telah digunakan untuk menganalisis aspek kesantunan yang terdapat dalam ungkapan Melayu yang membicarakan ciri-ciri yang ada pada pemimpin. Perkataan dan frasa yang ada kaitan dengan maksim yang sedang diperkatakan digaris bawah dan sumber dinyatakan, kemudian diulas.

3.2.1 Maksim Santun

Maksim santun didefinisikan sebagai maksim yang menggalakkan ungkapan pendapat yang beradab, sopan santun dan bukannya pendapat yang biadab (Leech 1993, p.130). Melalui maksim ini, pemimpin berusaha untuk meminimumkan beban bagi orang lain, iaitu rakyat dan, dalam masa yang sama, cuba memaksimumkan manfaat bagi rakyat. Bersopan santun bukan sahaja merangkumi percakapan atau pertuturan, bahkan perangai atau tingkah laku juga mencerminkan sifat sopan santun. Carta 3.2 berikut merupakan kekerapan bagi maksim santun mengikut beberapa aspek.



Carta 3.2: Kekerapan Maksim Santun

Pengkaji telah membahagikan maksim santun kepada beberapa aspek, iaitu bermuka manis, mempunyai pertuturan yang baik, beradab sopan, bijaksana dalam berbicara dan memegang janji. Bermuka manis mencatatkan sembilan kali kekerapan, pertuturan yang baik sebanyak 11 kali kekerapan, beradab sopan sebanyak lapan kali kekerapan, bijaksana dalam berbicara enam kali kekerapan dan memegang janji sebanyak 10 kali kekerapan. Yang berikut diuraikan aspek-aspek maksim santun ini dengan lebih terperinci. Pandangan pengkaji tempatan mengenai kesantunan berbahasa bagi masyarakat Melayu turut diutarakan bagi mengimbangi huraian. Ungkapan yang digariskan dalam setiap contoh merupakan ungkapan yang dapat memperlihatkan penggunaan maksim kesopanan.

(a) **Bermuka Manis**

Seseorang pemimpin dituntut supaya bermuka manis semasa berkomunikasi dengan rakyat agar beliau tidak dianggap sebagai sombong, tidak kiralah kepada kanak-kanak mahupun orang yang lebih tua daripadanya. Air muka dapat mencerminkan perasaan

yang tersimpan dalam hati pemimpin, sama ada gembira, sedih, sombong, kecewa dan benci. Apabila berwajah manis, pemimpin tersebut akan senang didekati oleh rakyat kerana riak wajah yang dipaparkan mencerminkan seseorang pemimpin itu seorang yang peramah dan bersopan. Oleh itu, rakyat berasa selesa apabila berkomunikasi dengan pemimpin.

Hal ini bertepatan dengan maksim santun, yang bercirikan agar beban kepada orang lain diminimumkan, manakala manfaat bagi orang lain haruslah dimaksimumkan. Secara ringkas, dalam maksim santun ini, pemimpin seharusnya memberi keselesaan atau kemudahan kepada rakyat supaya rakyat berasa selesa untuk mendekati dan berkomunikasi dengan pemimpin. Riak wajah atau air muka merupakan ekspresi pada wajah seseorang yang menunjukkan perasaan hatinya (*Kamus Dewan, 2007*). Riak wajah atau air muka yang dipaparkan oleh pemimpin menceritakan apa yang terdapat dalam hati pemimpin. Oleh itu, pemimpin seharusnya menunjukkan riak wajah atau bermuka yang manis kepada rakyat. Yang berikut merupakan contoh ungkapan yang menggambarkan pemimpin yang berwajah manis:

- (1) *Berdada lapang berfikiran panjang*
Bermuka jernih berlidah fasih.
(Tenas Effendy 2000, p.3)
- (2) *Hati bersih muka tersenyum*
Yang baik dimakan yang halal diminum
Petua dipegang amanah dikulum.
(Tenas Effendy 2000, p.99)
- (3) *Rajin menolong orang yang susah*
Muka manis mulut peramah
Hidup memegang janji dan sumpah
Bekerja menuruti petua amanah.
(Tenas Effendy 2000, p.127-128)
- (4) *Bercakap petah rupa pun agung*
Negeri dijaga rakyat dilindung
Menghadapi musuh tiada bingung
Menghadapi masalah tidak tersadung.
(Tenas Effendy 2000, p.149)

Daripada ungkapan pemimpin dalam contoh (1) hingga (4) , frasa *bermuka jernih, muka tersenyum, muka manis mulut peramah, dan bercakap petah rupa pun agung* menggambarkan riak wajah atau air muka yang ditunjukkan oleh pemimpin. Oleh itu, riak wajah atau air muka yang dipamerkan oleh pemimpin memperlihatkan kesantunan yang dimiliki oleh beliau. Pemimpin yang menunjukkan riak wajah manis senang didekati oleh rakyat dan digambarkan sebagai seseorang yang santun. Apabila bercakap atau berkomunikasi dengan rakyat, pemimpin sentiasa menunjukkan wajah yang manis, selalu tersenyum dan peramah. Kesantunan yang dimiliki oleh pemimpin lebih terserlah apabila mempamerkan riak wajah yang manis kepada masyarakat.

Selain itu juga, pemimpin harus mempamerkan air muka yang manis walaupun pada ketika itu beliau sedang memikul beban atau masalah yang berat. Hal ini dapat dibuktikan seperti ungkapan pemimpin dalam contoh (5):

- (5) *Janji diikat sumpah dijaga
Menjalankan tugas hatinya rela
Memikul beban bermanis muka
Negeri dibina rakyat dipelihara
Bekerja keras sehabis daya
Tuahnya nampak hidup berjaya.*

(Tenas Effendy 2000, p.118)

Daripada ungkapan dalam contoh (5), kelihatan bahawa walaupun pemimpin berada dalam keadaan yang tertekan atau sedang ditimpa masalah yang besar, pemimpin mestilah memperlihatkan wajah yang manis kepada rakyat supaya rakyat tidak mengetahui masalah yang dialami oleh pemimpin. Oleh itu, tekanan atau kesusahan yang dialami oleh pemimpin tidak memberi beban kepada rakyat. Tambahan pula, pemimpin juga haruslah bekerja dengan bersungguh-sungguh dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyatnya. Oleh itu, masalah tersebut tidak memberi beban kepada pemimpin dan pemimpin dapat mentadbir negeri dengan tenang dan selesa.

Dalam masyarakat Melayu, kesantunan juga digambarkan daripada riak wajah yang dipamerkan oleh individu. Riak wajah yang dipamerkan mencerminkan perkara yang sedang difikirkan oleh individu tersebut. Masyarakat Melayu yang mementingkan amalan kesantunan dalam kehidupan harian begitu mengambil berat aspek riak wajah yang dipamerkan oleh individu. Jika dilihat dalam konteks pemimpin, seseorang pemimpin haruslah menunjukkan riak wajah yang manis ketika sedang berkomunikasi dengan rakyat. Hal ini dapat dilihat dalam contoh ungkapan (6) dan (7):

- (6) *Di dalam majlis bermanis muka
Di dalam helat duduk bersifat
Di dalam rumah beramah-tamah
Di dalam dusun tuntun-menuntun
Di dalam kampung tolong-menolong
Di dalam negeri beri-memberi
Di dalam kota rasa-merasa.*

(Tenas Effendy 2000, p.2)

- (7) *Duduk muafakat menjunjung adat
Duduk bersama berlapang dada
Duduk berkawan bertenggang rasa.
Duduk di rumah bela-membela
Duduk di kampung rasa-merasa
Duduk di negeri pada patutnya
Duduk di majlis bermanis muka.*

(Tenas Effendy 2000, p.18)

Dalam ungkapan pemimpin di atas, frasa *bermanis muka* merupakan frasa yang menunjukkan riak wajah pemimpin yang bermuka manis. Seseorang pemimpin, ketika berada di dalam majlis atau upacara yang melibatkan dirinya dengan rakyat, haruslah menunjukkan wajah yang manis, bersopan santun dan beramah mesra dengan rakyat. Hal ini menyebabkan hubungan antara pemimpin dengan rakyat menjadi lebih erat.

Selain itu, kesantunan dalam masyarakat Melayu tidak terlepas daripada konsep air muka. Menurut Asmah Haji. Omar (2000), konsep air muka dalam budaya Melayu mempunyai peranan bukan setakat masa berlangsungnya komunikasi, tetapi menjangkau ruang lingkup yang lebih daripada itu meliputi didikan individu yang terlibat diperoleh daripada ibu bapa, guru dan kaum keluarga serta melibatkan

maruhnya dan maruah keluarga. Sebagai contoh, boleh dilihat ungkapan pemimpin dalam contoh (8):

- (8) *Menjadi pemimpin namanya harum*
Tuahnya nampak maruah tercium.
Hatinya bersih muka tersenyum
Yang baik dimakan yang halal diminum
Petua dipegang amanah dikulum.
Dijadikan pemimpin membawa harum
Dijadikan tua ianya maklum.

(Tenas Effendy 2000, p.98-99)

Daripada ungkapan pemimpin dalam contoh (8), dapatlah dilihat seseorang pemimpin yang bukan sahaja mempunyai hati yang baik dan menunjukkan air muka yang manis, malah pemimpin tersebut turut menjaga maruah dirinya serta keluarga sehingga namanya harum dan dipercayai sebagai pemimpin. Perwatakan yang baik dan riak wajah manis yang ditunjukkan oleh pemimpin menjadikan beliau dipandang tinggi oleh orang lain sehingga namanya disebut-sebut orang. Secara tidak langsung, bukan sahaja dirinya disanjung oleh orang lain, malah ahli keluarganya turut dipandang tinggi oleh masyarakat.

(b) Pertuturan yang baik

Selain itu juga, Leech (1993) menekankan bahawa dalam sesuatu komunikasi, penutur haruslah bercakap atau bertutur dalam bahasa yang baik, tanpa menimbulkan kesan yang negatif kepada pendengar. Pertuturan yang baik menjadikan sesuatu komunikasi itu, iaitu antara pemimpin dengan rakyat, berjalan dengan lancar tanpa memberikan kesan yang negatif semasa komunikasi tersebut berlangsung. Pemimpin cuba untuk tidak menggunakan bahasa yang boleh menimbulkan perasaan tidak senang kepada rakyat dan dalam masa yang sama berusaha untuk menggunakan bahasa yang disenangi

oleh rakyat. Sebagai contoh, boleh dilihat ungkapan pemimpin dalam contoh (9) hingga (13):

(9) *Menjadi pemimpin ia amanah
Taat memegang janji dan sumpah
Terhadap rakyat ia peramah
Terhadap sahabat ia pemurah
Terhadap bekerja ia semenggah
Dalam bercakap berhalus lidah.*
(Tenas Effendy 2000, p.43)

(10) *Sebagai pemimpin ianya cerdik
Tahu menyemak bijak memilih
Tahu menyelesaikan perkara pelik.
Ilmunya luas budi pun baik
Akalnya panjang bicaranya molek
Negeri makmur rakyat terdidik.*
(Tenas Effendy 2000, p.78)

(11) *Ianya patut menjadi ikutan
Budi halus dada beriman
Mulut manis laku pun sopan.*
(Tenas Effendy 2000, p.101)

(12) *Menjadi pemimpin hatinya polos
Budi elok lidah pun halus
Menjalankan tugas ikhlas dan lurus
Negeri dijaga rakyat diurus.*
(Tenas Effendy 2000, p.131)

(13) *Lidahnyanya lembut pantang mengasar
Hatinya bersih jiwa pun besar
Membela rakyat pantang berlisar
Menegakkan keadilan teguh dan tegar.*
(Tenas Effendy 2000, p.141)

Contoh (9) hingga (13) memaparkan contoh pertuturan yang baik telah digambarkan dalam frasa seperti *dalam bercakap berhalus lidah, akalnyanya panjang bicaranya molek, mulut manis, lidah pun halus* dan *lidahnyanya lembut pantang mengasar*. Pemimpin seharusnya mengeluarkan kata-kata yang elok, baik dan sedap didengar dan harus mengelakkan bahasa yang kasar dan biadap. Kata-kata yang dituturkan oleh pemimpin mencerminkan sifat sebenar yang dimiliki oleh pemimpin. Jika pemimpin menuturkan

kata-kata yang baik dan elok, pemimpin itu dianggap sebagai seorang yang santun. Namun, jika tutur kata yang digunakan oleh pemimpin merupakan tutur kata yang kasar dan menyakitkan hati rakyat, beliau dianggap sebagai seorang yang biadap. Pemimpin yang mempunyai budi bahasa, percakapan yang baik dan berkelakuan sopan seharusnya dijadikan sebagai ikutan, khususnya kepada pemimpin-pemimpin muda. Sifat baik yang dimiliki oleh pemimpin menjadikan negeri dan rakyat dijaga dengan baik oleh pemimpin.

Kesantunan dalam budaya Melayu boleh dilihat daripada aspek berbudi bahasa yang bukan sahaja meliputi aspek pertuturan yang baik, malah meliputi aspek tingkah laku terpuji. Hal ini dipersetujui oleh Asmah Haji. Omar (2000) yang menurut beliau, kesopanan bukan sahaja boleh dilihat dari segi bahasa, malah turut dilihat dari segi tingkah laku atau sifat. Bukan sahaja bahasa yang dituturkan harus sopan, manis, bermakna dan sedap didengar, malah tingkah laku juga seharusnya sopan dan terpuji.

Dalam konteks pemimpin, seseorang pemimpin harus menunjukkan tingkah laku yang terpuji agar dapat dijadikan ikutan oleh rakyat. Sebagai contoh boleh dilihat ungkapan pemimpin dalam contoh (14) :

(14) *Menjadi pemimpin ia senonoh
Negeri dijaga rakyat diasuh.*

(Tenas Effendy 2000, p.55)

Seseorang pemimpin dituntut supaya mempunyai sifat atau perangai yang senonoh. Pemimpin yang mempunyai perangai yang baik dan terpuji merupakan pemimpin yang mampu mentadbir dan mendidik rakyat. Rakyat yang menganggap pemimpin sebagai ikutan sedikit sebanyak akan mengikut sifat dan perangai pemimpin mereka. Oleh itu, pemimpin haruslah menunjukkan perangai dan tingkah laku yang baik dan sopan. Tingkah laku terpuji yang ditunjukkan oleh pemimpin membuatkan beliau dipandang mulia oleh masyarakat. Antara tingkah laku terpuji yang dapat dikesan dalam ungkapan

pemimpin ialah adil, amanah, tahu diri, tegas, tetap pendirian, rajin, benar dan gigih. Berikut diuraikan tingkah laku terpuji yang dapat dikesan.

(i) Adil

Adil bermaksud meletakkan sesuatu pada tempatnya yang wajar dan sepatutnya. Pemimpin yang adil merupakan pemimpin yang tulus, benar dan tidak menyalahgunakan kuasa dalam menjalankan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh rakyat kepadanya. Pemimpin yang bersifat adil menjalankan kewajipan tanpa memilih kasih, yakni hanya memilih atau membantu saudara terdekat atau sahabat yang dikenalnya sahaja. Di samping itu, pemimpin yang adil menjatuhkan hukuman mengikut undang-undang yang telah ditetapkan dalam sesebuah negeri. Bagi masyarakat Melayu, keadilan dan kebenaran ialah kunci utama dalam menegakkan tuah dan maruah, mengangkat serta mendirikan daulat (Tenas Effendy 2004, p.95).

Masyarakat Melayu begitu mendambakan seseorang pemimpin yang bersifat adil dalam pemerintahannya kerana mereka percaya bahawa pemimpin yang adil bukan sahaja mampu menjalankan tanggungjawab dengan baik, malah dapat menjamin kesejahteraan rakyat dan negeri. Ungkapan pemimpin dalam contoh (15) hingga (17) merupakan antara contoh pemimpin yang mempunyai sifat adil. Tenas Effendy (2000) menggelarkan pemimpin yang adil sebagai pemimpin hakim kerana pemimpin seperti ini menjunjung tinggi kebenaran dan keadilan.

- (15) *Benar menyukat adil menimbang*
Pantang memilih membezakan orang
Angguknya sama muka belakang
Tegaknya kukuh tahan digoyang.

(Tenas Effendy 2000, p.9)

- (16) *Duduk tegak beralam luas*
Sesak sempit diberi nafas
Salah ditimbang baik dibalas
Di muka terang dibelakang jelas

Melenggang lapang bercakap benar.

(Tenas Effendy 2000, p.10)

(17) Menjadi pemimpin adil dan benar

Tidak memilih kecil dan besar

Petua diingat amanah didengar

Terhadap yang buruk ia tak gemar

Pada yang baik ia mengakar

Fikiran panjang hati penyabar.

(Tenas Effendy 2000, p.31)

Daripada ungkapan pemimpin ini dapatlah dilihat sifat adil yang dimiliki oleh seseorang pemimpin semasa menjalankan tugas dan tanggungjawabnya. Sifat adil ini menuntut pemimpin untuk jujur dan benar semasa menjalankan tugas, seperti adil dalam menjatuhkan hukuman tanpa memilih pangkat, harta dan pertalian darah.

(ii) Jujur dan Amanah

Perhatikan ungkapan pemimpin dalam contoh (18) berikut:

(18) Sebagai pemimpin lurus dan jujur

Beroleh rahmat ia bersyukur

Hidup merakyat rukun dan akur

Negeri sentosa rakyat pun makmur

Pemerintahan adil serba teratur

Amanah dan janji tiada luntur.

Dijadikan pemimpin patut bersyukur

Dijadikan tua menurut alur

Dijadikan induk tegangnya kendur

Memimpin negeri namanya masyhur.

(Tenas Effendy 2000, p.109)

Daripada ungkapan pemimpin dalam contoh (18), dapatlah dilihat bahawa pemimpin yang bersifat jujur dan amanah dalam menjalankan kewajipan dapat menjadikan sebuah negeri itu masyhur. Pemimpin yang jujur dan amanah berpegang teguh pada janji dan sumpah yang telah dibuat dengan sehabis baik. Sifat jujur dalam konteks pemimpin ini

bukan sahaja dapat dilihat pada aspek pertuturan yang benar dan lurus, bahkan dalam setiap perbuatan pun pemimpin akan setia dalam menjalankan tugas. Pemimpin tidak akan sesekali menyalahgunakan kuasa, terutamanya dari segi kewangan dengan membelanjakan hasil pendapatan negeri dengan jujur dan berjimat.

Menurut Tenas Effendy (2004), tunjuk ajar Melayu amat banyak menyebut keutamaan sifat jujur, taat, amanah serta bersih hati. Dalam kehidupan seharian masyarakat Melayu, orang yang jujur dan amanah dihormati dan disegani oleh masyarakat.

(iii) Tahu diri

Pemimpin yang tahu diri merupakan pemimpin yang sedar tanggungjawab, tindakan dan pertuturan yang diucap dan dilakukan. Pemimpin yang tahu diri ini sedar tanggungjawab dan beban yang dipikul sebagai pemimpin dan secara tidak langsung berusaha dengan sedaya upaya dalam menjalankan tanggungjawabnya. Sifat tahu diri dalam acuan budaya Melayu ialah kesedaran diri terhadap hakikat hidup, tujuan hidup, serta kewajipan yang harus dipenuhi (Tenas Effendy 2004, p.343). Tambah beliau lagi, dalam masyarakat Melayu, orang yang mempunyai sifat tahu diri memiliki kesedaran yang tinggi dalam kehidupannya dengan berkelakuan terpuji kerana individu itu memahami kekurangan dan kelebihan dirinya dan orang lain.

Bagi pemimpin yang masih muda dan baharu, sifat sedar diri ini akan menjadikan beliau seorang yang rendah diri dalam setiap perbuatan kerana beliau sedar bahawa pengalaman dan ilmu yang dimiliki hanya sedikit. Selain itu, sifat sedar diri ini membuatkan pemimpin selalu menginsafi diri kerana beliau merasakan tugas yang dijalankan tidak dapat dilaksanakan dengan baik. Berikut merupakan contoh data ungkapan pemimpin:

- (19) Tahu diri dengan perinya
Tahu duduk dengan tegaknya
Tahu alur dengan patutnya
Tahu berbudi arif memberi
Tahu menimbang arif menenggang
Tahu merasa bijak berbicara.
(Tenas Effendy 2000, p.4)
- (20) Memakai pada yang sesuai
Makan pada yang sepadan.
(Tenas Effendy 2000, p.3)
- (21) Bergaul pada yang betul
Berkawan pada yang sejalan
Bersahabat pada yang bersifat.
(Tenas Effendy 2000, p.3)

(iv) Tegas

Pemimpin tegas mempunyai semangat juang yang kuat dan berani dalam menghadapi sebarang cabaran dan halangan serta tidak cepat mengaku kalah (Husin@Ibrahim Mamat 2007, p.178). Ciri ketegasan dapat dilihat dalam contoh (22) berikut:

- (22) Menjadi pemimpin ianya tegas
Pantang sekali bermalas-malas
Hatinya keras fikiran luas
Teguh kukuh menjalankan tugas
Hukum dipegang tidak'kan lepas
Memikul beban tahan melengas
Menghadapi musuh tiada cemas.
- Dijadikan pemimpin manfaatnya luas*
Dijadikan tua sifatnya jelas
Dijadikan induk sifatnya tangkas
Memimpin negeri orang pun puas.
(Tenas Effendy 2000, p.144)

Pemimpin haruslah bersifat tegas agar dipandang sebagai seseorang yang mempunyai pendirian kukuh. Tambahan pula, sifat tegas ini menjadikan beliau digeruni dan ditakuti oleh musuh-musuh yang berniat untuk menjatuhkan pemerintahan beliau. Rakyat seharusnya berbangga apabila mempunyai pemimpin yang bersifat tegas kerana pemimpin seperti ini dipandang tinggi oleh masyarakat lain.

Pemimpin yang tegas merupakan pemimpin yang berdisiplin dalam segala tugas dan amanah yang dijalankan. Pemimpin yang mempunyai sifat ini juga merupakan pemimpin yang teguh dan tetap dengan keputusan yang telah dibuat. Selalunya, masyarakat menganggap pemimpin yang tegas merupakan pemimpin yang garang dan hal ini membuatkan pemimpin sukar didekati oleh rakyat. Namun, ketegasan yang dimiliki oleh pemimpin sebenarnya bertujuan untuk kebahagiaan rakyatnya.

(v) Teguh dan tetap pendirian

Pemimpin yang teguh dan tetap pendirian merupakan pemimpin yang kukuh dan tetap hatinya semasa bekerja terutamanya dalam membuat keputusan. Contoh (23) dan (24) merupakan contoh data ungkapan pemimpin yang mempunyai sifat teguh dan tetap pendirian:

- (23) Berpendirian kukuh berakal senonoh
Berpijak tidak berkisar
Bercakap tidak beralih.

(Tenas Effendy 2000, p.3)

- (24) Menjadi pemimpin hatinya teguh
Menjalankan tugas bersungguh-sungguh
Memikul beban pantang mengeluh
Sakit dan susah pantang mengaduh.

Memikul beban bermandi peluh
Duduknya kuat tegaknya kukuh
Fikiran jernih dada pun penuh.

Dijadikan pemimpin tua 'kan tumbuh'
Dijadikan tua bagaikan suluh
Dijadikan induk orang 'kan patuh
Dijadikan tiang tegaknya tangguh
Dijadikan tudung dapat berteduh.

Memimpin negeri menjadi suluh
Memimpin umat hidup senonoh.

(Tenas Effendy 2000, p.145)

Daripada ungkapan pemimpin dalam contoh (23) dan (24), pemimpin yang teguh dan tetap pendirian ini bersungguh-sungguh dalam menjalankan tanggungjawab sebagai seorang pemimpin. Walaupun terpaksa menghadapi kesulitan dan kesusahan semasa bertugas, pemimpin tetap menjalankan tugas yang telah diamanahkan. Ungkapan pemimpin ini menunjukkan pemimpin yang teguh dan tetap pendirian dapat memberi kebahagiaan dan kesejahteraan kepada rakyat dan negeri. Pemimpin yang teguh dan tetap pendirian juga digelar sebagai pemimpin acu (Tenas Effendy 2000, p.29).

(vi) Rajin

Perhatikan ungkapan dalam contoh (25) dan (26) yang membicarakan mengenai sifat rajin yang dimiliki oleh seseorang pemimpin:

(25) *Kerja tekun banyak faedah
Pantang sekali berlengah-lengah.*
(Tenas Effendy 2000, p.9)

(26) *Bekerja tekun halus dan kasar
Namanya harum tiada tercemar
Dipuji rakyat kecil dan besar.*
(Tenas Effendy 2000, p.66)

Ungkapan pemimpin dalam contoh (25) dan (26) memperlihatkan sifat rajin yang dimiliki oleh seseorang pemimpin. Seseorang pemimpin dituntut untuk mempunyai sifat ini supaya dapat menjalankan tugas dan kerja dengan tekun dan tanpa berlengah. Pemimpin yang rajin dapat menyelesaikan tugas dengan cepat dan menghasilkan mutu kerja yang berkualiti. Sifat rajin yang dimiliki oleh seseorang pemimpin dapat memberi keuntungan kepada rakyat, khususnya negeri.

Merujuk Tenas Effendy (2004) sikap bekerja keras, rajin dan tekun menjadi kewajipan setiap anggota masyarakat. Orang-orang tua menyatakan kejayaan dalam

masyarakat Melayu ditentukan oleh ketekunan, kerajinan dan kesungguhan mereka dalam bekerja.

(vii) Berani

Pemimpin yang berani dihormati dan disegani oleh rakyat kerana sifat tersebut menyebabkan rakyat berasa selamat dan yakin. Pemimpin berani tidak gentar dalam menegakkan keadilan dan mempertahankan negeri daripada musuh. Bukan sahaja berani dalam tindakan, pemimpin yang berani juga lantang dalam berbicara, dan berbicara yang jujur dan menegakkan keadilan.

Masyarakat Melayu amat menyanjung pemimpin yang berani kerana bagi mereka, keberanian yang ditunjukkan oleh pemimpin dapat meningkatkan keyakinan mereka untuk menjadikan pemimpin sebagai pelindung kepada rakyat. Hal ini diperakui oleh Tenas Effendy (2004) yang menurut beliau orang Melayu menyanjung tinggi sifat berani, kesatriaan, taat dan setia. Sifat keberanian sangat diperlukan dalam kehidupan manusia, terutama untuk menegakkan keadilan, membela kebenaran dan untuk memperjuangkan keperluan hidup demi bangsa dan negara.

Contoh ungkapan pemimpin dalam contoh (27) dan (28) menunjukkan pemimpin yang mempunyai sifat berani:

(27) *Beraninya menahan uji*
Setianya tahan dicuba
Taatnya tahan dilipat.

(Tenas Effendy 2000, p.3)

(28) *Budi mulia elok pekerti*
Menghadapi musuh berani mati.
Dijadikan pemimpin ia terpuji
Dijadikan tua sempurna budi
Dijadikan induk tuah menjadi
Dijadikan tiang teguh berdiri
Dijadikan tudung ternaung negeri

*Dijadikan teladan sejudu sekali
Dijadikan ikutan patut diteladani
Rakyat sentosa bertuahlah negeri.*

(Tenas Effendy 2000, p.63-63)

(viii) Gigih

Gigih didefinisikan sebagai keras hati, tegar hati, patuh kepada pendirian sendiri, cekal dan berani (*Kamus Dewan, 2007*). Perhatikan contoh ungkapan pemimpin dalam contoh (29):

(29) *Memimpin rakyat ianya gigih
Tahan bersakit mau berpedih.
Imannya kuat pantang beralih
Tugas terlantar hatinya sedih
Memikul beban tahan ditindih
Dalam berkorban hatinya bersih.
Dijadikan pemimpin ia terpilih
Dijadikan tua banyak yang boleh
Dijadikan induk ia pengasih
Memimpin umat tuah berlebihan.*

(Tenas Effendy 2000, p.93-94)

Ungkapan pemimpin di atas menunjukkan seseorang pemimpin yang dipuji oleh rakyat kerana kegigihan, ketabahan dan kesungguhan beliau dalam menjalankan kewajipan sebagai seorang pemimpin. Seseorang pemimpin yang gigih, sanggup berusaha menjalankan tugas walaupun mengalami pelbagai kesusahan dan kesulitan. Beliau tabah dalam mentadbir negeri walaupun dihina dan difitnah oleh rakyat.

Masyarakat Melayu memandang tinggi sifat gigih ini kerana daripada kegigihan yang ditunjukkan oleh pemimpin tersebut, dapatlah dilihat kesungguhan pemimpin dalam menjalankan tugas. Pemilihan rakyat yang memilih beliau sebagai pemimpin negeri tidak sia-sia apabila dapat membantu menyelesaikan masalah rakyat.

(c) Beradab Sopan

Beradab sopan merupakan ciri yang terdapat dalam maksim santun. Pemimpin haruslah bersopan santun bukan sahaja dalam perbuatan, bahkan dalam percakapan juga. Sikap sopan santun ini membuatkan rakyat berasa senang dan selesa semasa berkomunikasi dengan pemimpin. Oleh itu, pemimpin dapat mengurangkan tekanan kepada rakyat dan dalam masa yang sama dapat juga memberi keselesaan dan manfaat kepada rakyat. Yang berikut merupakan contoh ungkapan pemimpin yang beradab sopan:

(30) *Bercakap pada yang beradab*
Berkata pada yang bermakna.
(Tenas Effendy 2000, p.3)

Dalam contoh (30), frasa *bercakap pada yang beradab* merupakan frasa yang menunjukkan adab sopan yang harus ditunjukkan oleh pemimpin. Pemimpin haruslah bercakap dengan sopan, iaitu tidak meninggi suara, berlemah lembut, menggunakan bahasa yang sedap didengar dan mempunyai makna. Selain itu, contoh ungkapan pemimpin mengenai beradab sopan boleh juga dilihat dalam contoh ungkapan pemimpin (31):

(31) *Bercakap lurus berkata benar*
Tahu menimbang bijak menakar
Ramah kepada kecil dan besar
Pantang sekali berlaku kasar.
(Tenas Effendy 2000, p.9)

Ungkapan ini menunjukkan seseorang pemimpin yang mempunyai budi pekerti yang baik, iaitu bercakap benar, amanah dan peramah serta berbudi bahasa terhadap rakyatnya. Maksim santun dalam ungkapan di atas dapat ditemui pada rangkap *ramah kepada kecil dan besar, pantang sekali berlaku kasar*. Seseorang pemimpin haruslah menggunakan tutur kata yang sopan dan jangan sesekali menggunakan tutur kata yang kasar atau biadap kepada rakyat, tidak kiralah pada orang yang lebih tua mahupun pada

orang yang lebih muda daripadanya. Ini bersesuaian dengan maksim santun yang menurut Leech, beban bagi orang lain haruslah diminimumkan dan manfaat bagi orang lain dimaksimumkan. Pemimpin haruslah menggunakan kata-kata yang sopan dan tidak kasar agar dapat menjaga hati rakyatnya.

Budaya dalam masyarakat Melayu juga turut mementingkan nilai beradab sopan dalam kehidupan harian. Adab sopan yang ditonjolkan oleh individu, terutamanya pemimpin dijadikan ikutan oleh rakyat. Di samping itu juga, sifat beradab sopan pemimpin bukan sahaja terserlah pada pertuturan yang lembut, bahkan perlakuan dan perangai juga turut memperlihatkan kesopanan. Apabila menghadapi musuh atau pihak lawan, pemimpin perlu bersifat berani dan gagah demi mempertahankan negeri dan rakyatnya. Namun, berlainan pula situasinya apabila pemimpin itu berhadapan atau berkomunikasi dengan rakyat, pertuturan dan perlakuan pemimpin haruslah lemah lembut dan bersopan santun. Hal ini dapat dilihat dalam ungkapan pemimpin dalam contoh (32):

(32) Lidah lembut laku pun sopan
Gagah berani menghadapi lawan
Berlemah lembut kepada kawan
Rakyat dibela adil ditegakkan
Kebenaran tegak hukum berjalan.

(Tenas Effendy 2000, p.145)

Sifat beradab sopan tidak membuatkan seseorang pemimpin itu kelihatan lemah di hadapan rakyat, terutamanya pihak musuh. Tetapi sifat sopan ini menjadikan beliau disegani dan dihormati oleh rakyatnya kerana sifat sopan ini menggambarkan diri pemimpin yang mempunyai nilai kesantunan yang tinggi.

(d) Bijaksana dalam berbicara

Semasa berlangsungnya sesuatu komunikasi, bukan sahaja bahasa yang baik harus digunakan, bahkan bahasa tersebut haruslah mempunyai makna dan memberi manfaat

kepada pendengar. Pemimpin yang bijaksana dalam berbicara, yakni bahasa yang dituturkan oleh pemimpin berisi ilmu dan pandai pula dalam mengawal komunikasi dianggap sebagai seorang pemimpin yang santun. Santun bukan sahaja memerlukan pemimpin memberikan pendapat yang beradab, bahkan ujaran tersebut haruslah bermakna, berisi ilmu dan mampu membuatkan rakyat berasa selesa semasa berkomunikasi.

Semasa berkomunikasi, pemimpin berbicara dengan menggunakan perkataan-perkataan yang menyenangkan hati rakyat dan bermakna. Pemimpin tidak seharusnya berbicara mengenai sesuatu yang kosong atau membuang masa. Butir kata yang dituturkan oleh pemimpin perlu berhikmah dan seterusnya membawa manfaat kepada rakyat. Pemimpin seperti ini selalunya dianggap sebagai pemimpin yang mempunyai ilmu yang tinggi. Hal ini bersesuaian dengan ungkapan pemimpin seperti yang terdapat dalam contoh (33) hingga (35):

(33) *Cerdiknya menyambung lidah*
Beraniinya pelapis dada
Alimya tempat berfatwa
Bijaknya tempat beramanah
Sabarnya tempat mengadu. (Tenas Effendy 2000, p.6)

(34) *Hati keras lembut lidah*
Cakap berisi petua amanah. (Tenas Effendy 2000, p.9)

(35) *Dalam berkata lidahnya hemat*
Dalam bekerja berjimat-jimat
Hatinya teguh imannya kuat
Janji diturut sumpah diingat. (Tenas Effendy 2000, p.80)

Ungkapan pemimpin dalam contoh (33) hingga (35) menunjukkan pemimpin yang bijaksana dalam berbicara. Tutur kata yang digunakan oleh pemimpin mempunyai makna dan penuh hemat agar dapat menjaga hati dan perasaan pendengar, iaitu rakyat.

Pemimpin seperti ini bukan sahaja bijak dalam menyusun kata, malah pemilihan perkataan juga begitu sesuai dan mengandungi banyak ilmu dan bermakna.

Bagi masyarakat Melayu, kesantunan bukan sahaja setakat bercakap sopan, terpuji, sedap didengari dan manis, bahkan kesantunan juga merangkumi sifat bijaksana. Bijaksana di sini tidak terhad kepada bicara atau pertuturan sahaja, tetapi juga merangkumi kebijaksanaan dalam tindakan. Sebagai pemimpin, bijaksana merupakan antara ciri yang perlu ada agar keputusan atau tindakan yang diambil membawa kepada kejayaan dan kebahagiaan rakyat, khususnya negeri.

Menurut Husin@ Ibrahim Mamat (2007), pemimpin yang bijaksana mempunyai kebolehan dalam membuat perhitungan yang jauh sebelum bertindak, dengan menilai antara baik dengan yang buruk berdasarkan pertimbangan ilmu pengetahuan. Tambah beliau lagi, pemimpin yang bijaksana mempunyai keupayaan berfikir, bertindak dengan menggunakan pengetahuan, pengalaman, pemahaman, pemikiran dan perasaan.

Pemimpin haruslah bijak dalam berbicara, bertutur dan mengeluarkan pendapat di samping perlu bijak dalam setiap perbuatan yang dilakukan. Pemimpin yang bijaksana bukan sahaja dipuji rakyat malah dipandang mulia oleh rakyat. Di samping itu juga, kebijaksanaan yang dimiliki oleh pemimpin menjadikan beliau sebagai rujukan dan panduan oleh rakyat. Pemimpin yang bijak ini dikatakan sebagai pemimpin yang mempunyai ilmu pengetahuan yang luas. Tenas Effendy (2000) menggelarkan pemimpin bijaksanaan ini sebagai pemimpin akal. Contoh ungkapan (36) hingga (38) merupakan ungkapan pemimpin yang bijaksana:

- (36) *Bijaknya menyimak kicau murai*
Bijak menarik rambut di tepung
Bijak mengindang beras berantah
Bijak menangkis bersilat lidah
Bijak membuka simpul mati
Bijak menyukat sama pepat
Bijak mengukur sama panjang
Bijak menimbang sama berat

*Bijak memberi kata putus
Bijak melangkah dalam onak
Bijak menepis tuntung keris
Bijak menyimpai arif mengungkai
Bijak berlayar di angin sakal.*

(Tenas Effendy 2000, p.13)

(37) *Sebagai pemimpin ia berakal
Ilmunya banyak menjadi bekal
Menjalankan tugas hatinya pukal
Memikul beban ianya kekal
Fikiran bulat imannya tebal
Memimpin selalu menuruti bakal
Tahu diri sedar ke asal.*

(Tenas Effendy 2000, p.38)

(38) *Menjadi pemimpin ianya bijak
Takah ada rupa pun sajak
Sebarang kerja memakai otak
Tahu duduk mengerti tegak.*

(Tenas Effendy 2000, p.69)

Pemimpin yang bijaksana mengetahui cara untuk menyelesaikan masalah yang dialami oleh rakyat dan negeri. Pengetahuan dan pengalaman yang dimiliki oleh beliau digunakan dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat. Setiap tindakan dan keputusan yang dibuat difikirkan secara mendalam dan logik agar mendapat keputusan yang terbaik.

(e) Memegang Janji

Menurut Leech (1993), maksim santun boleh diterapkan dalam kategori ilokusi imposif atau memberi arahan, yang dapat dilihat dalam konteks menyuruh, memerintah dan mengesyorkan dan komisif, iaitu dalam konteks berjanji, bersumpah dan mempelawa. Bagi masyarakat Melayu, berpegang pada janji merupakan sifat yang dituntut dan dipandang mulia oleh masyarakat. Individu yang memegang teguh pada janji mudah dipercayai dan diyakini oleh masyarakat.

Dalam konteks pemimpin, seseorang pemimpin haruslah berpegang pada janji yang telah dimeterai agar dipercayai dan disenangi oleh rakyat. Apabila seseorang pemimpin itu memegang janji dan berusaha untuk mengotakannya, sifat mulia ini menjadikan beliau dipuji dan dimuliakan oleh rakyat. Antara contoh ungkapan yang memperlihatkan ciri memegang janji adalah seperti contoh (39) hingga (42):

- (39) *Hatinya keras gagah berani*
Mentaati sumpah memegang janji.
(Tenas Effendy 2000, p.63)
- (40) *Menjadi pemimpin ianya patut*
Janji dipegang sumpah diikuti.
(Tenas Effendy 2000, p.124)
- (41) *Memegang amanah tiada goyah*
Memegang janji tiada lari
Memimpin umat membawa berkat.
(Tenas Effendy 2000, p.131)
- (42) *Memegang janji ia setia*
Memegang sumpah sehabis daya
Menjalankan tugas tak sia-sia
Hatinya teguh tiada goyah.
(Tenas Effendy 2000, p.155)

Frasa seperti *mentaati sumpah memegang janji, janji dipegang sumpah diikuti, memegang janji tiada lari* dan *memegang janji ia setia, memegang sumpah sehabis daya* merupakan frasa yang menunjukkan sifat berpegang pada janji yang dimiliki oleh pemimpin. Pemimpin yang baik merupakan pemimpin yang tidak pernah memungkiri janji dan lari daripada janji yang telah dibuat. Di samping itu, selain mentaati janji yang telah dibuat sesama manusia, pemimpin juga seharusnya mentaati janji dan sumpah yang telah dibuat kepada Allah. Janji kepada Allah, seperti taat dalam memegang amanah dan tanggungjawab serta taat dalam menjalankan perintah dan larangan Allah, haruslah dipegang dan dijalankan dengan sehabis baik. Contoh (43) merupakan contoh ungkapan pemimpin:

- (43) Taat dan takwa kepada Allah
Taat kepada janji dan sumpah
Taat memegang petua amanah
Taat memegang suruh dan tegah.

(Tenas Effendy 2000, p.17)

Kesantunan dalam masyarakat Melayu bukan sahaja mementingkan seseorang yang berpegang pada janji, malah turut memegang teguh pada agama dan adat resam. Pendapat ini turut disokong oleh Mohammad Idris (2000) yang menurut beliau, masyarakat Melayu memegang kuat kepada sistem nilai yang ditentukan oleh dua faktor utama, iaitu agama dan adat. Jelaslah di sini menunjukkan masyarakat Melayu begitu mementingkan agama dan adat dalam kehidupan seharian.

Dalam budaya Melayu, kesantunan berkait rapat dengan agama Islam, dengan ciri-ciri kesantunan dalam budaya Melayu berteraskan agama Islam. Dalam ajaran Islam, sesuatu perlakuan dan tindakan bukan sahaja bermanfaat kepada diri sendiri, bahkan kepada masyarakat. Ciri-ciri kesantunan dalam agama Islam dapat dilihat melalui sifat yang berteraskan ajaran Islam seperti sifat alim, beriman, tawakal, dan zuhud. Pemimpin yang mempunyai ciri-ciri ini merupakan pemimpin yang mempunyai kesantunan yang tinggi.

(a) Pemimpin yang alim

Pemimpin yang alim merupakan pemimpin yang keperibadiannya memancarkan keimanan dan akhlak yang terpuji. Akhlak terpuji yang dimiliki oleh pemimpin seperti mempunyai budi pekerti mulia menjadikan pemimpin itu bukan sahaja disayangi oleh masyarakat malah turut disayangi dan diberkati oleh Allah. Seseorang pemimpin yang alim menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan bersungguh-sungguh demi mendapat keredhaan Allah dan kesejahteraan rakyat. Contoh (44) merupakan contoh pemimpin yang alim:

- (44) *Ianya pemimpin Muslim sejati
Imannya tinggi mulia pekerti.
Ilmunya banyak dan rendah hati
Kepada rakyat ia bersehati
Menjalankan tugas sepenuh hati
Bertanggungjawab hidup dan mati.*

*Dijadikan pemimpin bertuah negeri
Sebarang kerjanya Allah berkati.*

(Tenas Effendy 2000, p.41)

Daripada ungkapan pemimpin di atas, pemimpin alim mempunyai keperibadian yang mulia seperti yang telah digariskan dalam ajaran Islam. Agama Islam menuntut supaya berkelakuan mulia dan terpuji seperti mempunyai sifat merendah diri dan bersopan santun. Seorang pemimpin yang alim menurut segala yang telah diperintahkan oleh Allah dan meninggalkan larangan-Nya.

(b) Pemimpin yang beriman

Sifat pemimpin yang beriman dapat dilihat dalam contoh ungkapan (45):

- (45) *Menjadi pemimpin sempurna iman
Perintah agama ia jalankan.*

*Petunjuk adat ia tegakkan
Undang dibuat ia teguhkan
Hatinya bersih luas pengetahuan
Amalnya banyak jadi teladan
Mulutnya manis laku pun sopan.*

*Dijadikan pemimpin bertuah badan
Dijadikan tua ia dimuliakan
Dijadikan induk ia dikemukakan
Dijadikan tiang ia menahan
Dijadikan tudung ia naungkan
Dijadikan contoh ia handalan
Memimpin umat penuh kesentosaan.*

(Tenas Effendy 2000, p.102)

Ungkapan di atas merupakan contoh pemimpin yang beriman. Pemimpin yang beriman merujuk kepada pemimpin yang mempunyai tahap kecintaan dan ketaqwaan yang tinggi kepada Allah. Segala tingkah laku dan pertuturan yang diucapkan oleh pemimpin yang beriman berupa tingkah laku dan pertuturan yang sopan, terpuji, mulia dan tidak memberi kesan negatif kepada rakyat. Pemimpin yang beriman dapat menjadi contoh dan ikutan kepada rakyat supaya dapat melahirkan insan-insan yang berkualiti dan taat kepada perintah Allah.

Menurut Tenas Effendy (2010), bagi masyarakat Melayu yang adat dan budayanya mengacu dan berasaskan nilai-nilai yang Islami, keimanan menjadi puncak dari kehormatan terhadap seseorang. Orang yang kukuh iman serta taat beramal soleh, dianggap sebagai seorang yang sempurna lahiriah dan batiniah.

(c) Pemimpin yang tawakal

Pemimpin tawakal ialah pemimpin yang bulat hatinya, teguh niatnya, ikhlas berserah diri kepada Allah, dan bekerja dengan tekun dalam melaksanakan tugas. Ciri-ciri ini boleh dilihat pada contoh ungkapan pemimpin dalam contoh (46):

(46) *Menjadi pemimpin ia tawakal*
Hatinya bulat fikiran pukal.

Menunaikan tugas sehabis akal
Berbeban berat tiada menyesal
Kepada Allah ia berpangkal
Membela rakyat ianya kekal.
Dijadikan pemimpin ianya handal
Dijadikan tua ia berbekal
Dijadikan induk ia beramal
Dijadikan tiang tak'kan terungkal
Dijadikan tudung tak'kan terbunal
Memimpin negeri tidak'kan gagal.

(Tenas Effendy 2000, p.143-144)

Pemimpin tawakal meletakkan Allah sebagai tempat bergantung yang beliau tidak pernah menyesal dan ikhlas dalam melaksanakan kewajipan walau seberat mana tugas yang dipikul. Selalunya, pemimpin yang bersifat tawakal dipercayai dan disayangi oleh rakyat. Pemimpin seperti ini menjalankan tugas dengan bersungguh-sungguh, berdoa kepada Allah agar diberikan kejayaan dalam tugasnya dan seterusnya berserah diri kepada Allah selepas berusaha.

(d) Pemimpin yang zuhud

Pemimpin zuhud ialah pemimpin yang tidak tertarik kepada kemewahan dan kekayaan dunia. Namun, sebagai pemimpin, beliau bertanggungjawab untuk membawa rakyat kepada kehidupan yang sempurna dari segi lahiriah dan batiniah. Walaupun dirinya tidak mementingkan harta dan pangkat, kemewahan dan kekuasaan, namun beliau berusaha untuk memberi kesejahteraan kepada rakyat dan negerinya. Amanah dan tanggungjawab yang telah diberikan oleh rakyat kepadanya akan dijalankan dengan bersungguh-sungguh demi kebahagiaan rakyat dan mendapat keredhaan Allah. Contoh (47) memperlihatkan pemimpin yang zuhud:

(47) *Hanya kepada Allah ia bersujud
Kepada makhluk ia tak takut
Janji diisi sumpah diturut
Berbuat kebajikan ia bergulut
Hatinya suci bicaranya lembut.*

*Dijadikan pemimpin sangatlah patut
Dijadikan tua umat mengikut
Dijadikan induk orang menurut.
Bila berpangkat membawa berkat
Bila berkuasa membawa sentosa
Bila berharta membantu yang susah
Bila berduit membantu yang sakit.
Memimpin negeri Allah redhai
Memimpin umat banyaklah rahmat.*

(Tenas Effendy 2000, p.157)

Selain daripada memegang teguh pada agama Islam, masyarakat Melayu juga turut memegang teguh pada adat. Pemimpin adat ialah pemimpin yang mengikuti segala peraturan adat yang telah diamalkan sejak nenek moyang lagi. Masyarakat Melayu tidak boleh dipisahkan dengan adat resam. Adat resam dalam masyarakat Melayu bagai sudah menjadi darah daging mereka. Masyarakat Melayu yang tidak mengamalkan adat dianggap lupa pada susur galur sendiri. Bagi pemimpin, adat resam merupakan simbol dalam budaya Melayu. Ungkapan (48) dan (49) merupakan contoh ungkapan pemimpin mengenai adat:

(48) *Tegaknya bertongkat adat
Duduknya bertikar tembaga
Berguling berbantal undang.*
(Tenas Effendy 2000, p.11)

(49) *Menjadi pemimpin menuruti adat
Iman kukuh amal pun taat
Fikiran jernih hati pun bulat
Terhadap yang susah ia berminat
Terhadap yang senang tiada menjilat
Mana yang jauh ia perdekot
Mana yang jarang ia perapat.

Dijadikan pemimpin sentosa rakyat
Dijadikan tua ianya tepat
Dijadikan teladan ia bersifat
Dijadikan induk besar manfaat
Negeri sentosa umat selamat.*
(Tenas Effendy 2000, p.30)

Dapatlah disimpulkan bahawa pemimpin yang menuruti dan mengamalkan adat dapat menjadikan sesebuah negeri itu sentosa dan bahagia. Tambahan pula, apabila pemimpin mengamalkan adat, secara tidak langsung adat tersebut dapat diwarisi dan digunakan oleh rakyat terutamanya untuk golongan remaja.

Melalui contoh-contoh yang telah dibincangkan, dapat dilihat bahawa maksim santun telah dikenal pasti terdapat dalam ungkapan Melayu yang memperkatakan pemimpin. Maksim santun merupakan maksim yang paling banyak ditemui dalam bahan kajian dengan mencatat peratusan 33.8%, iaitu kekerapan sebanyak 44 kali. Pemimpin yang

bermuka manis, mempunyai pertuturan yang baik, beradab sopan, bijaksana dalam berbicara dan memegang janji merupakan antara sifat atau ciri-ciri kesopanan yang telah digariskan oleh Leech (1993). Bermuka manis mencatat kekerapan sebanyak sembilan kali, pertuturan yang baik sebanyak 11 kali kekerapan, beradab sopan sebanyak lapan kali kekerapan, bijaksana dalam berbicara enam kali kekerapan dan memegang janji sebanyak 10 kali kekerapan.


Sifat-sifat sopan ini menjadikan seseorang pemimpin bukan sahaja dihormati oleh rakyat, bahkan dimulia dan disayangi oleh rakyat. Sifat santun ini bukan sahaja terhadap kepada pertuturan dan bicara yang baik, sopan dan bijaksana sahaja, bahkan merangkumi tingkah laku yang mencerminkan kesopanan tersebut seperti air muka yang ditunjukkan oleh pemimpin.

Kesantunan dalam masyarakat Melayu juga turut memberi penekanan dalam aspek berwajah manis yang menuntut pemimpin untuk sentiasa mempamerkan riak wajah yang manis. Tambahan pula, konsep air muka dalam masyarakat Melayu merangkumi aspek yang lebih luas merangkumi bukan setakat masa berlangsungnya komunikasi, tetapi menjangkau ruang lingkup yang lebih luas. Selain itu juga, aspek kesantunan dalam masyarakat Melayu bukan sahaja meliputi aspek pertuturan yang manis, malah merangkumi tingkah laku yang terpuji seperti adil, jujur dan amanah, tahu diri, tegas, teguh dan tetap pendirian, rajin, berani dan gigih.

Di samping itu, masyarakat Melayu memegang erat kepada dua aspek nilai yang menjadi pegangan hidup mereka, iaitu agama dan adat. Nilai-nilai yang terdapat dalam agama Islam merupakan nilai-nilai kesantunan yang dapat dilihat melalui sifat yang berteraskan ajaran Islam seperti sifat alim, beriman, tawakal, dan zuhud. Masyarakat Melayu juga tidak melupakan adat resam yang telah lama diamalkan sejak turun temurun lagi walaupun sudah berada pada zaman globalisasi.

3.2.2 Maksim Kedermawanan

Maksim ini memperlihatkan penguji yang memberi keuntungan minimum bagi diri sendiri dan lebih menumpukan perhatian kepada manfaat atau keuntungan dan juga beban bagi diri sendiri. Dalam maksim ini, penutur cuba untuk meminimumkan manfaat bagi diri sendiri dan berusaha memaksimumkan beban bagi diri sendiri. Maksim ini merujuk kepada cara dalam melahirkan kesopanan dengan melihat maksud ujaran penutur dan seterusnya melahirkan lakuan bahasa yang bersesuaian serta memenuhi ciri-ciri kesantunan. Carta 3.3 memaparkan nilai kekerapan bagi maksim kedermawanan yang telah dibahagikan kepada beberapa aspek.



Carta 3.3: Kekerapan Maksim Kedermawanan

Antara sifat kedermawanan yang dimiliki oleh pemimpin ialah sifat kasih-mengasihi, keikhlasan, prihatin, kemurahan hati, dan sifat memberi pertolongan dan bantuan kepada orang lain. Sebanyak tujuh kali kekerapan yang dicatat bagi data kasih-mengasihi dan keikhlasan, lima kali kekerapan bagi prihatin, empat kali kekerapan bagi kemurahan hati dan sebanyak sembilan kali kekerapan bagi memberi pertolongan dan bantuan. Pemimpin yang mempunyai sifat-sifat kedermawanan ini digelar sebagai

pemimpin yang budiman. Daripada analisis yang telah dilakukan, sifat-sifat kedermawanan ini dikenal pasti terdapat dalam bahan kajian.

(a) Kasih-mengasihi

Sifat kasih-mengasihi antara pemimpin dengan rakyatnya merupakan sifat yang terkandung dalam ciri-ciri kesopanan. Perasaan kasih dan sayang pemimpin kepada rakyatnya membuatkan seseorang pemimpin sanggup membantu rakyat agar rakyat hidup dalam keadaan yang baik dan aman. Perasaan kasih sayang pemimpin tidak terhad kepada golongan kanak-kanak sahaja malah perasaan sayang itu turut diberikan kepada golongan yang lebih tua daripadanya. Yang berikut merupakan contoh data:

(50) *Hati bersih fikiran jernih*
Sayang tidak memilih kasih
Marah tidak mencari selisih.
(Tenas Effendy 2000, p.10)

(51) *Memimpin bagai hakim yang adil*
Menyayangi rakyat besar dan kecil.
(Tenas Effendy 2000, p.95)

(52) *Sayang tidak membinasakan*
Kasih tidak merosakkan
Baik tidak mencelakakan
Elok tidak membutuhkan
Buruk tidak memuakkan
Jauh tidak melupakan
Dekat tidak bersinggungan.
(Tenas Effendy 2000, p.19)

Kasih sayang yang diberikan oleh pemimpin kepada rakyat bukanlah kasih sayang yang membinasakan rakyat, yakni dengan memberi apa sahaja yang diminta oleh rakyat sehingga mereka terlalu bergantung kepada pemimpin. Tetapi kasih sayang ini merupakan kasih sayang yang dapat mengeratkan hubungan antara pemimpin dengan rakyat. Kasih sayang yang ditunjukkan oleh pemimpin kepada rakyat bukan sahaja

dilihat daripada tanggungjawab pemimpin dalam memberi keselesaan kepada rakyat, malah kasih sayang pemimpin dapat dilihat melalui tutur kata yang diucapkan oleh pemimpin. Tutur kata yang lembut dan sopan menggambarkan kasih sayang pemimpin kepada rakyat dengan beliau menggunakan kata-kata yang lembut, penuh kasih dan halus kepada rakyat.

Kesantunan dalam masyarakat Melayu dapat juga dilihat melalui sifat kasih-mengasihi. Kasih sayang ialah sifat terpuji yang dijunjung tinggi dalam kehidupan orang Melayu. Bagi masyarakat Melayu, berkasih sayang tidak hanya terbatas dalam ruang lingkup keluarga dan kaum kerabat, tetapi juga dalam bersahabat dan bermasyarakat (Tenas Effendy 2004, p.227). Tambahan lagi, kasih sayang merupakan nilai penting dalam memupuk kesejahteraan dan keharmonian dalam masyarakat. Ikatan kasih dan sayang yang dimiliki antara pemimpin dengan rakyat menjadikan suasana dalam sesebuah negeri aman dan harmoni.

Pemimpin yang budiman menyayangi semua makhluk tanpa membezakan pangkat atau kedudukan antara setiap rakyat. Pemimpin seperti ini bukan sahaja keluarga dan saudaranya dijaga, malah rakyatnya juga turut diberi kasih sayang dan sepenuh penjagaan. Tambahan lagi, pemimpin yang menyayangi rakyat selalu menegakkan keadilan demi kesejahteraan rakyat. Ungkapan (53) merupakan contoh data:

(53) *Dada lapang akal tak suntuk*
Pengasih peyayang kepada makhluk
Keluarga dijaga rakyat dipeluk
Di atas yang hak ianya duduk.

(Tenas Effendy 2000, p.102)

Ungkapan pemimpin (53) membuktikan sifat kasih dan sayang yang dituntut dalam diri seorang pemimpin. Seseorang pemimpin yang baik mampu memberikan kasih sayang kepada rakyat dengan memberi keselesaan kepada rakyat. Bukan sahaja

memberi keselesaan kepada rakyat, pemimpin juga haruslah menunjukkan nilai kasih sayang dengan menggunakan tutur kata yang lemah lembut dan penuh kasih.

(b) Keikhlasan

Seseorang pemimpin dituntut untuk bersifat ikhlas dalam menjalankan kewajibannya sebagai seorang ketua dalam negeri. Sifat ikhlas merujuk kepada rasa kerelaan hati dalam menjalankan tanggungjawab tanpa mengharapkan balasan. Sifat ikhlas ini merupakan antara cara dalam melahirkan kesopanan. Pemimpin dianggap sebagai sopan apabila pemimpin tersebut ikhlas dalam menjalankan tanggungjawab dan tugas seperti membantu rakyat.

Sifat ikhlas ini menuntut pemimpin supaya menjalankan tanggungjawab dengan rela hati tanpa mengharapkan sebarang balasan daripada rakyat. Pemimpin tidak meminta pujian atau sanjungan rakyat semasa menjalankan tugasnya. Pemimpin yang mempunyai hati yang ikhlas secara sendirinya akan dimuliakan oleh rakyat. Yang berikut merupakan contoh ungkapan pemimpin:

- (54) *Yang disebut pemimpin abdi;
Mengabdikan dengan sepenuh hati
Aral melintang ia hadapi
Beban yang berat ia atasi
Penat letih ia tak lesi
Tulusnya melekat dilubuk hati.*
(Tenas Effendy 2000, p.28)

- (55) *Ikhlas menolong tak harap sanjung
Ikhlas berbudi tak harap puji.*

*Ikhlas berkorban tak harap imbalan
Ikhlas bekerja tak harap upah.*

*Ikhlas memberi tak harap ganti
Ikhlas mengajar tak harap ganjar
Ikhlas memerintah tak harap sembah.*

(Tenas Effendy 2000, p.17)

(56) *Sebagai pemimpin ia beramal*
Hatinya ikhlas sempurna akal.
Membela rakyat hatinya pukal
Membantu orang tiada menyesal.

(Tenas Effendy 2000, p.42)

Ungkapan pemimpin dalam contoh (54) hingga (56) menunjukkan keikhlasan yang ditunjukkan oleh pemimpin yang membuatkan beliau sanggup menghadapi kesulitan dan kesusahan dalam menjalankan tugas demi memberi keselesaan dan kesenangan kepada rakyat dan negerinya. Walaupun menghadapi pelbagai kesulitan, beliau tetap menjalankan tugas dengan rela hati tanpa mengharapkan balasan.

Merujuk Tenas Effendy (2010), orang Melayu juga sangat mengutamakan dan menjunjung tinggi perlakuan yang tulus dan ikhlas dalam setiap perlakuan. Keikhlasan mencerminkan kejujuran, kebaikan hati dan sifat berterus terang yang dimiliki oleh seseorang. Orang Melayu diingatkan untuk menjalankan tanggungjawab dan tugas yang telah diberikan dengan ikhlas dan tanpa mengharapkan imbalan. Dalam konteks pemimpin boleh dilihat seperti contoh ungkapan (57) dan (58):

(57) *Menjadi pemimpin ianya murni*
Imannya teguh kepala berisi.
Lahirnya molek batinnya suci
Sumpah dijunjung janji diisi
Menjalankan tugas sepenuh hati
Memikul beban amat teliti
Bersama rakyat sehidup semati
Taat setianya menahan uji.

(Tenas Effendy 2000, p.121)

(58) *Sebagai pemimpin ia sejati*
Budinya elok hati pun suci.
Membela rakyat berani mati
Berkorban tidak mengharap puji
Berbudi tidak mengharap ganti
Menjalankan tugas sepenuh hati
Sumpah diikuti janji dipenuhi.

(Tenas Effendy 2000, p.137)

Daripada ungkapan pemimpin dalam contoh (57) dan (58), dapat dilihat kepentingan sifat ikhlas yang harus dimiliki oleh setiap pemimpin. Pemimpin dituntut untuk ikhlas

dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh rakyat kepadanya. Sifat ikhlas ini menjadikan pemimpin begitu telus dalam setiap tindakan yang diambil.

(c) Prihatin

Prihatin ialah sifat mengambil berat, menjaga dan membantu seseorang. Dalam maksim kedermawanan, sifat prihatin merupakan sifat yang terdapat dalam nilai kedermawanan yang ditonjolkan melalui perasaan dan tindakan untuk meminimumkan manfaat bagi diri sendiri dan memaksimumkan beban bagi diri sendiri. Dalam konteks ini, pemimpin mengambil berat kesusahan dan kesulitan yang dialami oleh rakyatnya. Pemimpin sanggup menghadkan kesenangan yang dimilikinya agar dapat mengurangkan beban yang ditanggung oleh rakyat.

Dengan mengambil berat tentang kehidupan rakyat, pemimpin akan dapat membantu dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat. Hal ini berbeza apabila pemimpin bersikap sambil lewa dan tidak prihatin terhadap rakyat yang menyebabkan rakyat merana dan menderita. Sifat prihatin ini membuatkan seseorang pemimpin dipandang tinggi oleh rakyat. Pemimpin yang prihatin selalu berfikir tentang kesejahteraan rakyat, tidak kira semasa senang mahupun dalam keadaan susah. Nasib rakyat akan selalu dibela dan diambil berat. Ungkapan (59) hingga (61) merupakan contoh data yang diperoleh:

- (59) *Yang disebut pemimpin abdi
Hidup berjasa mati berbudi
Kepentingan umat ia santuni
Kepentingan negeri ia dahului
Kepentingan dirinya ia batasi.*

(Tenas Effendy 2000, p.27)

- (60) *Sebagai pemimpin ianya ahli
Pengetahuan luas serta berbudi
Kesusahan rakyat ia amati
Kesulitan orang ia peduli
Sumpah dijunjung amanah diikuti
Memikul beban sepenuh hati
Rakyat rukun padi menjadi.*
(Tenas Effendy 2000, p.34)
- (61) *Sebagai pemimpin ianya ingat
Siang dan malam memikirkan umat.*
(Tenas Effendy 2000, p.103)

Sifat prihatin yang ditunjukkan oleh seseorang individu menggambarkan nilai kesantunan dan kesopanan dalam masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu amat menitikberatkan sifat prihatin atau mengambil berat masalah orang lain. Sehingga masyarakat Melayu dilabelkan sebagai ‘suka menjaga tepi kain orang lain’. Dalam konteks pemimpin, seseorang pemimpin begitu mengambil berat masalah dan kesusahan rakyatnya. Pemimpin yang prihatin mengutamakan kesenangan rakyat melebihi daripada kesenangan dirinya. Bagi pemimpin seperti ini, memberi kesenangan dan kesejahteraan kepada rakyat merupakan matlamat utama dalam menjalankan tanggungjawabnya. Hal ini dapat dilihat dalam contoh ungkapan pemimpin dalam (62) dan (63):

- (62) *Memikul beban hatinya tulus
Mengingat rakyat tiada putus.*
(Tenas Effendy 2000, p.115)
- (63) *Perangai elok tidak tercela
Negeri dijaga rakyat dibela
Adil dijunjung atas kepala.*
(Tenas Effendy 2000, p.138)

Ungkapan ini menunjukkan masyarakat Melayu begitu mementingkan sifat prihatin dalam diri setiap individu, terutamanya kepada pemimpin. Hal ini membuktikan sifat

prihatin yang dimiliki oleh pemimpin menggambarkan nilai kesantunan yang tinggi dimiliki oleh beliau.

(d) Kemurahan hati

Selain itu, sifat kemurahan hati atau pemurah yang dimiliki oleh pemimpin menjadikan pemimpin dianggap sebagai seorang yang dermawan dan baik hati. Pemimpin yang pemurah sanggup membantu rakyat, sama ada membantu dari segi lahiriah seperti kewangan, mahupun batiniah, yakni memberi bantuan dari segi moral seperti mendengar masalah rakyat tanpa memikirkan kepentingan untuk dirinya sendiri. Hal ini diperakui oleh Leech (1993) yang menurut beliau, penggunaan maksim kedermawanan lebih menumpukan perhatian kepada manfaat dan beban bagi diri sendiri. Sifat kemurahan hati yang dimiliki oleh seseorang pemimpin itu menjadikannya disayangi oleh rakyat. Sifat kemurahan hati ini dapat dikesan daripada contoh ungkapan pemimpin (64) dan (65):

(64) *Iman teguh hati pemurah
Ikhlas membantu orang yang lemah.*
(Tenas Effendy 2000, p.127)

(65) *Membela rakyat hatinya pukal
Membantu orang tidak menyesal.*
(Tenas Effendy 2000, p.42)

Ungkapan pemimpin dalam contoh (64) dan (65) membuktikan sifat kemurahan hati yang perlu ada dalam diri setiap pemimpin. Pemimpin yang pemurah sanggup berkorban apa sahaja demi kesejahteraan rakyatnya. Walaupun beliau menghadapi kesusahan dan kesulitan, beliau tetap teguh dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh rakyat.

Begitu juga dalam budaya masyarakat Melayu, sifat kemurahan hati yang dimiliki oleh seorang pemimpin menuntut pemimpin membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat. Pemimpin yang pemurah sanggup berkorban demi membantu rakyat. Bukan sahaja sanggup berkorban harta, malah sanggup bersusah dan bersenang demi merasai kesusahan yang dialami oleh rakyat. Ungkapan pemimpin (66) dan (67) merupakan contoh data bagi kemurahan hati.

(66) *Menghadapi kesusahan ianya tampil*
Menghadapi musuh hati tak sumpil.
(Tenas Effendy 2000, p.95)

(67) *Bekerja keras berkering berbasah*
Menjalankan tugas tidak membantah
Memikul beban negeri dijaga
Duduk tegaknya tidak tergoyah.
(Tenas Effendy 2000, p.143)

Daripada ungkapan pemimpin ini, dapat dilihat sifat kemurahan hati yang dimiliki oleh pemimpin. Pemimpin begitu bermurah hati membantu rakyat dalam menyelesaikan masalah rakyat. Pemimpin merupakan orang yang pertama tampil ke hadapan bagi menghulurkan pertolongan kepada rakyat. Walaupun beliau terpaksa memikul beban yang berat, namun beliau sanggup menghadapinya demi keselesaan dan kesenangan rakyat.

(e) Pertolongan dan bantuan

Menurut Leech (1993), pernyataan seseorang itu merupakan suatu tawaran yang secara bersopan diujarkan untuk melahirkan nilai-nilai kesopanan. Tambah beliau, yang dimaksudkan sebagai tawaran secara bersopan ialah tawaran yang berupa pertolongan dan bantuan. Pemimpin telah dipertanggungjawab oleh rakyat untuk memimpin dan mengurus negeri supaya dapat memberi bantuan dan pertolongan kepada rakyat tanpa

memikirkan balasan. Pertolongan dan bantuan yang dihulurkan oleh pemimpin menjadikan rakyat berasa yakin dan bersyukur kerana mereka telah membuat pilihan yang tepat dalam memilih pemimpin. Ungkapan pemimpin (68) hingga (71) merupakan contoh data:

(68) Bagaikan kayu besar di tengah padang
Rimbun daunnya tempat berteduh
Kuat dahannya tempat bergantung
Kukuh batangnya tempat bersandar
Besar akarnya tempat bersila.
(Tenas Effendy 2000, p.5)

(69) Membetulkan lantai yang terjungkat
Membetulkan dinding yang teretas
Membetulkan tiang yang terpalang
Membetulkan atap yang berjurai
Membetulkan salah dengan sili.
(Tenas Effendy 2000, p.7)

(70) Menghabus aib dengan malu
Menghapus fitnah dengan tohmah
Menghapus iri dengan dengki
Menghapus umpat dengan keji
Menghapus hamun dengan maki
Menghapus dendam dengan kesumat.
(Tenas Effendy 2000, p.7)

(71) Menjadi suluh dalam gelita
Menjadi penawar penolak bisa
Menjadi penenang dalam duka
Menjadi penyejuk dalam derita
Menjadi penyabar dalam murka.
(Tenas Effendy 2000, p.8)

Ungkapan pemimpin ini menggambarkan tanggungjawab pemimpin dalam membantu rakyat. Pemimpin dipertanggungjawabkan untuk menyelesaikan masalah rakyat yang bukan sahaja meliputi aspek lahiriah, tetapi juga aspek batiniyah. Pemimpin bertanggungjawab untuk membersihkan setiap fitnah dan tohmahan yang berlaku dalam negeri agar rakyat dapat menjalani kehidupan dengan aman dan tenteram. Rakyat begitu mengharapkan pemimpin untuk membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi. Pemimpin dianggap sebagai tempat untuk rakyat bersandar dan bergantung. Pemimpin yang budiman tidak sesekali melupakan tanggungjawab dalam membantu

rakyat. Tanggungjawab dalam membantu dan memberi pertolongan kepada rakyat menjadikan seorang pemimpin itu disayangi dan dihormati oleh rakyat.

Sifat menghulurkan pertolongan atau bantuan begitu serasi dengan masyarakat Melayu. Dalam budaya masyarakat Melayu, sifat suka memberi pertolongan atau bantuan ini menggambarkan nilai kesantunan yang tinggi dimiliki oleh seseorang. Jika dilihat melalui konteks pemimpin, sifat ini menjadikan pemimpin dipuji dan disayangi oleh rakyat. Pemimpin yang memahami tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh rakyat kepadanya tidak akan sesekali lepas tangan dalam menghulurkan bantuan kepada rakyat yang mengalami kesusahan dan kesulitan.

Pemimpin menjadikan rumahnya sebagai tempat untuk menjalankan upacara adat, tempat untuk bermesyuarat, tempat untuk persinggahan orang-orang dari jauh dan juga tempat untuk rakyat mengadu segala masalah. Pemimpin sanggup menjadikan rumahnya sebagai tempat untuk rakyat bertemu dan berbincang agar rakyat berasa selesa apabila berurusan dengan pemimpin. Hal ini membuktikan pemimpin tidak membina jurang pemisah antara rakyat dengan dirinya. Pemimpin inginkan rakyat berasa dekat dan akrab.

Oleh itu, hal ini dapat memperlihatkan kemuliaan hati seseorang pemimpin dalam membantu rakyatnya. Bukan sahaja rakyat jelata, bahkan orang yang datang dari luar juga akan dijaga kebajikannya oleh pemimpin. Berikut merupakan contoh ungkapan pemimpin:

- (72) Rumahnya tempat beradat
Tempat berunding bermuafakat
Tempat berhenti jauh dan dekat
Tempat berhimpun kaum kerabat
Tempat singgah taulan sahabat
Tempat mengadu segala rakyat.

(Tenas Effendy 2000, p.6)

- (73) Ladangnya tempat menuai
Tempat makan orang ramai

Tempat kusut sama selesai
Tempat berunding sama disimpai.

(Tenas Effendy 2000, p.6)

Dalam contoh-contoh ungkapan pemimpin yang diberikan, dapatlah disimpulkan bahawa masyarakat Melayu, terutamanya pemimpin, amat mementingkan sifat-sifat kedermawanan ini. Pemimpin yang mempunyai sifat-sifat ini merupakan pemimpin yang budiman dan mampu memberi kesejahteraan kepada rakyatnya. Sifat-sifat kedermawanan seperti kasih-mengasihi, keikhlasan, prihatin, kemurahan hati dan pertolongan dan bantuan dituntut dalam diri setiap pemimpin supaya dapat menjadi pemimpin yang baik dan mampu mentadbir negeri dengan berwibawa.

Sifat-sifat kedermawanan ini secara tidak langsung melahirkan lakuan bahasa yang sopan dan beradab. Maksim kedermawanan mencatatkan peratusan kedua tertinggi, iaitu sebanyak 24.6% dengan kekerapan sebanyak 32 kali. Sebanyak tujuh kali kekerapan yang dicatat bagi data kasih-mengasihi dan keikhlasan, lima kali kekerapan bagi prihatin, empat kali kekerapan bagi kemurahan hati dan sebanyak sembilan kali kekerapan bagi memberi pertolongan dan bantuan.

Sifat-sifat kedermawanan yang telah disenaraikan oleh Leech (1993) dalam maksim kesopanan turut dimiliki dan diamalkan dalam masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu begitu mementingkan sifat kasih-mengasihi, keikhlasan, prihatin, kemurahan hati dan memberi pertolongan dan bantuan kerana sifat-sifat ini mempunyai nilai kesantunan yang tinggi.

3.2.3 Maksim Sokongan

Maksim sokongan merupakan maksim yang meminimumkan cacian terhadap orang lain dan dalam masa yang sama memaksimumkan pujian terhadap orang lain (Leech, 1993).

Dalam maksim ini, penutur haruslah menggunakan kata-kata yang berunsur pujian dan perkataan yang digemari oleh pendengar. Maksim sokongan juga merupakan ujaran yang berbentuk sokongan yang disampaikan melalui pujian terhadap pendengar. Secara keseluruhan, maksim sokongan mencatat kekerapan sebanyak 13 kali.

Maksim sokongan ini menggunakan ujaran ungkapan memuji untuk tujuan menyokong dan memberi semangat kepada pendengar semasa melakukan sesuatu perkara. Dalam konteks pemimpin, pemimpin yang mempunyai akhlak yang mulia dipuji dan disanjung oleh rakyat di samping memperlihatkan sokongan mereka kepada pemimpin. Dalam bahan kajian ini, maksim sokongan dapat dikenal pasti melalui ungkapan pemimpin dalam contoh (74) dan (75):

- (74) *Tuah negeri adil berdiri
Tuah bangsa adil merata.
Dijadikan tua ia bertuah
Dijadikan induk ia berruarah
Memimpin negeri ia sempurna
Hidup tenang umat sentosa.*

(Tenas Effendy 2000, p.32)

- (75) *Budi mulia elok pekerti
Menghadapi musuh berani mati.
Dijadikan pemimpin ia terpuji
Dijadikan tua sempurna budi
Dijadikan induk tuah menjadi
Dijadikan tiang tegak berdiri
Dijadikan tudung ternaung negeri
Dijadikan teladan sejudu sekali
Dijadikan ikutan patut diteladani
Rakyat sentosa bertuah negeri.*

(Tenas Effendy 2000, p.63-64)

Melalui contoh ungkapan pemimpin dalam (74) dan (75), pujian terhadap pemimpin dapat dilihat pada frasa *dijadikan tua ia bertuah, dijadikan induk ia berruarah, memimpin negeri ia sempurna, hidup tenang umat sentosa, dijadikan pemimpin ia terpuji, dijadikan tua sempurna budi dan dijadikan induk tuah menjadi*. Pemimpin yang mempunyai perwatakan yang mulia seperti baik hati, pemurah, dan prihatin

mendapat sokongan dan pujian daripada rakyat. Rakyat akan mengakui seorang pemimpin itu sebagai orang yang mampu mentadbir negeri. Pujian dan sokongan yang diberikan oleh rakyat kepada pemimpin merupakan tanda kesyukuran dan kebanggaan rakyat terhadap kepimpinan pemimpin.

Pemimpin yang mempunyai sifat-sifat terpuji selalu mendapat sokongan daripada rakyat di samping nama beliau disebut dan dikenali oleh masyarakat. Hal ini juga secara tidak langsung dapat mengurangkan cacian dan tomahan rakyat terhadap pemimpin ekoran sifat ketidakpuasan hati sesetengah rakyat terutamanya rakyat yang menentang tampuk pemerintahan pemimpin. Oleh itu, secara tidak langsung, nilai kesantunan dalam masyarakat dapat dipertingkatkan dan diterapkan agar dapat melahirkan sebuah negeri yang aman.

Dalam masyarakat Melayu, pujian dan sokongan diberikan kepada seseorang yang mempunyai sifat-sifat yang baik dan terpuji. Dalam konteks pemimpin, seseorang pemimpin yang benar, amanah dan rajin berusaha dapat menjadikan sebuah negeri itu terkenal dan dihormati oleh negeri lain. Nama pemimpin akan dikenali disetiap pelosok negeri, bukan sahaja dikenali oleh penyokongnya, malah namanya turut dikenali oleh pihak lawan. Pemimpin seperti ini akan dipuji dan disayangi oleh rakyat. Rakyat akan selalu menyokong pemimpin yang mempunyai sifat-sifat terpuji seperti ini. Pemimpin seperti ini boleh dilihat seperti ungkapan pemimpin dalam contoh (76) dan (77):

- (76) *Menjadi pemimpin betul dan benar*
Petua diingat amanah didengar.
Bekerja tekun halus dan kasar
Namanya harum tiada tercemar
Dipuji rakyat kecil dan besar.

(Tenas Effendy 2000, p.66)

- (77) *Menjadi pemimpin ia terpuji*
Dipuji orang budi baiknya
Dipuji orang petua amanahnya
Dipuji orang taat setianya
Dipuji orang hasil kerjanya
Dipuji orang kepimpinannya.

Dijadikan pemimpin besar tuahnya
Dijadikan tua besar maruahnya
Dijadikan induk besar faedahnya
Dijadikan tiang besar manfaatnya
Dijadikan tudung besar gunanya
Memimpin negeri besarlah berkahnya.

(Tenas Effendy 2000, p.148)

Selain itu juga, pemimpin yang mempunyai iman, taqwa dan ilmu yang tinggi dipuji oleh rakyat dengan digelar sebagai pemimpin yang sempurna. Pemimpin yang cukup sempurna ini menjalankan tanggungjawab dengan cukup lengkap dan teliti. Pujian yang diberikan kepada pemimpin ini merupakan pujian yang berupa sokongan terhadap pemimpin yang mempunyai pakej kepimpinan yang lengkap. Contoh (78) dan (79) merupakan contoh ungkapan pemimpin yang dipuji oleh rakyat:

(78) *Menjadi pemimpin ia sempurna*
Sempurna iman dengan taqwanya
Sempurna ilmu dan amalnya
Sempurna lahir dan batinnya
Sempurna kerja dan lidahnya.
Perangai elok tidak tercela
Negeri dijaga rakyat dibela
Adil dijunjung atas kepala.

(Tenas Effendy 2000, p.138)

(79) *Dijadikan pemimpin hidup sejahtera*
Dijadikan tua tak ada cacatnya
Dijadikan induk tak ada celanya
Dijadikan tiang tak ada lemahnya
Dijadikan tudung tak ada kurangnya.
Memimpin negeri amat terpuji
Memimpin umat amatlah bermanfaat
Memimpin bangsa amatlah berjasa.

(Tenas Effendy 2000, p.138)

Ungkapan pemimpin di atas telah memperlihatkan beberapa contoh maksim sokongan dalam masyarakat Melayu khususnya yang memperkatakan pemimpin. Nilai kekerapan yang dicatatkan oleh maksim sokongan ialah sebanyak 13 kali kekerapan dengan peratusan 10%. Maksim sokongan yang terdapat dalam bahan kajian lebih kepada bentuk sokongan dan pujian terhadap pemimpin. Sifat-sifat mulia dan terpuji

yang dimiliki oleh pemimpin membuatkan beliau selalu dipuji dan disanjung oleh rakyat.

Pujian dan sokongan merupakan antara medium atau cara yang digunakan oleh masyarakat Melayu untuk memuji seseorang yang mempunyai sifat-sifat yang terpuji. Dalam konteks pemimpin, pujian dan sokongan diberikan kepada pemimpin yang menjalankan tanggungjawab dan tugas yang telah diamanahkan oleh rakyat dengan ikhlas dan telus demi kesejahteraan rakyat. Pujian dan sokongan yang diberikan kepada pemimpin membuatkan beliau lebih bersemangat dan berusaha keras untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada beliau.

3.2.4 Maksim Kerendahan Hati

Maksim kerendahan hati ini merupakan maksim yang lebih memusatkan perhatian kepada diri sendiri dalam usaha melahirkan ujaran yang bersopan. Penutur akan dianggap sebagai merendah diri, tidak sombong dan baik hati. Dalam maksim ini, penutur cuba meminimumkan pujian terhadap diri sendiri dan memaksimumkan cacian terhadap diri sendiri (Leech, 1993). Carta 3.4 menunjukkan kekerapan bagi maksim kerendahan hati.



Carta 3.4: Kekerapan Maksim Kerendahan hati

Dalam bahan kajian ini, maksim kerendahan hati telah dibahagikan kepada dua aspek, iaitu rela berkorban dan merendah diri yang masing-masing mencatat nilai kekerapan sebanyak lapan kali dan 12 kali. Sifat-sifat ini merupakan sifat yang terkandung dalam maksim kerendahan hati yang membuatkan pemimpin sanggup merendahkan taraf kedudukannya dalam masyarakat demi menjaga hati rakyat.

(a) Rela berkorban

Pemimpin hendaklah bersifat ikhlas dan rela berkorban atas segala tindakan yang dibuat dalam menjalankan tanggungjawab. Sifat rela berkorban ini akan menjauhkan seseorang pemimpin daripada sifat mementingkan diri dan sombong. Dalam maksim ini, pemimpin sanggup memaksimumkan beban terhadap dirinya sendiri dan dalam masa yang sama cuba untuk memberi kesenangan atau membantu walaupun pemimpin terpaksa menanggung akibat atas segala tindakan yang diambil. Pemimpin juga sanggup berkongsi susah senang serta suka dan duka bersama rakyat walaupun sebenarnya kedudukannya lebih tinggi daripada rakyat. Sikap terpuji ini dapat dikenal pasti dalam contoh ungkapan pemimpin (80) hingga (83):

(80) *Rela berlapang dalam sempit
Rela berbagi walau sedikit.*
(Tenas Effendy 2000, p.4)

(81) *Menjalankan tugas tahan beragas
Menjalankan amanah tahan dilapah
Menjalankan yang hak tahan diinjak
Menunaikan janji tahan diuji.*
(Tenas Effendy 2000, p.4)

(82) *Rela berkorban membela kawan
Rela dipijak membela yang hak
Rela mati membalas budi
Rela melengas kerana tugas
Rela berbagi untung rugi.*
(Tenas Effendy 2000, p.16)

- (83) *Sakit dan susah ia tahankan*
Pedih dan pahit ia sabarkan
Berkorban tidak harap balasan
Berbudi tidak harap pujian.

(Tenas Effendy 2000, p.101)

Daripada ungkapan pemimpin dalam contoh (80) hingga (83) dapat dilihat bahawa seseorang pemimpin sanggup bersusah dan bersenang bersama rakyat. Pemimpin tidak bersifat mementingkan diri dengan hanya memikirkan keselesaan dirinya sahaja. Segala kesusahan dan kesulitan yang dihadapi oleh pemimpin, sanggup ditahan semata-mata demi kesejahteraan dan kesenangan rakyatnya. Selain itu juga, apabila mendapat rezeki yang sedikit, pemimpin sanggup membahagikan rezeki tersebut sama rata kepada rakyatnya.

Dalam masyarakat Melayu, sifat rela berkorban menjadikan individu itu dipandang tinggi oleh masyarakat. Sifat terpuji ini menuntut individu itu sanggup menghadapi kesusahan demi kepentingan orang lain. Masyarakat Melayu sanggup menanggung kesusahan dan kesulitan demi kesenangan dan kemudahan orang lain walaupun dia sebenarnya boleh untuk tidak membantu orang lain.

Jika dilihat dalam konteks pemimpin, seseorang pemimpin sanggup bertahan walaupun terpaksa menghadapi kesulitan dan kesusahan semasa menjalankan tanggungjawab beliau. Hal ini dilakukan semata-mata demi kebahagiaan rakyat yang disayangi. Walaupun terpaksa berpanas, berhujan dan berkerja keras, pemimpin sanggup menahannya demi menjaga hak dan kewajipan rakyat. Yang berikut merupakan contoh data ungkapan pemimpin:

- (84) *Tahan berhujan mau berpanas*
Tahan bersusah berpenat lelah
Tahan berlenjin tak kering kain
Tahan berteruk sepepak teluk
Tahan bersensudung sepepak tanjung
Tahan berbagan sepepak hutan
Tahan bertumang berbedak arang
Tahan berkain sehelai pinggang

Tahan hidup berkalang leher
Tahan mati berkalang tanah.
Tahan berhaus mau berlapar
Tahan merapah semak belukar
Tahan bersusah mau berlapar.

(Tenas Effendy 2000, p.13)

(b) Merendah diri

Sifat merendah diri merupakan sifat tidak sombong, tawaduk, dan sanggup mendapat tekanan atau kesusahan demi kesenangan orang lain. Ciri-ciri ini bersesuaian dengan maksim kerendahan hati yang diperkenalkan oleh Leech. Bagi seseorang pemimpin, sifat merendah diri menjadikan dirinya lebih disayangi dan mudah didekati oleh rakyat. Sifat merendah diri ini tidak menjatuh atau mengurangkan maruah seorang pemimpin, bahkan sifat ini menjadikan beliau lebih sedar diri apabila berada pada kedudukan yang tinggi. Yang berikut merupakan contoh data pemimpin:

- (85) Menjadi pemimpin bagaikan anak
Kepada rakyat ia berbapak.
Tahu dirinya berakal pandak
Tahu pengalaman belum banyak
Tahu kepada beban di bawah
Tahu amanah yang patut disimak.

(Tenas Effendy 2000, p.46)

- (86) Hidup sederhana bagaikan fakir
Terhadap harta tiada terfikir.
Berjanji teguh berpantang mungkir
Menjalankan tugas tiada mangkir
Bersih batin sempurna lahir.

(Tenas Effendy 2000, p.88)

Daripada ungkapan pemimpin dalam contoh (85) dan (86), dapatlah dilihat sifat merendah diri yang dimiliki oleh seorang pemimpin. Pemimpin yang merendah diri merupakan pemimpin yang tidak sombong dan angkuh dengan kekuasaan dan kedudukan yang dimiliki. Malah, kekuasaan dan kedudukan yang dimiliki menjadikan beliau lebih bersifat rendah diri. Pemimpin yang merendah diri menganggap dirinya

serba kekurangan, termasuklah dari segi pengalaman dan pengetahuan dan tidak sesekali membelakangkan pendapat rakyat. Pemimpin seperti ini menjadikan rakyat sebagai tempat untuk meminta dan berkongsi pendapat di samping menjadi pendengar kepada masalah rakyat.

Di samping itu, hubungan antara pemimpin dengan rakyat akan menjadi semakin erat ekoran sifat pemimpin yang merendah diri. Hal ini turut dipersetujui oleh Leech (1993), yang menurut beliau, penggunaan maksim kerendahan hati ini dapat mendekatkan jarak dan hubungan antara penutur dengan pendengar. Contoh (87) dan (88) merupakan contoh data ungkapan pemimpin:

(87) Yang didahulukan selangkah
Yang ditinggikan seranting
Yang dilebihkan serambut
Yang dimuliakan sekuku.

(Tenas Effendy 2000, p.7)

(88) Yang sakit dijenguk-jenguk
Yang senang dijelang-jelang
Yang dekat diingat-ingat
Yang jauh ditinjau-tinjau
Yang kaya disapu-sapu
Yang susah dipapah-papah.

(Tenas Effendy 2000, p.11)

Ungkapan pemimpin dalam contoh (87) dan (88) menunjukkan hubungan antara pemimpin dengan rakyatnya, yang jaraknya hanya sekadar *yang didahulukan selangkah, yang ditinggikan seranting*. Oleh itu, hubungan yang terjalin antara pemimpin dengan rakyat menjadi semakin akrab dan erat. Pemimpin tidak membina jurang pemisah antara kedudukannya dengan rakyat. Sifat seperti ini membuatkan rakyat berasa selesa untuk berkomunikasi dengan pemimpin. Tambahan pula, rakyat berasa pemimpin yang mempunyai sifat seperti ini senang didekati dan berjiwa rakyat.

Sifat merendah diri merupakan salah satu sifat terpuji yang terdapat dalam masyarakat Melayu terutamanya dalam konsep pemimpin. Sifat ini secara turun

temurun dikekalkan dalam kehidupan harian mereka sehingga sudah sebatu dalam diri setiap masyarakat. Sifat merendah diri ialah cerminan dari kebesaran hati, keikhlasan dan tahu diri yang dimiliki oleh individu (Tenas Effendy 2004, p.311). Tutur kata dan tingkah laku pemimpin haruslah disulam dengan sifat merendah diri. Contoh (89) dan (90) merupakan contoh data merendah diri yang terdapat dalam masyarakat Melayu:

(89) *Akal elok tahu berbudi*
Dada lapang dan rendah hati
Loba dan tamak ia jauhi
Menjalankan tugas sepenuh hati.
(Tenas Effendy 2000, p.152)

(90) *Menjadi pemimpin memegang wasiat*
Tahu menjaga petua nasihat
Tahu menimbang baik dan jahat
Tahu membela negeri dan umat.
Hidupnya tidak mengejar pangkat
Terhadap harta ia hemat
Terhadap beramal ianya kuat.
(Tenas Effendy 2000, p.154)

Daripada ungkapan pemimpin ini, dapatlah dilihat bahawa sifat merendah diri begitu bersebatu dan dituntut dalam diri seseorang pemimpin. Pemimpin yang merendah diri tidak sesekali bersifat sombong dan angkuh dengan jawatan dan kuasa yang dimiliki, malah menjadikan beliau ikhlas dan bersungguh-sungguh dalam menjalankan tanggungjawab.

(91) *Ilmunya banyak dan rendah hati*
Kepada rakyat ia bersebatu
Menjalankan tugas sepenuh hati
Bertanggungjawab hidup dan mati.
(Tenas Effendy 2000, p.41)

Di samping itu juga, pemimpin selalunya diuji apabila mempunyai ilmu pengetahuan yang banyak dan tinggi. Ilmu yang banyak dan tinggi boleh menyebabkan pemimpin bersifat sombong dan bangga diri. Oleh itu, seorang pemimpin haruslah sentiasa

mengamalkan sifat merendah diri walaupun mempunyai ilmu yang tinggi dan seterusnya dapat mengeratkan hubungan antara pemimpin dengan rakyat.

Daripada ungkapan pemimpin yang telah diperkatakan, didapati maksim kerendahan hati terdapat dalam bahan kajian. Maksim kerendahan hati merupakan maksim ketiga yang paling banyak ditemui dalam bahan kajian dengan peratusan sebanyak 15.4%, iaitu nilai kekerapan sebanyak 20 kali. Maksim kerendahan hati telah dikenal pasti dan dibahagikan kepada sifat rela berkorban dan merendah diri. Sifat rela berkorban dan merendah diri mencatat nilai kekerapan sebanyak lapan kali dan 12 kali kekerapan. Dalam maksim ini, pemimpin sanggup bersusah dan bersenang demi menjaga kebajikan rakyat walaupun beliau terpaksa berkorban. Pemimpin seperti ini akan selalu diingati, disayangi dan disanjung oleh rakyat.

Sifat rela berkorban dan merendah diri merupakan sifat yang sudah sebatidalam hidup masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu begitu terkenal dengan sifat-sifat ini sehingga sifat-sifat ini diterapkan dalam diri anak-anak mereka. Penggunaan sifat-sifat ini dalam kehidupan seharian terutamanya dalam konteks pemimpin, menjadikan hubungan antara pemimpin dengan masyarakat semakin erat.

3.2.5 Maksim Persetujuan

Dalam maksim ini, sebarang pernyataan tidak setuju atau pernyataan yang boleh membawa kepada perbalahan akan diminimumkan oleh penutur sama ada secara langsung atau dengan cara memendamkannya walaupun pada hakikatnya penutur tidak setuju. Pemimpin akan cuba meminimumkan perbalahan antara diri sendiri dengan rakyat dan cuba memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dengan rakyat. Dalam maksim ini, pemimpin cuba menjaga hati rakyat dengan berusaha untuk bersetuju

dengan pendapat yang diutarakan oleh rakyat. Secara keseluruhan, maksim persetujuan mencatat kekerapan sebanyak 17 kali.

Dalam konteks ungkapan pemimpin ini, ungkapan setuju dan tidak setuju tidak dikatakan secara langsung. Hal ini dapat dilihat melalui ungkapan pemimpin dalam contoh (92) hingga (95):

(92) *Duduk tegaknya elok tabiat
Sebarang kerja dengan muafakat
Sebarang laku menuruti adat.
Dijadikan pemimpin besar manfaat
Negeri sentosa sempurna umat
Orang suka jauh dan dekat
Rahmatnya ada dunia akhirat.*

*Dijadikan tua ianya tepat
Kerana hidupnya bersama umat
Memimpin negeri membawa berkat
Tuahnya banyak maruah terangkat.*

(Tenas Effendy 2000, p.27)

(93) *Tuah ada maruah pun nampak
Menjadi teladan orang yang banyak.*

*Dijadi pemimpin patut dan layak
Dijadikan tua maruahnya nampak
Dijadikan induk dahannya rampak
Dijadikan tiang sempurna tegak
Negeri sentosa tidur pun nyenyak.*

(Tenas Effendy 2000, p.69)

(94) *Hatinya kukuh fikiran bulat
Memikul tugas ianya taat
Memegang amanah pantang mengumpat
Niatnya suci membela rakyat.*

*Dijadikan pemimpin amat bermanfaat
Dijadikan tua sampailah niat
Dijadikan induk teramat tepat
Dijadikan tiang tegaknya kuat
Dijadikan tudung terlindung umat
Memimpin negeri semua selamat.*

(Tenas Effendy 2000, p.92-93)

(95) *Mau memikul beban yang berat
Mau bekerja berpenat tenat.*

Dijadikan pemimpin beroleh berkat

Dijadikan tua amatlah tepat

Dijadikan induk tuahnya lekat

Dijadikan tiang dapat bertongkat

Dijadikan tudung ternaung umat

Memimpin negeri membawa rahmat.

(Tenas Effendy 2000, p.103)

Daripada ungkapan dalam contoh (92) hingga (95), dapat dilihat ungkapan setuju pada bahagian *dijadikan tua ianya tepat, dijadikan pemimpin patut dan layak, dijadikan pemimpin amat bermanfaat, dijadikan induk teramat tepat dan dijadikan tua amatlah tepat*. Ungkapan ini menggambarkan persetujuan yang diberikan apabila pemimpin yang berakhlak mulia atau tinggi budi bahasanya diberi mandat sebagai seorang pemimpin, akan memberi manfaat yang banyak kepada rakyat. Secara ringkas, ungkapan ini tidak menggunakan perkataan setuju atau tidak setuju tetapi hanya memberi gambaran persetujuan.

Kadangkala masyarakat Melayu juga tidak menyatakan sesuatu perkara secara berterus terang. Masyarakat Melayu memberi persetujuan secara tidak berterus terang seperti yang terdapat dalam contoh data (92) hingga (95). Apabila pemimpin menjalankan tanggungjawab dan tugas yang telah diamanahkan kepadanya dengan baik, secara tidak langsung rakyat bersetuju mengiktiraf pemimpin tersebut sebagai pemimpin yang layak dalam mentadbir negeri.

Dalam bahan kajian ini, didapati rakyat akan bersetuju dan mengiktiraf kedudukan pemimpin apabila pemimpin yang dipilih menjalankan tanggungjawab dengan baik. Walaupun daripada data yang dipilih, tidak mempunyai ungkapan atau kata setuju atau tidak setuju, tetapi daripada ungkapan tersebut telah ditafsirkan sebagai maksud persetujuan.

Maksim persetujuan mencatat 17 kali kekerapan atau peratusan sebanyak 13.1%. Maksim persetujuan merupakan satu daripada langkah yang digunakan bagi masyarakat Melayu untuk menjaga adab dan kesopanan. Maksim persetujuan digunakan supaya dapat mengelak atau mengurangkan ketegangan dan perbalahan semasa berkomunikasi. Dalam maksim ini, ungkapan setuju atau tidak setuju digunakan. Namun dalam bahan kajian, pernyataan setuju atau tidak setuju tidak digunakan secara terus, tetapi boleh digambarkan dalam maksud ungkapan tersebut.

Apabila seseorang pemimpin menjalankan tanggungjawab dan tugas dengan baik dan bersungguh, secara tidak langsung rakyat bersetuju mengiktiraf pemimpin itu sebagai pemimpin yang layak dalam memerintah negeri. Budaya kesantunan ini telah diterapkan dalam masyarakat Melayu sejak turun temurun lagi.

3.2.6 Maksim Simpati

Maksim simpati ini akan dipatuhi oleh pemimpin apabila pemimpin meminimumkan pendapat yang mengakibatkan antipati, iaitu rasa benci dan dalam masa yang sama memaksimumkan rasa belas kasihan dan simpati antara diri sendiri dengan rakyat. Hal ini bermakna pemimpin akan cuba membuang perasaan benci atau tidak suka terhadap rakyat dan menambah perasaan simpati atau belas kasihan terhadap mereka. Pemimpin yang mempunyai nilai kesantunan yang tinggi akan mudah berasa simpati atau belas kasihan terhadap rakyat apabila rakyat mengalami kesusahan. Maksim simpati mencatat kekerapan sebanyak empat kali. Ungkapan pemimpin dalam contoh (96) merupakan contoh data maksim simpati:

(96) *Janji diisi amanah dijalankan
Terhadap rakyat belas kasihan
Terhadap negeri penuh perhatian.*

(Tenas Effendy 2000, p.130)

Perasaan simpati atau belas kasihan menuntut pemimpin meminimumkan perasaan antipati atau rasa benci dan dalam masa yang sama cuba memaksimumkan perasaan belas kasihan terhadap rakyat. Perasaan simpati atau belas kasihan yang terdapat dalam diri pemimpin membuatkan pemimpin tersebut sanggup mengurangkan rasa benci atau ujaran yang berbentuk kebencian terhadap rakyat. Hal ini dapat dilihat dalam contoh ungkapan pemimpin (97) dan (98):

(97) Terhadap yang susah hatinya lemah
Terhadap yang tertindas hatinya belas
Terhadap yang kekurangan hatinya kasihan.

(Tenas Effendy 2000, p.9)

(98) Memandang orang matanya jernih
Memberi petuah lidahnya fasih
Kepada rakyat berbelas kasih
Adilnya tidak pilih memilih.

(Tenas Effendy 2000, p.142)

Ungkapan pemimpin dalam contoh (97) dan (98) menunjukkan sifat simpati pemimpin terhadap kesusahan rakyatnya. Pemimpin mudah berasa tersentuh dan susah hati apabila melihat kesusahan yang dialami oleh rakyat. Oleh itu, rasa simpati yang terdapat dalam hati pemimpin menyebabkan pemimpin berusaha untuk membantu rakyatnya yang sedang berada dalam kesusahan. Pengurangan perasaan antipati atau perasaan benci dalam diri pemimpin dapat meningkatkan lagi nilai kesantunan yang dimiliki oleh pemimpin. Walaupun kadangkala pemimpin menghadapi waktu yang sukar semasa mentadbir negeri ditambah pula dengan perangai rakyat yang tidak menghargai dan suka mencaci pemimpin, namun beliau sanggup mengurangkan perasaan benci tersebut terhadap rakyat, terutamanya ketika rakyat berada dalam kesusahan. Hal ini memperlihatkan nilai kesantunan yang tinggi dimiliki oleh pemimpin yang sanggup meminimumkan perasaan benci dan memaksimumkan perasaan belas kasihan terhadap rakyat.

Sifat simpati yang dimiliki oleh masyarakat Melayu menuntut individu itu untuk turut sama merasa kesedihan, kesusahan dan kesulitan yang dialami oleh orang lain. Bagi masyarakat Melayu, sifat simpati yang terlahir dalam hati menyumbang terus kepada niat untuk membantu dan memberi pertolongan kepada orang lain. Dalam konteks pemimpin, seseorang pemimpin berasa simpati dengan nasib yang dialami oleh rakyat dan membuatkan beliau begitu bersungguh untuk membantu meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat.

Maksim simpati merupakan maksim yang menuntut penutur untuk mengurangkan perasaan benci dan menambahkan perasaan belas kasihan dan simpati kepada orang lain. Pemimpin dituntut memiliki sifat simpati dalam diri agar pemimpin bersimpati dengan nasib rakyatnya. Daripada sifat simpati ini, pemimpin akan berusaha untuk membantu dengan memberi kesenangan kepada rakyat. Dalam masa yang sama, pemimpin juga haruslah membuang perasaan benci dalam diri terhadap rakyat agar tidak timbul perasaan yang tidak baik kepada rakyat. Sifat simpati yang terdapat dalam diri pemimpin menjadikan beliau disanjung oleh rakyat. Maksim simpati mencatat nilai peratusan yang paling rendah, iaitu sebanyak 3.1%, iaitu empat kali kekerapan.

Maksim simpati yang disenaraikan oleh Leech (1993) dalam maksim kesopanan turut dimiliki oleh masyarakat Melayu. Budaya masyarakat Melayu yang mudah bersimpati dengan nasib malang yang menimpa orang lain menimbulkan keinginan untuk membantu orang lain. Rasa simpati yang tinggi menggambarkan tingginya nilai kesantunan yang dimiliki oleh individu tersebut.

3.3 Rumusan

Maksim-maksim yang terdapat dalam Prinsip Kesopanan Leech (1993), iaitu maksim santun, maksim kedermawanan, maksim sokongan, maksim kerendahan hati, maksim

persetujuan dan maksim simpati merupakan ciri-ciri kesopanan yang terdapat dalam buku *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu (2000)*. Daripada analisis yang telah dijalankan, didapati taburan maksim-maksim ini adalah tidak sekata, iaitu maksim yang mencatat nilai yang paling tinggi ialah maksim santun dengan peratusan sebanyak 33.8%, iaitu sebanyak 44 kali kekerapan. Maksim simpati pula mencatat nilai peratusan yang paling rendah, iaitu sebanyak 3.1% dengan nilai kekerapan sebanyak empat kali. Maksim kedermawanan mencatat peratusan sebanyak 24.6%, iaitu 32 kali kekerapan, diikuti dengan maksim kerendahan hati, iaitu sebanyak 20 kali kekerapan dengan nilai peratusan 15.4%, maksim persetujuan sebanyak 17 kali kekerapan, iaitu nilai peratusan 13.1% dan maksim sokongan mencatat nilai peratusan sebanyak 10%, iaitu sebanyak 13 kali kekerapan.

Masyarakat Melayu sudah bersehati dengan kesantunan atau kesopanan dalam kehidupan mereka. Ini tidak menghairankan kerana budaya Melayu yang memegang teguh kepada kesantunan yang merangkumi perilaku yang mulia mahupun pertuturan yang sopan begitu mementingkan sifat-sifat santun dalam diri setiap masyarakat. Bagi mengimbangi huraian, berdasarkan rumusan daripada pandangan beberapa orang pengkaji tempatan, seperti Asmah Haji. Omar, A. Aziz Deraman, Awang Sariyan dan Tenas Effendy, kesantunan telah dibahagikan kepada beberapa ciri, iaitu berbudi dan berbahasa, agama Islam, dan nilai dan pengajaran. Analisis nilai dan pengajaran akan dibincangkan dengan lebih terperinci pada bab selanjutnya.

BAB 4: NILAI DAN PENGAJARAN DALAM BUKU *PEMIMPIN DALAM UNGKAPAN MELAYU*

4.0 Pendahuluan

Bab 4 akan dibincangkan nilai dan pengajaran yang terdapat dalam bahan kajian. Setiap data yang diperoleh diuraikan dengan disertai contoh ungkapan. Pada bahagian kesimpulan pula akan dirumuskan, secara keseluruhan, nilai dan pengajaran yang diperoleh.

4.1 Nilai dan Pengajaran

Karya persuratan seperti pantun, gurindam, seloka, ungkapan dan perbilangan adat mengandungi nilai dan pengajaran yang tinggi. Nilai dan pengajaran dalam konteks skop kajian ini merupakan antara garis panduan, terutama kepada pemimpin, supaya menjadi pemimpin yang disayangi dan disanjung oleh rakyat. Nilai dan pengajaran yang terdapat dalam karya-karya persuratan ini seharusnya dijadikan iktibar dan pedoman dalam menjalani kehidupan seharian.

Hal ini turut dipersetujui oleh Tenas Effendy (2010) yang menurut beliau, ungkapan yang sarat makna dan nilai harus dijadikan sebagai satu daripada alat utama dalam menyampaikan pesan-pesan moral dan tunjuk ajar Melayu. Tambah beliau, kandungan dan isi ungkapan yang amat luas dan sarat nilai-nilai luhur budaya Melayu wajar dijadikan satu daripada pedoman hidup bagi masyarakat Melayu.

Nilai-nilai asas budaya Melayu yang terkandung dalam bahan kajian ini perlulah dipraktikkan oleh pemimpin mahupun bakal pemimpin. Budaya Melayu yang memegang kukuh dengan nilai-nilai ini memberi garis panduan kepada pemimpin dalam usaha menjadi pemimpin yang baik, bukan sahaja untuk negeri, bahkan untuk

agama dan bangsa. Pemimpin yang mempunyai nilai-nilai asas ini dipandang mulia oleh rakyat. Terdapat sebanyak 18 nilai dan pengajaran yang dikenal pasti dalam bahan kajian. Berikut dihuraikan nilai dan pengajaran yang diperoleh.

4.1.1 Nilai Mulia Budi

Kemuliaan budi yang dimiliki oleh pemimpin merangkumi aspek akhlak mulia yang dituntut dalam agama Islam dan budaya Melayu itu sendiri. Menurut *Kamus Dewan* (2007), perkataan “budi” dibahagikan kepada empat maksud, iaitu pertama merujuk akal atau kebijaksanaan, kedua ialah “budi pekerti” atau perangai, akhlak, tingkah laku, kelakuan dan watak yang baik, ketiga ialah “budi bahasa” yang merangkumi pertuturan yang baik dan sopan, dan terakhir ialah “budi bicara” atau kebebasan membuat pertimbangan yang sewajarnya daripada seseorang yang dianggap berkuasa dalam sesuatu hal. Perhatikan ungkapan yang dikatakan oleh Tenas Effendy dalam contoh (99) hingga (102):

(99) *Memimpin patut menjadi induk
Iman teguh budi pun elok.*
(Tenas Effendy 2000, p.102)

(100) *Hati baik bercakap petah
Budi mulia perangai semenggah.*
(Tenas Effendy 2000, p.116)

(101) *Menjadi pemimpin ia teladan
Budi halus dada beriman
Kepala berisi ilmu pengetahuan.*
(Tenas Effendy 2000, p.145)

(102) *Bertaring tidak mengerkah
Berkuku tidak mencakar
Berkuasa tidak memaksa
Berpengalaman tidak membodohkan
Berpangkat tidak menghambat.
Berani tidak melesi
Berakal tidak menjual
Berharta tidak aniaya.*

*Tinggi tidak menimpa
Besar tidak melendan
Bertaji tidak memupur.*

(Tenas Effendy 2000, p.15-16)

Daripada ungkapan pemimpin dalam contoh (99) hingga (102) dapat dilihat bahawa seseorang pemimpin haruslah mempunyai budi pekerti yang mulia, iaitu mempunyai pertuturan yang baik, mempunyai sifat-sifat terpuji seperti merendah diri, pemurah dan penyayang supaya dapat menjadi contoh dan teladan kepada rakyat. Seseorang pemimpin tidak seharusnya menyalahgunakan kuasanya sebagai pemimpin dengan menganayai rakyat. Walaupun pemimpin memiliki kuasa yang besar dalam negeri, beliau tidak boleh menggunakan kuasa tersebut dengan sewenang-wenangnya. Kuasa dan pangkat yang diamanahkan oleh rakyat digunakan dengan sehabis baik oleh pemimpin.

Pemimpin haruslah berakhlak mulia dengan menjaga diri daripada terdorong untuk melakukan sebarang perkara yang mungkar, sama ada perkara yang ditegah oleh agama atau tidak disenangi oleh rakyat. Oleh itu, pemimpin seharusnya mempunyai peribadi yang baik dan tidak terjebak dalam sebarang kemungkaran yang boleh memusnahkan diri dan pengikutnya (Husin@Ibrahim Mamat 2007, p.180-181).

Selain mempunyai budi pekerti yang mulia, pemimpin juga haruslah bijaksana dalam setiap tindakannya agar segala keputusan yang dibuat tidak memberi kesan yang buruk dan membebankan rakyatnya kelak. Kebijaksanaan yang dimiliki oleh pemimpin mestilah digunakan dengan baik dan betul agar segala keputusan dan tindakan yang diambil mendatangkan manfaat kepada rakyat.

Pengajaran yang terkandung dalam ungkapan ini mendidik pemimpin mahupun bakal pemimpin supaya mengamalkan nilai budi dan bahasa yang mulia bukan sahaja semasa menjalankan tugas, bahkan semasa menjalani kehidupan seharian. Budi dan bahasa

merupakan nilai yang bukan sahaja dituntut oleh masyarakat Melayu malah menjadi keutamaan dalam agama Islam. Pemimpin yang baik haruslah mendidik diri untuk mengamalkan sifat berbudi mulia dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepadanya. Sifat-sifat terpuji yang dituntut oleh masyarakat Melayu dan juga Islam haruslah dipraktikkan oleh pemimpin dan juga bakal pemimpin supaya menjalankan tanggungjawab dan tugas dalam mentadbir negeri berlandaskan budaya Melayu dan ajaran Islam itu sendiri.

Merujuk Husin@Ibrahim Mamat (2007) lagi, oleh sebab pemimpin merupakan contoh teladan kepada rakyat, maka beliau haruslah mempunyai moraliti yang tinggi, iaitu kualiti akhlak atau tingkah laku yang baik. Tambah beliau, dengan memiliki moraliti yang tinggi, seseorang pemimpin akan mendapat sanjungan, penghargaan dan penghormatan.

4.1.2 Nilai Rajin

Seseorang pemimpin seharusnya bekerja dengan rajin dalam memikul tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh rakyat. Segala tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan mestilah dilakukan tanpa berlengah-lengah. Selain rajin menjalankan tugas, pemimpin juga haruslah bersifat rajin dalam membantu rakyatnya. Sifat rajin membantu rakyat ini membuatkan rakyat lebih menyayangi dan menghormati pemimpin. Antara perkara yang boleh dilakukan oleh pemimpin dalam membantu rakyat adalah dengan rajin memberi sedekah dan setia mendengar keluhan dan masalah rakyat. Ungkapan pemimpin (103) dan (104) merupakan contoh data yang mengandungi nilai rajin:

(103) *Kerja tekun banyak faedah
Pantang sekali berlengah-lengah.*
(Tenas Effendy 2000, p.9)

(104) *Rajin bersedekah pantang meminta
Rajin berguru pantang berseteru
Rajin beramal pantang menyesal
Rajin menolong pantang disanjung.*
(Tenas Effendy 2000, p.4)

Pengajaran yang terselit dalam ungkapan pemimpin ini menghendaki supaya pemimpin bersifat rajin, bukan sahaja rajin dalam menjalankan kewajibannya malah rajin dalam kehidupan seharian. Sifat rajin ini merupakan sifat yang dituntut dalam diri setiap pemimpin agar setiap tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dapat dijalankan dengan cepat dan betul. Hal ini bertentangan apabila pemimpin mempunyai sifat malas. Sifat malas ini membuatkan pemimpin bertindak sambil lewa dan suka bertangguh semasa menjalankan tugas. Sifat seperti ini memberi kesan yang buruk kepada rakyat dan negeri.

4.1.3 Nilai Bertanggungjawab

Satu daripada sifat yang perlu ada dalam diri setiap pemimpin ialah sifat bertanggungjawab. Sebagai seorang pemimpin, tanggungjawab terhadap rakyat haruslah menjadi tujuan utama dalam memerintah sebuah negeri. Tanggungjawab terhadap rakyat meliputi bukan sahaja dari aspek lahiriah, tetapi juga merangkumi aspek batiniyah, iaitu menjadi pendengar kepada masalah rakyat, menjadi penenang pada kala rakyat berduka dan menjadi penghibur hati rakyat. Pemimpin seperti ini menjadikan hubungan antara pemimpin dengan rakyat semakin rapat. Dalam konteks kepimpinan Islam pula, menurut Husin@Ibrahim Mamat (2007) setiap pemimpin Islam mempunyai pelbagai tanggungjawab penting dengan menyedari dirinya sebagai khalifah yang

menuntut supaya beliau sanggup untuk memakmurkan, memperbaiki, dan menegakkan keadilan serta mententeramkan dan meningkatkan nilai kemanusiaan. Berikut merupakan contoh nilai bertanggungjawab yang terdapat dalam ungkapan pemimpin:

(105) *Menjadi suluh dalam gelita
Menjadi penawar penolak bisa
Menjadi penenang dalam duka
Menjadi penyejuk dalam derita
Menjadi penyabar dalam murka.*

(Tenas Effendy 2000, p.8)

(106) *Tak ada beras antah dikisik
Tak ada emas bungkal diasah
Tak ada rotan akar dicarikan
Tak ada kayu jenjang ditarah
Tak ada air hujan ditadah.*

(Tenas Effendy 2000, p.8)

Oleh itu, seorang pemimpin mestilah menanam sifat bertanggungjawab dalam diri agar dapat menjalankan tugas yang diberikan. Jelaslah di sini bahawa tanggungjawab sebagai pemimpin bukan sahaja dalam mentadbir negeri malah merangkumi tanggungjawab dalam menjaga hati rakyat seperti menjadi pendengar yang setia kepada masalah rakyat. Tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh rakyat kepada pemimpin haruslah dilaksanakan dengan baik dan bersungguh-sungguh agar amanah yang telah diberikan dapat dilaksanakan demi kesejahteraan rakyat dan negeri.

4.1.4 Nilai Sabar

Nilai sabar dapat dilihat dalam contoh ungkapan (107):

(107) *Sebagai pemimpin ia penyabar
Fikiran panjang dada pun lebar.*

*Menghadapi rakyat jiwanya besar
Diumpat dikeji ia mendengar
Duduknya kukuh tegaknya tegar
Ilmunya tinggi iman mengakar
Rajin menolong rakyat terlantar.*

*Dijadikan pemimpin manfaatnya besar
Dijadikan tua cakupannya didengar
Dijadikan induk petuahnya benar
Dijadikan tiang dapat bersandar
Dijadikan tudung dapat berlegar
Dijadikan contoh tiada tercemar
Memimpin negeri tuah berdiri
Memimpin umat hidup selamat.*

(Tenas Effendy 2000, p.136)

Sebagai seorang pemimpin yang mempunyai banyak tanggungjawab yang berat, sifat sabar dituntut semasa menjalankan tugas. Sifat sabar ini diperlukan dalam melayan karenah dan perangai rakyat yang kadangkala memberi beban kepada pemimpin. Sifat sabar juga turut dituntut dalam Islam, di mana sabar itu merupakan sebahagian daripada iman seseorang. Nilai sabar ini mengajar pemimpin supaya tenang dalam menghadapi masalah yang terjadi. Husin@Ibrahim Mamat (2007) menyatakan pemimpin sabar merupakan pemimpin yang tenang dan kuat menahan diri sehingga tidak melakukan sesuatu yang tidak bijak dan menyebabkan kerosakan kepada diri sendiri dan rakyat. Pemimpin seperti ini dapat mengawal keadaan dan tidak bertindak terburu-buru.

Pengajaran yang terdapat dalam ungkapan pemimpin di atas menuntut pemimpin untuk selalu mengamalkan sifat sabar walaupun sering kali dikeji dan diumpat oleh rakyat. Pemimpin mestilah mempunyai jiwa yang besar agar tidak mudah berputus asa walaupun mengalami pelbagai kesulitan. Tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada pemimpin haruslah dijalankan dengan sabar agar mendapat hasil yang terbaik dan secara tidak langsung dapat memberi kesenangan kepada rakyat dan negeri.

4.1.5 Nilai Tahu Diri

Tahu diri ialah sifat yang menuntut seseorang sedar atau mengetahui kedudukan dirinya. Dalam konteks pemimpin, seseorang pemimpin harus sedar dan tahu diri mengenai kedudukan dan tanggungjawabnya sebagai pemimpin. Apabila pemimpin mengetahui tanggungjawab yang harus dijalankannya, beliau akan menjalankan tugas dengan baik dan adil. Sifat tahu diri ini membuatkan seorang pemimpin tidak sesekali bersifat angkuh dan sombong dengan jawatan yang beliau miliki, malah sifat ini menjadikan beliau lebih bersifat merendah diri. Pendapat ini turut disokong oleh Azizan Bahari (2008) yang menurut beliau, pemimpin harus sentiasa sedar diri dan insaf bahawa peranan kepimpinan yang diberikan oleh rakyat kepadanya merupakan suatu tanggungjawab dan amanah. Oleh itu, pemimpin harus memelihara kepercayaan yang telah diberikan oleh rakyat. Ungkapan pemimpin dalam contoh (108) mengandungi nilai tahu diri:

(108) *Memimpin sedar yang ia pimpin
Mengajar sedar yang ia ajar
Memerintah sedar yang ia perintah
Menyuruh sedar yang ia suruh
Melarang sedar yang ia larang
Menolong sedar yang ia tolong
Menghukum sedar yang ia hukum
Memuji sedar yang ia puji
Menegur sedar yang ia tegur.*

*Sedarnya tidak berkisar
Sedarnya berdiri pada yang benar.*

(Tenas Effendy 2000, p.18)

Pengajaran yang dikenal pasti daripada ungkapan ini memperlihatkan sifat tahu diri yang diperlukan oleh pemimpin agar beliau tidak pernah lupa dan lalai dengan kedudukan dan tanggungjawab sebagai seorang yang telah diamanahkan oleh rakyat. Pemimpin yang tahu diri selalunya merendah diri dalam setiap tindakan yang diambil. Beliau mengetahui tanggungjawab yang diberikan bukan untuk menjadikan dirinya

tamak akan kuasa tetapi dapat menjadikan diri beliau lebih berusaha dan amanah dalam menjalankan tugas.

4.1.6 Nilai Merendah Diri

Pemimpin yang merendah diri dikatakan sebagai pemimpin yang tidak sombong dan sanggup mengetepikan kesenangan diri demi rakyat. Seseorang pemimpin haruslah mempunyai nilai merendah diri dalam menjalankan tugas supaya dihormati dan disayangi oleh rakyat. Nilai merendah diri menjadikan pemimpin itu tidak sombong dan murah hati. Kerendahan hati yang dimiliki oleh pemimpin membuatkan beliau mudah didekati oleh rakyat. Sifat merendah diri atau tidak takbur menuntut pemimpin untuk tidak bersifat angkuh atau membangga diri secara berlebihan sama ada dengan perbuatan, perkataan atau sikap sehingga menyebabkan orang lain berasa tidak senang. Hal ini bermakna, pemimpin mestilah merendah diri kerana sesuatu yang dimiliki hanya kurniaan daripada Allah semata-mata (Husin@Ibrahim Mamat 2007, p.181). Berikut merupakan contoh ungkapan pemimpin yang mengandungi nilai merendah diri:

(109) *Menjadi pemimpin bagaikan anak
Kepada rakyat ia berbapak
Tahu dirinya berakal pandak
Tahu pengalaman belum banyak
Tahu kepada beban dibawak
Tahu amanah yang patut disimak.*

*Dijadikan pemimpin tuahnya nampak
Kecilnya menakah besarnya bijak
Menyandang tugas pantang mengelak
Memimpin umat tuahnya banyak.*

*Dijadikan tua usah dianjak
Dijadikan induk sayang ke anak
Memimpin negeri tuahnya tegak.*

(Tenas Effendy 2000, p.46-47)

Pengajaran yang terdapat dalam ungkapan pemimpin dalam contoh (109) menuntut seseorang pemimpin supaya merendah diri dalam setiap perbuatan walaupun sebenarnya beliau mempunyai kuasa dan kedudukan yang lebih tinggi dalam masyarakat. Bagi pemimpin yang masih baharu dan muda, sifat merendah diri dituntut dalam menjalankan tugas berikutan masih kurang pengalaman dan ilmu dalam memerintah sesebuah negeri. Bagi pemimpin yang sudah lama berkhidmat, sifat merendah diri ini digunakan dengan mendengar pandangan dan pendapat daripada orang lain terutamanya pandangan dan pendapat daripada orang yang lebih muda. Pandangan dan pendapat daripada orang muda tidak harus diabaikan walaupun mereka masih kurang ilmu dan pengalamannya. Pertukaran pandangan dan pendapat yang dilakukan dapat mengukuhkan lagi kedudukan sesebuah negeri.

4.1.7 Nilai Sopan santun

Menurut Tenas Effendy (2000), nilai sopan santun boleh dilihat dalam contoh ungkapan (110):

- (110) *Di dalam majlis bermuka manis
Di dalam helat duduk bersifat
Di dalam rumah beramah-tamah
Di dalam dusun tuntun-menuntun
Di dalam kampung tolong-menolong
Di dalam negeri beri-memberi
Di dalam kota rasa-merasa.*

(Tenas Effendy 2000, p.5)

Sifat sopan santun bukan sahaja dapat dilihat melalui percakapan dan tutur kata yang baik, malah dapat juga dilihat dari perwatakan yang terpuji serta air muka yang manis. Seseorang pemimpin bukan sahaja disuruh mempunyai percakapan dan tutur kata yang sopan, air muka atau memek muka seharusnya kelihatan manis dan sopan juga. Pemimpin yang mempamerkan air muka yang manis senang didekati dan disenangi oleh

rakyatnya. Seseorang pemimpin yang mempunyai kuasa perlu mempunyai keperibadian yang mulia. Oleh itu, rakyat yang berada di bawah pimpinannya akan berasa selamat. Pemimpin yang mempunyai keperibadian mulia mempunyai segala sifat cemerlang, seperti penampilan fizikal yang menyenangkan, akhlak yang mulia, pemikiran yang waras, emosi yang stabil dan perhubungan kemanusiaan yang baik (Husin@Ibrahim Mamat 2007, p.79-80).

Oleh itu, seseorang pemimpin haruslah bercakap dan berbual dengan sopan serta berwajah manis semasa berjumpa dan berbual dengan rakyat terutamanya dalam upacara atau kenduri yang dibuat oleh rakyat, tidak kira sama ada kepada yang lebih tua mahupun yang lebih muda daripada beliau.

4.1.8 Nilai Berhati-hati atau cermat

Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai seorang pemimpin, sifat berhati-hati atau cermat perlu ada dalam keperibadian seseorang pemimpin. Sifat berhati-hati atau cermat dalam berbicara dan membuat keputusan dapat membantu seorang pemimpin agar tidak berbicara mengenai perkara yang tidak penting dan palsu serta bersifat terburu-buru dalam membuat keputusan. Nilai berhati-hati atau cermat ini dapat membantu pemimpin dalam setiap langkah atau keputusan yang diambil supaya beliau lebih berjaga-jaga dalam semua tindakan. Tambahan pula, pemimpin akan lebih berhati-hati dengan orang-orang yang bersifat hipokrit yang bertujuan untuk menjatuhkan negeri. Contoh ungkapan (111) merupakan ungkapan pemimpin yang mempunyai nilai berhati-hati atau cermat.

(111) *Dalam memimpin sikapnya cermat
Bertelinga nyaring tajam melihat.*

*Dalam berkata lidahnya hemat
Dalam bekerja berjimat-jimat*

*Hatinya teguh imannya kuat
Janji diturut sumpah diingat.*

*Dijadikan pemimpin sejahtera rakyat
Dijadikan tua tahu berhemat
Dijadikan induk ia amanat*

*Dijadikan tiang tegaknya kuat
Negeri sentosa sejahteralah umat.*

(Tenas Effendy 2000, p.79-80)

Pengajaran yang terselit dalam ungkapan ini memaparkan kepentingan sifat berhati-hati atau cermat yang perlu ada dalam diri setiap pemimpin supaya pemimpin akan lebih menjaga dan berwaspada dalam pertuturan dan tindakan yang diambil. Sifat berhati-hati atau cermat ini dapat membantu pemimpin untuk membuat keputusan yang terbaik untuk negeri dan rakyat. Setiap tindakan atau keputusan yang dibuat harus difikirkan dengan cermat dan berhemah supaya pemimpin tidak bersifat terburu-buru dalam membuat sebarang keputusan, terutama keputusan yang berkaitan dengan nasib rakyat dan negeri.

4.1.9 Nilai Pemurah

Nilai pemurah atau dermawan merupakan nilai yang disanjung tinggi oleh masyarakat Melayu yang melalui sikap seperti ini dapat mewujudkan masyarakat yang prihatin, penyayang dan bekerjasama untuk suasana yang lebih harmoni (Mohd Rashid Md Idris 2011, p.214). Nilai pemurah dapat dilihat seperti contoh (112) yang menurut Tenas Effendy (2000):

(112) *Iman teguh hati pemurah
Ikhlas membantu orang yang lemah.*

*Rajin menolong orang yang susah
Muka manis mulut peramah
Hidup memegang janji dan sumpah*

Bekerja menuruti petua amanah.

Dijadikan pemimpin banyaklah berkah

Dijadikan tua hatinya rendah

Dijadikan induk ia peramah

Memimpin negeri tuah bertambah.

(Tenas Effendy 2000, p.127-128)

Ungkapan pemimpin dalam contoh (112) mengandungi nilai pemurah. Sifat pemurah merupakan sifat kemurahan hati yang dimiliki oleh seseorang. Bagi pemimpin, sifat pemurah ini seharusnya diberikan kepada rakyat. Pemimpin sanggup membantu dan memberi pertolongan kepada rakyat agar kesejahteraan rakyat terjamin. Dalam konteks memberi bantuan atau pertolongan, pemimpin tidak berkira atau tidak kisah untuk memberi bantuan kepada rakyat.

Oleh itu, sebagai pengajarannya, sifat pemurah ini sememangnya sifat yang perlu ada dalam diri setiap pemimpin. Seseorang pemimpin haruslah sanggup bersusah dan berkorban demi membantu rakyat walaupun pemimpin terpaksa menanggung kesusahan. Nilai ini harus diambil iktibar oleh masyarakat, khususnya kepada pemimpin mahupun bakal pemimpin agar selalu menerapkan nilai ini dalam diri setiap pemimpin.

4.1.10 Nilai Mematuhi Adat

Satu daripada ciri budaya dalam masyarakat Melayu ialah kepekaan terhadap peranan dan keutuhan adat dalam kehidupan mereka yang menuntut seluruh aktiviti masyarakat disesuaikan dengan kehendak dan peraturan adat yang dianggap sebagai undang-undang (Harun Mat Piah 2004, p.15). Dalam konteks kepimpinan, seseorang pemimpin yang mematuhi adat dianggap sebagai pemimpin terpuji kerana benar-benar menghayati dan mengamalkan nilai-nilai luhur agama dan adat istiadat serta norma-norma sosial

masyarakat. Pemimpin yang mematuhi adat menunjukkan ketinggian dan kepatuhan beliau dalam mengikuti adat resam yang telah diamalkan sejak dahulu lagi. Pandangan ini turut dipersetujui oleh Harun Mat Piah (2004) yang menurut beliau, adat merupakan tanda masyarakat atau bangsa yang bermaruah. Berikut merupakan contoh ungkapan pemimpin yang menerangkan nilai mematuhi adat:

(113) *Menjadi pemimpin menuruti adat
Iman kukuh amal pun taat
Fikiran jernih hati pun bulat
Terhadap yang susah ia berminat
Terhadap yang senang tiada menjilat
Mana yang jauh ia perdekot
Mana yang jarang ia perapat.
Dijadikan pemimpin sentosa rakyat
Dijadikan tua ianya tepat
Dijadikan teladan ia bersifat
Dijadikan induk besar manfaat
Negeri sentosa umat selamat.*

(Tenas Effendy 2000, p.30)

Sebagai pengajaran, walaupun berada pada zaman moden, seorang pemimpin tidak seharusnya lupa pada adat resam budaya Melayu supaya adat ini terus diguna dan diamalkan. Pengaplikasian adat resam dalam kehidupan seharian tidak menjadikan seseorang pemimpin itu mundur atau ketinggalan zaman, bahkan akan dipandang tinggi oleh rakyat. Negeri yang masih mengamalkan adat resam dalam mana-mana upacara masih mengekalkan budaya Melayu dalam kehidupan mereka. Namun, adat resam yang digunakan seharusnya tidak menyalahi syarak yang digariskan oleh agama Islam. Hal ini turut disokong oleh Mohd Rashid Md Idris (2011) yang menurut beliau, walaupun budaya Melayu menekankan kepentingan menuruti adat, namun tidak semestinya masyarakat Melayu perlu bersikap menuruti tanpa memikirkan buruk baiknya.

4.1.11 Nilai Ikhlas

Sifat ikhlas dituntut dalam diri seseorang pemimpin supaya ikhlas dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab. Sifat ikhlas ini menjadikan seseorang pemimpin itu terpuji dan dipandang mulia oleh rakyatnya. Pemimpin seharusnya ikhlas dalam setiap perkara yang dilakukan, terutamanya dalam mentadbir negeri. Nilai ikhlas ini menuntut pemimpin untuk tulus dan tidak mengharapkan balasan atas segala jasa atau pengorbanan yang telah dilakukan. Nilai ikhlas ini dapat dilihat pada contoh ungkapan pemimpin (114):

(114) *Ikhlas menolong tak harap sanjung
Ikhlas berbudi tak harap puji.*

Ikhlas berkorban tak harap imbalan

Ikhlas bekerja tak harap upah.

Ikhlas memberi tak harap ganti

Ikhlas mengajar tak harap ganjar

Ikhlas memerintah tak harap sembah.

(Tenas Effendy 2000, p.17)

Sebagai pengajaran, seseorang pemimpin harus ikhlas dalam menjalankan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh rakyat. Segala tugas yang diberikan harus dijalankan dengan rela hati tanpa sebarang niat yang tidak baik, tidak mengharapkan balasan dan pujian daripada rakyat. Sifat ikhlas ini membuatkan pemimpin untuk rela hati dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepadanya. Pemimpin yang ikhlas tidak sesekali meminta budi dan jasanya dibalas serta dipuji oleh rakyat.

4.1.12 Nilai Adil

Ungkapan (115) merupakan contoh ungkapan pemimpin yang bersifat adil:

(115) *Menjadi pemimpin adil dan benar*

*Tidak memilih kecil dan besar
Petua diingat amanah didengar
Terhadap yang buruk ia tak gemar
Pada yang baik ia mengakar
Fikiran panjang hati penyabar.*

*Dijadikan pemimpin manfaat besar
Hukum tegak syarak mengakar
Adat lembaga sama tiada tercemar
Negeri yang kecil menjadi besar
Tegak kukuh sayap pun lebar.*

(Tenas Effendy 2000, p.31)

Pemimpin yang adil merupakan pemimpin yang benar dan jujur dalam melaksanakan tanggungjawab dan kewajipan sebagai ketua negeri. Pemimpin yang adil tidak akan sesekali mengamalkan sifat berat sebelah, terutamanya dalam hal menjatuhkan hukuman kepada pesalah. Pemimpin yang adil juga sanggup bekerja keras dalam menegakkan keadilan. Budaya Melayu amat mementingkan sifat adil dalam diri setiap individu, khususnya pemimpin yang diharap dapat membawa kesejahteraan kepada rakyat dan negara.

Merujuk Azizan Bahari (2008), pemimpin yang adil sentiasa mementingkan soal kesaksamaan dan keadilan dengan melayan setiap rakyat dengan saksama dan memastikan peraturan yang sama bagi semua. Pandangan ini turut diakui oleh Husin@Ibrahim Mamat (2007) yang menurut beliau pemimpin yang adil akan bertindak secara saksama dalam semua hal dan tidak suka kepada sebarang bentuk kezaliman.

Pengajaran yang terdapat dalam ungkapan di atas memperlihatkan sifat adil yang perlu ada dalam diri seseorang pemimpin. Seorang pemimpin harus adil dan benar dalam menjalankan tanggungjawab tanpa memilih sama ada kepada kanak-kanak atau orang dewasa. Dalam menjatuhkan hukuman, pemimpin mestilah adil dalam membuat keputusan tanpa memihak kepada mana-mana pihak. Sifat adil yang dimiliki oleh seseorang pemimpin menjadikan dirinya disayangi dan dihormati oleh rakyat serta membawa kebahagiaan kepada rakyat dan negara.

4.1.13 Nilai Amanah

Amanah merupakan sifat taat setia dalam memegang janji dan menjalankan tugas. Pemimpin yang amanah ialah pemimpin yang patuh dan taat dalam menjalankan kewajipan sebagai seorang pemimpin serta memegang teguh pada janji yang dimeterai. Nilai amanah menjadikan pemimpin itu dimulia dan dipercayai oleh rakyatnya. Sifat amanah yang dimiliki oleh pemimpin menjadikan seseorang pemimpin itu dipercayai untuk menyempurnakan sesuatu tanggungjawab yang diserahkan kepadanya. Oleh itu, pemimpin yang amanah hendaklah melaksanakan tugas yang diberikan dengan sebaik mungkin dan tidak boleh mengkhianati serta mempersia-siakan harapan rakyat (Husin@Ibrahim Mamat 2007, p.180). Ungkapan (116) memperlihatkan nilai amanah yang dimiliki oleh pemimpin:

(116) *Menjadi pemimpin ia amanah
Taat memegang janji dan sumpah
Terhadap rakyat ia peramah
Terhadap sahabat ia pemurah
Dalam bekerja ia semenggah
Dalam bercakap berhalus lidah.*

*Dijadikan pemimpin membawa berkah
Bersamanya tegak tuah dan maruah.
Dijadikan tua besar faedah
Umat sentosa rezeki bertambah.
Dijadikan induk ia ternama
Negeri terjaga umat terpelihara.*

(Tenas Effendy 2000, p.43-44)

Oleh itu, daripada ungkapan ini, seorang pemimpin mestilah amanah dalam menjalankan tanggungjawab. Amanah dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diberikan kepada pemimpin haruslah dijalankan dengan sehabis baik. Segala janji atau rahsia haruslah dipegang erat oleh pemimpin agar terus dipercayai oleh rakyat. Nilai amanah ini bukan sahaja menjadikan pemimpin itu dipandang mulia, bahkan hubungan antara rakyat dengan pemimpin juga menjadi semakin erat.

Pemimpin yang mempunyai nilai amanah membawa manfaat atau faedah yang besar kepada rakyat dan negeri.

4.1.14 Nilai Berani

Merujuk Mohd Rashid Md Idris (2011), pemimpin yang berani ditafsirkan sebagai pemimpin yang tidak takut untuk menegakkan keadilan, berani melawan musuh yang berniat untuk mengganggu-gugat keamanan negeri, berani menyuarakan pendapat dan berani mempertahankan rakyat. Nilai berani dapat dilihat seperti contoh ungkapan (117):

(117) *Hatinya keras gagah berani
Mentaati sumpah memegang janji.*

*Di atas yang benar ia berdiri
Kepada yang hak ia mengabdikan.
Budi mulia elok pekerti
Menghadapi musuh berani mati.
Dijadikan pemimpin ia terpuji
Dijadikan tua sempurna budi
Dijadikan induk tuah menjadi
Dijadikan tiang teguh berdiri.*

(Tenas Effendy 2000, p.63)

Pemimpin yang berani disanjung dan dimuliakan oleh rakyat kerana pemimpin tersebut dapat menjadi perlindungan dan harapan rakyat dan negeri. Seseorang pemimpin yang berani tidak takut untuk menegakkan keadilan demi kesejahteraan rakyatnya. Pemimpin yang berani dipercayai oleh rakyat kerana rakyat berasa selamat dan yakin bahawa pemimpin tersebut mampu memberi perlindungan dan bantuan kepada rakyat dan negeri. Hamka (1973) menyatakan pemimpin sejati ialah pemimpin yang berani menyatakan pendirian kerana beliau yakin berada di pihak yang benar dan mempunyai pendirian yang kukuh.

Selain itu juga, jika dilihat dalam konteks kepimpinan Islam, pemimpin wajib menegakkan kebenaran Islam walaupun ia menggugat darjat, pangkat atau kedudukan seorang manusia dan pada masa yang sama, tanggungjawab dalam memerintah negeri harus dijalankan walaupun ia dirasakan berat atau sukar (Husin@Ibrahim Mamat 2007, p.158).

Pemimpin yang mempunyai nilai ini berani menegakkan hak rakyat dan negeri. Ungkapan pemimpin di atas memberi pengajaran bahawa pemimpin mestilah memiliki sifat berani supaya dapat memberi perlindungan kepada rakyat. Keadilan dan kebenaran haruslah ditegakkan oleh pemimpin tanpa berasa gentar. Sifat berani ini membuatkan seseorang pemimpin dihormati dan disanjung oleh rakyat. Keberanian yang dimiliki oleh pemimpin membuatkan beliau digeruni dan dipandang tinggi oleh musuh-musuh beliau. Secara tidak langsung, nama pemimpin tersebut menjadi sebutan bukan sahaja oleh pihak musuh, malah seluruh negeri.

4.1.15 Nilai Jujur

Nilai jujur ialah satu daripada nilai asas yang terdapat dalam budaya Melayu. Pemimpin yang jujur menjalankan tanggungjawab dengan betul dan amanah. Pemimpin yang jujur akan bercakap benar dan tidak berbohong. Ketidakjujuran akan menimbulkan kesangsian atau kecurigaan serta menjadikan seseorang pemimpin itu tidak boleh dipercayai atau diharapkan (Azizan Bahari 2008, p.123). Sifat penyelewengan atau tidak jujur merupakan kepantangan yang harus dijauhi oleh pemimpin. Pemimpin dituntut bukan sahaja jujur dalam percakapan, malah harus jujur dalam setiap perbuatan atau tingkah laku yang dibuat. Ungkapan (118) merupakan contoh ungkapan pemimpin yang membicarakan mengenai nilai jujur:

(118) *Sebagai pemimpin lurus dan jujur
Beroleh rahmat ia bersyukur
Hidup merakyat rukun dan akur
Negeri sentosa rakyat pun makmur
Pemerintahan adil serba teratur
Amanah dan janji tiada luntur.*

*Dijadikan pemimpin patut bersyukur
Dijadikan tua menurut alur
Dijadikan induk tegangnya kendur
Memimpin negeri namanya masyhur.*

(Tenas Effendy 2000, p.109)

Pengajaran yang terkandung dalam ungkapan pemimpin (118) memerlukan pemimpin supaya bersifat jujur agar dipercayai oleh rakyat. Tambahan pula, sifat jujur yang dimiliki oleh pemimpin menjadikan kehidupan rakyat teratur, aman dan makmur. Pemimpin dituntut bukan sahaja jujur dalam pertuturan malah haruslah jujur dalam setiap tindakan dan perbuatan yang dilakukan. Pemimpin yang mempunyai sifat jujur ini disayangi oleh rakyat. Rakyat meletakkan sepenuh kepercayaan dalam mentadbir negeri kepada pemimpin yang mempunyai sifat jujur ini.

4.1.16 Nilai Menyayangi dan Mengasihi Rakyat

Satu daripada sifat penting yang harus dimiliki oleh pemimpin ialah sifat menyayangi dan mengasihi rakyat. Nilai ini merupakan nilai yang dituntut kepada pemimpin agar menyayangi dan mengasihi rakyat dengan ikhlas dan sepenuh hati. Kasih sayang pemimpin kepada rakyat menjadikan pemimpin sanggup berkorban demi kesejahteraan dan kebahagiaan rakyatnya. Nilai ini menyebabkan pemimpin tidak sombong kepada rakyat serta mengeratkan lagi hubungan antara pemimpin dengan rakyat. Berikut merupakan contoh ungkapan pemimpin yang memperlihatkan nilai menyayangi dan mengasihi rakyat:

(119) *Menjadi pemimpin sifatnya agung
Sarak dipakai adat dijunjung
Negeri dijaga rakyat dilindung
Kasihnya panjang sayang bersambung.*

*Kepada yang miskin tiada sombong
Kepada yang kaya tiada menyanjung.*

*Dijadikan pemimpin sejahtera kampung
Bersama rakyat rezeki melimpah.*

*Dijadikan induk membawa berkah
Wibawanya besar tuah bertambah
Umatnya tidak mengenal susah.*

(Tenas Effendy 2000, p.34)

Pengajaran yang terkandung daripada ungkapan ini menunjukkan sifat penyayang dan mengasihi rakyat yang perlu ada dalam diri pemimpin. Kasih sayang yang diberikan oleh pemimpin kepada rakyat menyebabkan pemimpin tersebut disanjung dan dipandang tinggi oleh rakyat dan dipercayai dapat memberi kebahagiaan dan kesejahteraan kepada negeri. Pemimpin dituntut untuk menyayangi dan mengasihi rakyat tanpa memandang pangkat, harta dan umur. Kasih sayang yang perlu diamalkan oleh pemimpin bukan sahaja merangkumi aspek menggunakan tutur kata yang manis dan sopan, malah memberi keselesaan dan kesenangan kepada rakyat dan negeri dengan berkhidmat sehabis baik.

4.1.17 Nilai Memegang Janji

Seseorang pemimpin yang berpegang pada janji akan menunaikan segala yang telah disanggupi atau melaksanakan apa yang telah diikrarkan (Husin@Ibrahim Mamat 2007, p.182). Tenas Effendy menyatakan:

(120) *Memegang janji ia setia
Memegang sumpah sehabis daya
Menjalankan tugas tak sia-sia*

Hatinya teguh tiada goyah.

(Tenas Effendy 2000, p.155)

(121) *Berjanji teguh berpantang mungkir
Menjalankan tugas tiada mungkir
Bersih batin sempurna lahir.*

(Tenas Effendy 2000, p.88)

Berpegang teguh pada janji yang telah dimeterai, memperlihatkan pemimpin yang mempunyai pendirian yang tetap, amanah dan bertanggungjawab dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepadanya. Rakyat begitu menyanjung tinggi pemimpin yang mempunyai sifat seperti ini. Ungkapan pemimpin di atas menunjukkan nilai memegang janji. Pemimpin haruslah memegang dan mengotakan janji dan sumpah yang telah dibuat agar dipercayai dan disayangi oleh rakyat. Seseorang pemimpin yang terpuji tidak akan memungkiri atau melanggar janji yang telah dibuat sebaliknya sedaya upaya untuk mengotakan janji tersebut. Sebagai pengajaran, seseorang pemimpin harus memegang dan mengotakan janji yang telah dibuat agar dipercayai oleh rakyat. Tambahan pula, sifat memegang janji menjadikan pemimpin itu seorang yang terpuji. Azizan Bahari (2008) menyatakan nilai memegang janji atau setia pada janji merupakan nilai yang menuntut kesetiaan dan kepatuhan kepada kata-kata yang telah diikat oleh seseorang.

4.1.18 Nilai Iman dan Taqwa kepada Allah

Masyarakat Melayu dan Islam saling melengkapi antara satu sama lain. Apabila berbicara mengenai masyarakat Melayu, agama Islam turut dibicarakan sama. Hal ini bersesuaian dengan kesantunan. Menurut Hashim Musa dan Halimah Pondo (2012), kesantunan ialah sebahagian daripada akhlak yang bukan setakat etika dan moral sahaja. Sememangnya perlakuan dan tindak tanduk yang beretika dan bermoral dianggap baik

dan murni kerana menyumbang dan memanfaatkan manusia lain, namun dalam pengajaran agama Islam segala tindak tanduk, perlakuan dan pertuturan yang baik itu mesti disertai niat yang ikhlas, iaitu hanya untuk mendapat keredhaan Allah semata-mata.

Mohd Rashid Md Idris (2011) berpandangan bahawa mereka yang beriman kepada Allah akan melaksanakan segala bentuk amanah yang telah dipertanggungjawabkan dengan sebaik mungkin ekoran mereka menyedari pengawasan Allah lebih tajam daripada pengawasan manusia. Tambah beliau lagi, mereka yang beriman, bersifat ikhlas dalam pekerjaan mereka, iaitu melakukan semata-mata untuk mendapat keredhaan Allah. Nilai iman dan taqwa ini dapat dilihat dalam contoh ungkapan (122):

(122) *Menjadi pemimpin sempurna iman
Perintah agama ia jalankan.
Petunjuk adat ia tegakkan
Undang dibuat ia teguhkan
Hatinya bersih luas pengetahuan
Amalnya banyak jadi teladan
Mulutnya manis laku pun sopan.*

*Dijadikan pemimpin bertuah badan
Dijadikan tua ia dimuliakan
Dijadikan induk ia dikemukakan
Dijadikan tiang ia menahan
Dijadikan tudung ia naungkan
Dijadikan contoh ia handalan
Memimpin umat penuh kesentosaan.*

(Tenas Effendy 2000, p.102)

Pemimpin yang mempunyai nilai iman dan ketaqwaan yang tinggi kepada Allah merupakan pemimpin yang menjalankan tanggungjawab dan kewajipan memerintah atau mentadbir negeri hanya niat untuk mendapat keredhaan Allah. Keimanan dan ketaqwaan yang dimiliki oleh seorang pemimpin menjadikan sebuah negeri itu aman kerana pemimpin akan menjalankan tugas berlandaskan agama Islam. Segala sifat-sifat buruk dan keji yang boleh mendatangkan mudarat kepada rakyat akan dijauhi manakala sifat-sifat yang terpuji membawa kesejahteraan rakyat akan diikuti dan diamalkan.

4.2 Rumusan

Melalui analisis data yang telah dijalankan didapati ungkapan Melayu yang wujud dalam buku *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu (2000)* mengandungi nilai dan pengajaran yang berguna bukan sahaja kepada pemimpin dan bakal pemimpin, tetapi juga kepada masyarakat. Sebanyak 18 nilai yang telah ditemui dalam bahan kajian. Antara nilai asas budaya Melayu yang terkandung dalam bahan kajian ialah nilai mulia budi, nilai rajin, nilai bertanggungjawab, nilai sabar, nilai tahu diri, nilai merendah diri, nilai sopan santun, nilai berhati-hati atau cermat, nilai pemurah, nilai mematuhi adat, nilai ikhlas, nilai adil, nilai amanah, nilai berani, nilai jujur, nilai menyayangi dan mengasihi rakyat, nilai memegang janji dan nilai iman dan taqwa kepada Allah. Nilai-nilai asas ini seharusnya dipraktik dan digunakan oleh pemimpin agar menjadi pemimpin yang sempurna di mata rakyat. Selain itu juga, dapatlah dilihat bahawa masyarakat Melayu amat mementingkan nilai-nilai asas ini yang dianggap sebagai sifat yang perlu ada dalam diri setiap pemimpin.

BAB 5: PENUTUP

5.0 Pendahuluan

Bab ini merupakan bab penutup yang membuat kesimpulan kepada perbincangan dalam bab-bab terdahulu. Rumusan kajian, implikasi, cadangan dan cadangan kajian lanjutan turut disertakan dalam bab ini.

5.1 Rumusan Kajian

Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti aspek kesantunan berbahasa dalam ungkapan Melayu yang terdapat dalam buku *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu (2000)* karya Tenas Effendy. Aspek kesantunan berbahasa yang terdapat dalam bahan kajian dianalisis dengan berpandukan Prinsip Kesopanan Leech (1993). Bagi mengimbangi huraian, beberapa pandangan pengkaji tempatan mengenai kesantunan berbahasa turut disertakan. Di samping itu juga, nilai dan pengajaran yang terdapat dalam bahan kajian dikupas dan dibincangkan agar dapat digunakan sebagai pengajaran kepada masyarakat, khususnya kepada pemimpin mahupun bakal pemimpin.

Kesimpulan hasil dapatan ini berlandaskan tiga objektif kajian yang telah dinyatakan dalam Bab 1, iaitu mengenal pasti ciri-ciri kesantunan berbahasa dalam bahan kajian dengan menggunakan Prinsip Kesopanan Leech (1993); menganalisis ciri-ciri kesantunan berbahasa dalam bahan kajian dengan menggunakan Prinsip Kesopanan Leech (1993); dan menghuraikan nilai dan pengajaran yang terdapat dalam buku *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu (2000)* karya Tenas Effendy.

5.1.1 Ciri-ciri Kesantunan Berbahasa

Berdasarkan analisis terhadap bahan kajian, didapati kesemua maksim kesopanan yang telah diperkenalkan oleh Leech dikenal pasti wujud dalam buku *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu (2000)*, iaitu maksim santun, maksim kedermawanan, maksim sokongan, maksim kerendahan hati, maksim persetujuan dan maksim simpati.

Maksim santun merupakan maksim yang menggalakkan ungkapan pendapat yang beradab, sopan santun dan bukannya pendapat yang biadab. Melalui maksim ini, penutur berusaha untuk meminimumkan beban bagi orang lain, iaitu pendengar, dan dalam masa yang sama, memaksimumkan manfaat bagi pendengar. Maksim santun ini boleh diterapkan pada kategori ilokusi imposif, iaitu dalam konteks menyuruh dan kategori komisif, iaitu berjanji dan bersumpah.

Maksim kedermawanan ialah maksim yang memperlihatkan pengujaran yang memberi keuntungan minimum bagi diri sendiri dan lebih menumpukan perhatian kepada manfaat atau keuntungan dan juga beban bagi diri sendiri. Maksim ini merujuk kepada cara dalam melahirkan kesopanan dengan melihat maksud ujaran penutur dan seterusnya melahirkan lakuan bahasa yang bersesuaian serta memenuhi ciri-ciri kesantunan.

Selain itu, maksim sokongan merupakan maksim yang memerlukan penutur menggunakan kata-kata yang berunsur pujian dan perkataan yang digemari oleh pendengar. Maksim ini menggunakan ujaran ungkapan memuji untuk tujuan menyokong dan memberi semangat kepada pendengar. Maksim kerendahan hati pula ialah maksim yang lebih memusatkan perhatian kepada diri sendiri dalam usaha melahirkan ujaran yang bersopan. Dalam maksim ini, penutur dianggap sebagai seseorang yang merendah diri, tidak sombong dan baik hati.

Seterusnya, maksim persetujuan. Dalam maksim ini, sebarang pernyataan tidak setuju atau pernyataan yang boleh membawa kepada perbalahan akan diminimumkan oleh penutur sama ada secara langsung atau dengan cara memendamkannya walaupun pada hakikatnya penutur tidak bersetuju. Yang terakhir ialah maksim simpati. Maksim simpati akan dipatuhi oleh penutur apabila penutur meminimumkan pendapat yang mengakibatkan rasa benci dan dalam masa yang sama memaksimumkan rasa kasihan dan simpati antara diri sendiri dengan pendengar.

5.2.2 Kesantunan Berbahasa dalam Ungkapan Melayu

Secara kesimpulannya, daripada 194 ungkapan yang diteliti, sebanyak 130 kekerapan yang terdiri daripada enam maksim kesopanan ditemui dalam bahan kajian. Maksim yang paling banyak ditemui dalam bahan kajian ialah maksim santun, iaitu nilai kekerapan sebanyak 44 kali dengan peratusan 33.8%. Maksim yang paling sedikit ditemui pula ialah maksim simpati dengan peratusan sebanyak 3.1%, iaitu empat kali kekerapan. Maksim kedermawanan mencatat peratusan sebanyak 24.6%, iaitu 32 kali kekerapan, diikuti dengan maksim kerendahan hati, iaitu sebanyak 20 kali kekerapan dengan peratusan 15.4%, maksim persetujuan sebanyak 17 kali kekerapan, iaitu nilai peratusan 13.1% dan maksim sokongan mencatat nilai peratusan sebanyak 10%, iaitu nilai kekerapan 13 kali.

Maksim santun yang ditemui dalam bahan kajian ini telah dibahagikan kepada beberapa aspek, iaitu bermuka manis, mempunyai pertuturan yang baik, beradab sopan, bijaksana dalam berbicara dan memegang janji. Bermuka manis mencatat kekerapan sebanyak sembilan kali, pertuturan yang baik sebanyak 11 kali kekerapan, beradab sopan sebanyak lapan kali kekerapan, bijaksana dalam berbicara enam kali kekerapan dan memegang janji sebanyak 10 kali kekerapan. Pemimpin dituntut supaya berwajah

manis semasa berkomunikasi dengan rakyat agar beliau tidak dianggap sebagai sombong, tidak kiralah kepada kanak-kanak mahupun orang yang lebih berusia daripadanya. Apabila berwajah manis, rakyat akan berasa selesa semasa berkomunikasi dengan pemimpin. Hal ini bertepatan dengan maksim santun, yang bercirikan agar beban kepada orang lain diminimumkan, manakala manfaat bagi orang lain haruslah dimaksimumkan. Selain itu, pemimpin harus mempamerkan air muka yang manis walaupun beliau sedang memikul masalah yang berat agar tidak diketahui oleh rakyat. Dalam masyarakat Melayu, kesantunan juga digambarkan daripada riak wajah yang dipamerkan oleh seseorang. Riak wajah yang dipamerkan mencerminkan perkara yang sedang difikirkan oleh seseorang. Masyarakat Melayu yang mementingkan amalan kesantunan dalam kehidupan seharian mengambil berat aspek riak wajah yang dipamerkan oleh seseorang. Jika dilihat dalam konteks pemimpin, seseorang pemimpin haruslah menunjukkan riak wajah yang manis ketika sedang berkomunikasi dengan rakyat.

Selain itu, kesantunan dalam masyarakat Melayu tidak terlepas daripada konsep air muka. Menurut Asmah Haji. Omar (2000), konsep air muka dalam budaya Melayu mempunyai peranan bukan setakat masa berlangsungnya komunikasi, tetapi menjangkau ruang lingkup yang lebih daripada itu meliputi didikan individu yang terlibat diperoleh daripada ibu bapa, guru dan kamu keluarga serta melibatkan maruahnya dan maruah keluarga.

Pemimpin disaran agar menggunakan pertuturan yang baik supaya komunikasi antara pemimpin dengan rakyat berjalan dengan lancar tanpa memberikan kesan yang negatif. Pemimpin cuba untuk tidak menggunakan bahasa yang boleh menimbulkan perasaan tidak senang kepada rakyat. Semasa berkomunikasi, pemimpin bukan sahaja perlu menggunakan bahasa yang baik, bahkan bahasa tersebut haruslah mempunyai makna dan memberi manfaat kepada pendengar.

Pemimpin haruslah menggunakan tutur kata yang sopan dan dilarang menggunakan tutur kata yang kasar atau biadab kepada rakyat. Penggunaan tutur kata yang sopan dan tidak kasar dapat membuat hati rakyat terjaga. Selain menuturkan kata-kata yang sopan, pemimpin juga dituntut agar mempunyai perangai yang senonoh. Kesantunan dalam budaya Melayu boleh dilihat daripada aspek berbudi bahasa yang bukan sahaja meliputi aspek pertuturan yang baik, malah meliputi aspek tingkah laku terpuji. Hal ini dipersetujui oleh Asmah Haji. Omar (2000) yang menurut beliau, kesopanan bukan sahaja boleh dilihat dari segi bahasa, malah turut dilihat dari segi tingkah laku atau sifat. Bukan sahaja bahasa yang dituturkan harus sopan, manis, bermakna dan sedap didengar, malah tingkah laku juga seharusnya sopan dan terpuji. Antara tingkah laku terpuji yang dapat dikesan dalam bahan kajian ialah adil, amanah, tahu diri, tegas, tetap pendirian, rajin, benar dan gigih.

Selain mempunyai pertuturan yang baik dan tingkah laku terpuji, beradab sopan juga merupakan ciri yang terdapat dalam maksim santun. Beradab sopan di sini bukan sahaja merujuk kepada perbuatan, bahkan dalam percakapan juga. Pemimpin yang mengamalkan adab sopan dalam kehidupan harian membuatkan rakyat berasa senang dan selesa semasa berkomunikasi. Budaya dalam masyarakat Melayu juga turut mementingkan nilai beradab sopan dalam kehidupan harian. Adab sopan yang ditonjolkan oleh individu, terutamanya pemimpin dijadikan ikutan oleh rakyat.

Pemimpin yang bijaksana dalam berbicara merupakan pemimpin yang menuturkan bahasa yang berisi ilmu, menggunakan perkataan yang disenangi oleh rakyat dan pandai dalam mengawal komunikasi. Di samping itu juga, pemimpin haruslah berpegang pada janji yang telah dimeterai bukan sahaja kepada rakyat, bahkan janji kepada Allah. Bagi masyarakat Melayu, kesantunan bukan sahaja setakat bercakap sopan, terpuji, sedap didengari dan manis, bahkan kesantunan juga merangkumi sifat bijaksana. Bijaksana di sini tidak terhad kepada bicara atau pertuturan sahaja, tetapi juga merangkumi

kebijaksanaan dalam tindakan. Sebagai pemimpin, bijaksana merupakan antara ciri yang perlu ada agar keputusan atau tindakan yang diambil membawa kepada kejayaan dan kebahagiaan kepada rakyat, khususnya negeri.

Pemimpin haruslah bijak dalam berbicara, bertutur dan mengeluarkan pendapat di samping perlu bijak dalam semua tingkah laku yang dilakukan. Pemimpin yang bijaksana bukan sahaja dipuji rakyat malah dipandang mulia oleh rakyat. Di samping itu juga, kebijaksanaan yang dimiliki oleh pemimpin menjadikan beliau sebagai rujukan dan panduan oleh rakyat. Pemimpin yang bijak ini dikatakan sebagai pemimpin yang mempunyai ilmu pengetahuan yang luas.

Di samping itu, memegang janji merupakan aspek yang terdapat dalam maksim santun. Seseorang pemimpin haruslah berpegang pada janji yang telah dimeterai agar dipercayai dan disenangi oleh rakyat. Apabila seseorang pemimpin itu memegang janji dan berusaha untuk mengotakannya, sifat mulia ini menjadikan beliau dipuji dan dimuliakan oleh rakyat. Kesantunan dalam masyarakat Melayu bukan sahaja mementingkan seseorang yang berpegang pada janji, malah turut memegang teguh pada agama dan adat resam.

Dalam budaya Melayu, kesantunan berkait rapat dengan agama Islam, dengan ciri-ciri kesantunan dalam budaya Melayu berteraskan agama Islam. Dalam ajaran Islam, sesuatu perlakuan dan tindakan bukan sahaja bermanfaat kepada diri sendiri, bahkan kepada masyarakat. Ciri-ciri kesantunan dalam agama Islam dapat dilihat melalui sifat yang berteraskan ajaran Islam seperti sifat alim, beriman, tawakal, dan zuhud. Selain itu juga, pemimpin adat ialah pemimpin yang mengikuti segala peraturan adat yang telah diamalkan sejak nenek moyang lagi. Masyarakat Melayu tidak boleh dipisahkan dengan adat resam. Adat resam dalam masyarakat Melayu bagai sudah menjadi darah daging mereka. Masyarakat Melayu yang tidak mengamalkan adat dianggap lupa pada

susur galur sendiri. Bagi pemimpin, adat resam merupakan simbol dalam budaya Melayu.

Maksim kedermawanan merupakan maksim yang merujuk kepada cara dalam melahirkan kesopanan dengan melihat maksud ujaran penutur dan seterusnya melahirkan lakuan bahasa yang bersesuaian serta memenuhi ciri-ciri kesantunan. Antara sifat kedermawanan yang dimiliki oleh pemimpin ialah sifat kasih-mengasihi, keikhlasan, prihatin, kemurahan hati, dan sifat memberi pertolongan dan bantuan kepada orang lain. Sebanyak tujuh kali kekerapan yang dicatat bagi data kasih-mengasihi dan keikhlasan, lima kali kekerapan bagi prihatin, empat kali kekerapan bagi kemurahan hati dan sebanyak sembilan kali kekerapan bagi memberi pertolongan dan bantuan.

Sifat kasih-mengasihi haruslah ada dalam diri pemimpin. Perasaan kasih dan sayang pemimpin kepada rakyat membuatkan pemimpin sanggup membantu rakyat agar rakyat hidup dalam keadaan yang baik dan aman. Kesantunan dalam masyarakat Melayu dapat juga dilihat melalui sifat kasih-mengasihi. Kasih sayang ialah sifat terpuji yang dijunjung tinggi dalam kehidupan orang Melayu. Bagi masyarakat Melayu, berkasih sayang tidak hanya terbatas dalam ruang lingkup keluarga dan kaum kerabat, tetapi juga dalam bersahabat dan bermasyarakat (Tenas Effendy 2004, p.227).

Selain sifat kasih-mengasihi, pemimpin juga mesti mempunyai sifat keikhlasan. Sifat ikhlas ini menuntut pemimpin supaya menjalankan tanggungjawab dengan rela hati tanpa mengharapkan sebarang balasan daripada rakyat. Orang Melayu sangat mengutamakan dan menjunjung tinggi perlakuan yang tulus dan ikhlas dalam setiap perlakuan. Keikhlasan mencerminkan kejujuran, kebaikan hati dan sifat berterus terang yang dimiliki oleh seseorang. Orang Melayu diingatkan untuk menjalankan

tanggungjawab dan tugas yang telah diberikan dengan ikhlas dan tanpa mengharapkan imbalan.

Prihatin ialah sifat mengambil berat, menjaga dan membantu seseorang. Dalam konteks ini, pemimpin mengambil berat kesusahan dan kesulitan yang dialami oleh rakyat. Beliau sanggup mengehendkan kesenangan yang dimiliki agar dapat mengurangkan beban yang ditanggung oleh rakyat. Sifat prihatin yang ditunjukkan oleh seseorang individu menggambarkan nilai kesantunan dan kesopanan dalam masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu amat menitikberatkan sifat prihatin atau mengambil berat masalah orang lain. Seinggakan masyarakat Melayu dilabelkan sebagai 'suka menjaga tepi kain orang lain'. Dalam konteks pemimpin, seseorang pemimpin begitu mengambil berat masalah dan kesusahan rakyatnya.

Di samping itu, sifat kemurahan hati atau pemurah yang dimiliki oleh pemimpin menjadikan pemimpin dianggap sebagai seseorang yang dermawan dan baik hati. Pemimpin yang pemurah sanggup membantu rakyat dalam apa jua keadaan. Begitu juga dalam budaya masyarakat Melayu, sifat kemurahan hati yang dimiliki oleh seseorang pemimpin menuntut pemimpin membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat. Pemimpin yang pemurah sanggup berkorban demi membantu rakyat. Bukan sahaja sanggup berkorban harta, malah sanggup bersusah dan bersenang demi merasai kesusahan yang dialami oleh rakyat.

Pemimpin juga dituntut untuk menghulurkan pertolongan dan bantuan kepada rakyat agar rakyat berasa yakin dan bersyukur kerana mereka telah membuat pilihan yang tepat dalam memilih pemimpin. Sifat menghulurkan pertolongan atau bantuan begitu serasi dengan masyarakat Melayu. Dalam budaya masyarakat Melayu, sifat suka memberi pertolongan atau bantuan ini menggambarkan nilai kesantunan yang tinggi dimiliki oleh seseorang. Jika dilihat melalui konteks pemimpin, sifat ini menjadikan

pemimpin dipuji dan disayangi oleh rakyat. Pemimpin yang memahami tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh rakyat kepadanya tidak akan sesekali lepas tangan dalam menghulurkan bantuan kepada rakyat.

Maksim sokongan yang terdapat dalam bahan kajian lebih bersifat bentuk pujian dan sokongan. Sifat-sifat mulia dan terpuji yang dimiliki oleh pemimpin seperti baik hati, pemurah, dan prihatin membuatkan beliau disokong dan dipuji oleh rakyat. Dalam masyarakat Melayu, pujian dan sokongan diberikan kepada seseorang yang mempunyai sifat-sifat yang baik dan terpuji. Dalam konteks pemimpin, seseorang pemimpin yang benar, amanah dan rajin berusaha menjadikan sebuah negeri itu terkenal dan dihormati oleh negeri lain. Nama pemimpin akan dikenali disetiap pelosok negeri, bukan sahaja dikenali oleh penyokongnya, malah namanya turut dikenali oleh pihak lawan. Pemimpin seperti ini akan dipuji dan disayangi oleh rakyat. Rakyat akan selalu menyokong pemimpin seperti ini.

Maksim kerendahan hati merupakan maksim yang lebih memusatkan perhatian kepada diri sendiri dalam usaha melahirkan ujaran yang bersopan. Penutur akan dianggap sebagai merendah diri, tidak sombong dan baik hati. Maksim kerendahan hati telah dibahagikan kepada sifat rela berkorban dan merendah diri. Sifat rela berkorban mencatat nilai kekerapan sebanyak lapan kali, manakala sifat merendah diri mencatat kekerapan sebanyak 12 kali. Pemimpin hendaklah bersifat rela berkorban atas segala tindakan yang dibuat dalam menjalankan tanggungjawab. Sifat ini membuatkan pemimpin sanggup memaksimumkan beban terhadap diri sendiri dan dalam masa yang sama memberi kesenangan atau bantuan walaupun pemimpin terpaksa menanggung akibat atas segala tindakan yang diambil. Dalam masyarakat Melayu, sifat rela berkorban menjadikan individu itu dipandang tinggi oleh masyarakat. Sifat terpuji ini menuntut individu itu sanggup menghadapi kesusahan demi kepentingan orang lain. Masyarakat Melayu sanggup menanggung kesusahan dan kesulitan demi kesenangan

dan kemudahan orang lain walaupun dia sebenarnya boleh untuk tidak membantu orang lain.

Jika dilihat dalam konteks pemimpin, seseorang pemimpin sanggup bertahan walaupun terpaksa menghadapi kesulitan dan kesusahan semasa menjalankan tanggungjawab beliau. Hal ini dilakukan semata-mata demi kebahagiaan rakyat yang disayangi. Walaupun terpaksa berpanas, berhujan dan berkerja keras, pemimpin sanggup menahannya demi menjaga hak dan kewajipan rakyat.

Sifat merendah diri merupakan sifat tidak sombong, tawaduk dan sanggup mendapat tekanan atau kesusahan demi kesenangan orang lain. Pemimpin yang mempunyai sifat merendah diri menjadikan dirinya lebih disayangi oleh rakyat dan hubungan antara pemimpin dengan rakyat menjadi semakin erat. Selain mempunyai sifat merendah diri, pemimpin seharusnya bersifat tidak sombong kepada rakyat. Pemimpin tidak meninggi diri dan tidak berlagak dengan kuasa yang dimiliki walaupun beliau mempunyai kedudukan yang tinggi dalam masyarakat. Sifat merendah diri merupakan salah satu sifat terpuji yang terdapat dalam masyarakat Melayu. Sifat ini secara turun temurun dikekalkan dalam kehidupan harian mereka sehingga sudah sebatih dalam diri setiap masyarakat. Sifat merendah diri ialah cerminan dari kebesaran hati, keikhlasan dan tahu diri yang dimiliki oleh individu.

Satu daripada langkah yang digunakan oleh masyarakat Melayu dalam menjaga adab dan kesopanan adalah dengan menggunakan maksim persetujuan. Sebanyak 17 kali kekerapan ditemui dalam maksim ini. Maksim persetujuan digunakan supaya dapat mengelakkan atau mengurangkan ketegangan serta perbalahan semasa berkomunikasi. Dalam maksim ini, ungkapan setuju atau tidak setuju digunakan. Namun, dalam bahan kajian, pernyataan setuju atau tidak setuju tidak digunakan secara terus tetapi digambarkan dalam makna ungkapan. Melalui ungkapan pemimpin yang terdapat

dalam bahan kajian mencerminkan persetujuan apabila rakyat bersetuju dan mengiktiraf kedudukan pemimpin dalam masyarakat. Kadangkala masyarakat Melayu juga tidak menyatakan sesuatu perkara secara berterus terang. Apabila pemimpin menjalankan tanggungjawab dan tugas yang telah diamanahkan kepadanya dengan baik, secara tidak langsung rakyat bersetuju mengiktiraf pemimpin tersebut sebagai pemimpin yang layak dalam mentadbir negeri.

Maksim simpati merupakan maksim terakhir terdapat dalam Prinsip Kesopanan Leech (1993). Maksim simpati menuntut pemimpin bersifat simpati dengan nasib rakyatnya. Daripada sifat simpati ini, pemimpin akan berusaha untuk membantu dengan memberi kesenangan kepada rakyat. Pada masa yang sama, pemimpin juga dituntut untuk meminimumkan perasaan benci atau tidak puas hati terhadap rakyat agar tidak timbul perkara yang tidak baik terhadap rakyat. Sebanyak empat kali kekerapan yang ditemui dalam maksim ini. Sifat simpati yang dimiliki oleh masyarakat Melayu menuntut individu itu untuk turut sama merasa kesedihan, kesusahan dan kesulitan yang dialami oleh orang lain. Bagi masyarakat Melayu, sifat simpati yang terlahir dalam hati menyumbang terus kepada niat untuk membantu dan memberi pertolongan kepada orang lain. Dalam konteks pemimpin, seorang pemimpin berasa simpati dengan nasib yang dialami oleh rakyat dan membuatkan beliau begitu bersungguh untuk membantu meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat.

5.1.3 Nilai dan Pengajaran

Dari sudut analisis data yang telah dijalankan terhadap bahan kajian, didapati nilai dan pengajaran terkandung dalam bahan kajian. Nilai dan pengajaran ini berguna bukan sahaja kepada pemimpin dan bakal pemimpin, bahkan berguna kepada masyarakat. Nilai dan pengajaran yang terkandung dalam bahan kajian ini dijadikan sebagai garis

panduan kepada pemimpin supaya menjadi pemimpin yang disayangi dan disanjung oleh rakyat. Tambahan pula, nilai dan pengajaran ini seharusnya diambil ikhtibar dan dijadikan pedoman dalam menjalankan kehidupan seharian.

Antara nilai asas budaya Melayu yang dikenal pasti terkandung dalam bahan kajian ialah nilai mulia budi, nilai rajin, nilai bertanggungjawab, nilai sabar, nilai tahu diri, nilai merendah diri, nilai sopan santun, nilai berhati-hati atau cermat, nilai pemurah, nilai mematuhi adat dan nilai iman dan taqwa kepada Allah. Pemimpin haruslah mempunyai budi pekerti yang mulia supaya dapat menjadi contoh dan teladan kepada rakyat di samping tidak seharusnya menyalahgunakan kuasa sebagai pemimpin dengan menganayai rakyat. Oleh itu, pemimpin yang baik haruslah mendidik diri untuk mengamalkan sifat berbudi mulia dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh rakyat kepadanya. Selain itu juga, sifat rajin merupakan sifat yang dituntut dalam diri setiap pemimpin agar setiap tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dapat dijalankan dengan cepat dan betul.

Sifat tanggungjawab juga merupakan sifat yang perlu ada dalam diri pemimpin. Sebagai pemimpin, tanggungjawab terhadap rakyat haruslah menjadi keutamaan dalam memerintah sesebuah negeri. Oleh itu, seseorang pemimpin mestilah menanam sifat bertanggungjawab dalam diri agar dapat menjalankan tugas yang diberikan. Di samping itu, pemimpin dituntut agar mengamalkan sifat sabar dalam menjalankan tugas. Pemimpin haruslah mempunyai jiwa yang besar agar tidak mudah berputus asa walaupun mengalami pelbagai kesulitan.

Tahu diri merupakan sifat yang menuntut seseorang sedar atau mengetahui kedudukan dirinya. Seseorang pemimpin harus sedar dan tahu diri akan kedudukan dan tanggungjawab sebagai pemimpin. Pemimpin yang tahu diri selalunya merendah diri dalam setiap tindakan yang diambil. Sifat ini diperlukan oleh pemimpin agar beliau

tidak pernah lupa dan lalai dengan kedudukan dan tanggungjawab sebagai pemimpin yang telah diamanahkan oleh rakyat. Nilai merendah diri menuntut pemimpin supaya tidak sombong dan sanggup mengetepikan kesenangan diri demi rakyat. Kerendahan hati yang dimiliki oleh pemimpin membuatkan beliau mudah didekati oleh rakyat. Bagi pemimpin yang masih baharu dan muda, sifat merendah diri dituntut dalam menjalankan tugas berikutan masih kurang pengalaman dan ilmu dalam mentadbir sesebuah negeri.

Seterusnya ialah nilai sopan santun. Seseorang pemimpin bukan sahaja disuruh mempunyai percakapan dan tutur kata yang sopan, air muka atau memek muka seharusnya kelihatan manis dan sopan juga. Oleh itu, seseorang pemimpin haruslah bercakap dan berbual dengan sopan serta berwajah manis semasa berjumpa dan berbual dengan rakyat. Di samping itu, nilai berhati-hati atau cermat merupakan nilai yang terkandung dalam bahan kajian. Nilai berhati-hati atau cermat ini dapat membantu pemimpin dalam setiap langkah atau keputusan yang diambil supaya beliau lebih berjaga-jaga dalam semua tindakan.

Sifat pemurah sememangnya sifat yang perlu ada dalam diri setiap pemimpin. Seseorang pemimpin haruslah sanggup bersusah dan berkorban demi membantu rakyat walaupun pemimpin terpaksa menanggung kesusahan. Selain nilai pemurah, nilai mematuhi adat yang terdapat pada pemimpin menunjukkan ketinggian dan kepatuhan beliau dalam mengikut adat resam budaya Melayu. Walaupun berada pada zaman moden, pemimpin tidak seharusnya lupa pada adat resam budaya Melayu supaya adat itu terus diguna dan diamalkan.

Nilai seterusnya ialah nilai ikhlas. Sifat ikhlas ini menjadikan pemimpin itu terpuji dan dipandang mulia oleh rakyatnya. Seseorang pemimpin harus ikhlas dalam menjalankan tanggungjawab yang telah diamanahkan tanpa mengharapkan balasan dan

pujian daripada rakyat. Pemimpin yang adil merupakan pemimpin yang benar dan jujur dalam melaksanakan tanggungjawab dan kewajipan sebagai ketua negeri. Seseorang pemimpin harus adil dan benar dalam menjalankan tanggungjawab tanpa memilih sama ada kepada kanak-kanak mahupun orang dewasa.

Pemimpin yang amanah ialah pemimpin yang patuh dan taat dalam menjalankan kewajipan sebagai seorang pemimpin serta memegang teguh pada janji yang dimeterai. Nilai amanah ini bukan sahaja menjadikan pemimpin itu dipandang mulia, bahkan hubungan antara rakyat dan pemimpin juga menjadi semakin erat. Selanjutnya ialah nilai berani. Seseorang pemimpin yang berani, tidak takut untuk menegakkan keadilan demi kesejahteraan rakyatnya. Oleh itu, seseorang pemimpin mesti memiliki sifat berani supaya dapat memberi perlindungan kepada rakyat.

Di samping itu juga, antara nilai asas yang terdapat dalam budaya Melayu ialah nilai jujur. Nilai jujur menghendaki pemimpin jujur dalam tanggungjawab dengan betul dan amanah. Sifat jujur yang dimiliki oleh pemimpin menjadikan kehidupan rakyat teratur, aman dan makmur. Pemimpin dituntut bukan sahaja jujur dalam pertuturan malah haruslah jujur dalam setiap tindakan dan perbuatan yang dilakukan. Selain nilai jujur, nilai menyayangi dan mengasihi rakyat terdapat dalam bahan kajian. Nilai menyayangi dan mengasihi rakyat memerlukan pemimpin agar menyayangi dan mengasihi rakyat dengan ikhlas sepenuh hati.

Pemimpin haruslah mempunyai sifat memegang dan mengotakan janji yang telah dibuat. Selalunya, pemimpin yang memegang janji ini dipercayai dan disayangi oleh rakyat. Nilai terakhir ialah nilai iman dan taqwa kepada Allah. Pemimpin yang mempunyai iman dan taqwa yang tinggi kepada Allah merupakan pemimpin yang menjalankan tanggungjawab memerintah atau mentadbir negeri hanya niat untuk mendapatkan keredhaan Allah.

Secara keseluruhannya, buku *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu (2000)* karya Tenas Effendy mengandungi nilai kesantunan yang tinggi di samping mempunyai nilai dan pengajaran yang berguna kepada masyarakat. Prinsip Kesopanan Leech (1993) berjaya mengungkapkan nilai kesantunan yang terdapat dalam bahan kajian. Namun, memandangkan Prinsip Kesopanan Leech (1993) merupakan pendekatan sarjana Barat, maka pandangan beberapa orang sarjana tempatan diambil bagi mengimbangi data kajian.

5.2 Implikasi Kajian

Kajian yang dijalankan ini memberi beberapa implikasi. Antaranya, kepada masyarakat terutamanya pemimpin dan bakal pemimpin untuk lebih menerapkan amalan kesantunan dalam kehidupan seharian. Melalui kajian ini, pemimpin mahupun bakal pemimpin mengetahui sifat dan tanggungjawab yang perlu dimiliki oleh setiap pemimpin supaya dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan amanah dan sempurna. Selain itu, kajian yang dijalankan ini secara tidak langsung memberi kesan kepada karya persuratan terutamanya ungkapan agar lebih dihargai dan dipandang tinggi oleh masyarakat ekoran di dalamnya terkandung nilai-nilai kesantunan, nilai murni dan pengajaran yang berguna.

5.3 Cadangan

Setelah menganalisis bahan kajian, yang berikut merupakan cadangan-cadangan yang diutarakan dalam kajian ini:

5.3.1 Pihak Kerajaan

Kepada pihak kerajaan, dicadangkan agar dapat memperbanyak program-program yang bertujuan untuk meningkatkan nilai-nilai kesantunan dalam diri masyarakat yang sekarang ini dilihat semakin terhakis dan dilupakan. Program-program yang sedia ada seperti Kempen Budi Bahasa dan Nilai Murni diharap dapat ditambahbaikkan agar misi dan visi program tersebut tercapai. Pihak kerajaan juga diharap merangka program-program yang dapat menarik minat golongan belia untuk melibatkan diri dalam kegiatan yang dianjurkan oleh pihak kerajaan. Selain itu juga, pihak kerajaan diharap memantau pihak media massa dan media elektronik, dengan menitikberatkan rancangan-rancangan yang ditayangkan dengan menapis hiburan yang melalaikan dan tidak mempunyai nilai kesantunan.

5.3.2 Pihak Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pihak Penerbitan

Pihak Dewan Bahasa dan Pustaka serta pihak penerbitan lain diharap dapat menetengahkan hasil karya penulis-penulis karya persuratan seperti Tenas Effendy agar karya-karya ini dapat dibaca dan dihayati oleh masyarakat. Tambahan lagi, karya-karya persuratan ini merupakan satu daripada khazanah warisan budaya Melayu. Oleh itu, dengan menetengahkan hasil karya-karya persuratan ini secara tidak langsung dapat mempertahankan khazanah Melayu.

5.3.3 Pihak Pengajian Tinggi dan Sekolah

Pihak pengajian tinggi dan sekolah diharap lebih serius untuk menanam minat membaca dan menghayati karya-karya persuratan seperti pantun dan ungkapan-ungkapan Melayu dalam diri pelajar. Slot membaca bahan sastera harus diwujudkan agar mahasiswa dan

pelajar kembali membaca bahan-bahan berbentuk sastra ini. Tidak dinafikan, kecenderungan pelajar dalam penggunaan gajet semakin berleluasa sehingga menjadikan pelajar semakin kurang berminat untuk membaca bahan-bahan sastra. Oleh itu, pihak pengajian tinggi dan sekolah diharap dapat merangka program-program yang dapat menarik minat pelajar menghayati karya sastra dengan menggunakan gajet-gajet tersebut.

5.3.4 Penyelidik

Pengkaji berharap agar kajian mengenai kesantunan berbahasa, terutamanya kajian dari sudut kesantunan berbahasa dapat dijalankan dengan lebih banyak lagi, ekoran masih kurang kajian mengenai aspek ini, terutamanya kajian dalam karya persuratan. Karya-karya persuratan yang dimiliki oleh masyarakat Melayu diharap dapat diketengahkan agar generasi muda tidak lupa kepada khazanah Melayu yang agung ini.

5.4 Cadangan Kajian Lanjutan

Pengkaji berpendapat agar kajian mengenai kesantunan berbahasa terutamanya dalam karya persuratan seperti ungkapan dan pantun dapat diperbanyak dan dilakukan dengan lebih mendalam lagi dengan melihat kesantunan berbahasa dari sudut pandangan masyarakat Melayu dan agama Islam secara terperinci.

RUJUKAN

- A. Aziz Deraman, Lee Lam Thye, Jeniri Amir, Uthaya Sankar & Daniel Jebon Janaun. (2010). *Gagasan satu Malaysia melalui landasan seni dan budaya*. Kuala Lumpur, Malaysia: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Ab. Razak Ab. Karim. (2006). Strategi komunikasi dan kesopanan berbahasa dalam kalangan masyarakat Melayu tradisional: Kajian berdasarkan warkah-warkah Melayu lama dalam *Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu*. Diakses daripada laman sesawang <http://eprints.um.edu.my/8711/1/All.pdf>.
- Abd Ganing Laengkang. (2010). *Kesantunan bahasa dalam ceramah motivasi*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur, Malaysia: Universiti Malaya.
- Abdul Aziz Shamsuddin. (1999). *Pengetahuan moral*. Bangi, Malaysia: Penerbit Pelangi Sdn. Bhd.
- Abdul Hamid Mahmood. (2007). Kesantunan bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. *Jurnal Persatuan Linguistik*, 8, 1-19. Kuala Lumpur, Malaysia: Universiti Malaya.
- Abdullah Hassan. (2004). Bahasa ekspresif dan nilai Melayu. *Jurnal Persidangan Antarabangsa Peradaban Melayu Ke-11*, 2, 21.
- Abdullah Yassin. (1998). *Kesopanan berteraskan prinsip dan maksim Leech: Satu analisis teks Lembaga Budi*. Disertasi Sarjana. Kuala Lumpur, Malaysia: Universiti Malaya.
- Asmad. (1990). *Kebudayaan secara umum*. Melaka, Malaysia: Associated Educational Distributor (M) Sdn.Bhd.
- Asmah Omar. (2000). *Wacana perbincangan, perbahasan dan perundingan*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. (2002). *Setia dan santun bahasa*. Perak, Malaysia: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- _____. (2007). *Kesantunan bahasa dalam pengurusan pentadbiran dan media*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- _____. (2008). *Ensiklopedia bahasa Melayu*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun berbahasa*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizan Bahari. (2008). *Menjadi pemimpin*. Selangor, Malaysia: Qarya Sdn. Bhd.
- Hamka. (1973). *Pemimpin dan pimpinan*. Kuala Lumpur, Malaysia: Pustaka Melayu Baru dan Pustaka Budaya Agency.
- Harun Mat Piah. (2004). *Puisi Melayu tradisional: Nasihat dan Pengajaran*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa. (2008). *Hati budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad Ke-21*. Selangor, Malaysia: Universiti Putra Malaysia.
- Hashim Musa & Halimah Pondo. (2012). *Isu sosiolinguistik di Malaysia*. Selangor, Malaysia: Universiti Putra Malaysia.
- Husin@Ibrahim Mamat. (2007). *Pemimpin era globalisasi*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jamaliah Mansor. (2005). *Kesantunan berbahasa*. Kertas Penyelidikan. Kuala Lumpur, Malaysia: Universiti Malaya.
- Kamus Dewan*. (2007). Edisi Keempat. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamal Shukri Abdullah Sani. (2007). *Bahasa Melayu: Apa Sudah Jadi?*. Kuala Lumpur, Malaysia: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Leech Geoffrey. (1993). *Prinsip pragmatik*. (Azhar M. Simin, Pent). Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka. Buku asal diterbitkan pada 1984.
- Lutfi Abas. (1975). *Linguistik deskriptif dan nahu bahasa Melayu*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Marylina Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar & Maslida Yusuf. (2012). *Prinsip dan aplikasi kesantunan berbahasa*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Mokhtar Hassan. (2007). *Teori konseptual kata kunci*. Kuala Lumpur, Malaysia: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohammad Fadzeli Jaafar. (1997). Kesantunan dalam masyarakat Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*, 41(4), 292-298.
- Mohammad Idris. (2000). *Kesantunan berbahasa dalam perbualan keluarga Melayu*. Disertasi Sarjana. Kuala Lumpur, Malaysia: Universiti Malaya.
- Mohd Azmi Sidik. (1997). *Kesantunan berbahasa di dalam pantun*. Disertasi Sarjana. Kuala Lumpur, Malaysia: Universiti Malaya.
- Mohd Rashid Md Idris. (2011). *Nilai Melayu dalam pantun*. Perak, Malaysia: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Munif Zariruddin Fikri. (2012). *Analisis wacana prinsip kesantunan berbahasa dalam Al-Quran & Hadis* dalam Marylna Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar & Maslida Yusuf, *Prinsip dan aplikasi kesantunan berbahasa* (pp. 43-62). Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Daud. (1995). *Budi bahasa dalam tamadun Islam*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. (1981). *Beberapa persoalan sosiolinguistik bahasa Melayu*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Azian Aziz. (2005). *Analisis kesantunan berbahasa: Satu Kajian Kes*. Disertasi Sarjana. Kuala Lumpur, Malaysia: Universiti Malaya.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2012). *Kesantunan berbahasa: Meneroka minda Melayu* dalam Marylna Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar & Maslida Yusuf, *Prinsip dan aplikasi kesantunan berbahasa* (pp. 148-169). Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norazlina Mohammad. (2002). *Analisis kesopanan berbahasa dalam novel Salina*. Kertas Penyelidikan. Kuala Lumpur, Malaysia: Universiti Malaya.

- Noriati A. Rashid. (2005). *Kesantunan orang Melayu dalam majlis pertunangan*. Tanjung Malim, Malaysia: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nurhidayah A. Halim. (2009). *Kesantunan bahasa dalam urusan jual beli: Aspek sistem panggilan*. Kertas Penyelidikan. Kuala Lumpur, Malaysia: Universiti Malaya.
- Rahimah Jusoh. (2012). *Analisis kesantunan berbahasa dalam filem Labu-Labi*. Kertas Penyelidikan. Kuala Lumpur, Malaysia: Universiti Malaya.
- Siti Sarizah Ismail. (2012). *Analisis kesantunan berbahasa dalam filem animasi Upin&Ipin: Geng Pengembaraan Bermula*. Kertas Penyelidikan. Kuala Lumpur, Malaysia: Universiti Malaya.
- Tenas Effendy. (2000). *Pemimpin dalam ungkapan Melayu*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. (2004). *Tunjuk ajar Melayu*. Yogyakarta, Indonesia: Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu.
- _____. (2005). *Ungkapan tradisional Melayu Riau edisi kedua*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. (2010). *Ungkapan Melayu: Pemahaman dan masalahnya*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. (2010). *Kesantunan Melayu*. Jakarta, Indonesia: Yayasan Tenas Effendy.
- _____. (2010). *Semangat Melayu*. Jakarta, Indonesia: Yayasan Tenas Effendy.
- Teo Kok Seong. (2003). Kesantunan berbahasa: Kes bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 3, 1.
- Zainal Abidin Ahmad. (2002). *Ilmu mengarang Melayu*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2012). *Kesantunan berbahasa dalam kalangan remaja sekolah menengah*. Diakses daripada laman sesawang

<http://jurnalbahasa.dbp.my/wordpress/wp-content/uploads/2014/08/07-KESANTUNAN-BERBAHASA-DALAM-KALANGAN-REMAJA.PDF>

Zainol Abidin Kasim. (2003). *Kesantunan berbahasa: Kajian kes dalam interaksi verbal di kalangan pengajar-pengajar Jepun*. Disertasi Sarjana. Kuala Lumpur, Malaysia: Universiti Malaya.

Zuraidah Abdullah, Zahir Ahmad & Nuwairi Khaza' ai. (2012). *Pantun dan ungkapan Melayu sebagai wahana kepimpinan Melayu ke arah pembangunan modal insan*. Diakses daripada laman sesawang <http://www.ukm.my/i-melayu/image/jurnal/artikel%2012.pdf>

Kepimpinan (2012). Diakses pada 15 November 2015 daripada laman sesawang <http://ms.wikipedia.org/wiki/Kepimpinan>

Ungkapan (2002). Diakses pada 15 November 2015 daripada laman sesawang https://id.wikibooks.org/wiki/Bahasa_Indonesia/Ungkapan

University of Malaya